

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Shah Alam, Rabu 14 April 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(PUAN TIMBALAN SPEAKER)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

## **TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )**

**Dewan disambung semula pada jam 10.00 pagi**

**TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.**

**SETIAUSAHA DEWAN : Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.**

**SETIAUSAHA DEWAN : Doa.**

**SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-Pertanyaan.**

**TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekalian, sebelum sidang Dewan ini bermula dengan sesi pertanyaan sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Varisapirapu kepada kaum Tamil dan selamat menyambut Vaisaki kepada semua kaum Sikh pada hari ini. Kota Alam Shah**

**YB TUAN M. MANOHARAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Sebelum saya bermula saya harap YAB. Dato' Menteri Besar akan mengumumkan sekurang-kurangnya pada tahun hadapan Cuti am bagi Tahun Baru Tamil dan Vaisaki bagi kaum India di Negeri Selangor sekurang-kurangnya dan soalan saya No. 9.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK: JAWATAN SEBAGAI YANG DI PERTUA MAJLIS DAERAH & DATUK BANDARAYA**

9. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:
  - a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menempatkan Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Selangor untuk memegang jawatan sebagai Yang Di Pertua Majlis Daerah ataupun Datuk Bandaraya?
  - b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menamakan dan memberikan lawatan sebagai Yang Di Pertua Daerah dan Datuk Bandaraya kepada kalangan kaum bukan Melayu?
  - c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menamakan dan memberikan jawatan sebagai Timbalan Yang Di Pertua Daerah dan Timbalan Datuk Bandaraya kepada kalangan kaum bukan Melayu?

**YB TUAN LIU TIAN KHEW:** Tuan Speaker, soalan Kota Alam Shah adalah mengenai jawatan sebagai Yang Di Pertua Majlis Daerah dan Datuk Bandar. Kerajaan Negeri Selangor buat masa ini tidak berhajat melantik mana-mana EXCO Kerajaan Negeri atau Ahli Dewan Negeri

sebagai Datuk Bandar atau Yang Dipertua Majlis Daerah. Namun, Kerajaan Negeri memandang serius akan kerjasama yang perlu dijalankan oleh Kerajaan Tempatan dalam urusan membantu rakyat berasaskan prinsip urus tadbir kerajaan yang baik, cekap, telus dan bertanggungjawab.

Hasrat sebenar Kerajaan Negeri Selangor ialah mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Surat telah dihantar kepada Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu SPR untuk mengkaji perihal ini dan jawapan telah diterima. Kerajaan Negeri akan membincangkan tindakan lanjut berhubung persoalan ini.

Berkenaan lantikan Yang Dipertua dan Datuk Bandar ataupun Timbalan YDP, Timbalan Datuk Bandar kepada bukan Melayu, Kerajaan Negeri Selangor menyerahkan urusan ini kepada rakyat kerana apa yang lebih dipentingkan ialah prestasi dan prinsip urus tadbir kerajaan yang baik, telus dan bertanggungjawab. Kerajaan Negeri juga sedar bahawa dengan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, wujud juga kebarangkalian para Ahli Majlis dan Datuk Bandar tidak mewakili semangat kepelbagaian kaum. Kerajaan Negeri akan menerima keputusan rakyat namun bukan atas semangat perkauman tetapi kelayakan. Jika Kerajaan Negeri berpendapat bahawa ia bercanggah dengan prinsip ini, usaha lain akan dibuat bagi memastikan Kerajaan Tempatan bersifat representatif. Telah tiba masanya kita mengubah paradigma bahawa hanya wakil kaum boleh memahami dan memberi khidmat terbaik kepada kaumnya. Marilah kita nyatakan bahawa kaum bukanlah pilihan kita tetapi kita boleh berkhidmat kepada semua tanpa mengira perbezaan. Apa yang penting ialah kita meningkatkan pemahaman, berinteraksi dan belajar mengenali perbezaan dan persamaan seterusnya mendahulukan khidmat berbanding ciri-ciri luaran ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bangi.

**YB DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK: PENDIDIKAN PRASEKOLAH**

10. JAIS memperkenalkan pendidikan prasekolah dan bercadang memperluaskannya.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Apakah fokus utama pendidikan prasekolah ini?
- b) Adakah cadangan kurikulum pendidikan ini dibenarkan kepada pihak swasta menggunakaninya?
- c) Adakah JAIS bercadang bekerjasama memperluaskan pendidikan prasekolah ini dengan pihak PASTI?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh, salam sejahtera. Tuan Speaker, mengenai pendidikan prasekolah yang dijalankan oleh JAIS sehingga ini pendidikan prasekolah ini adalah merupakan salah satu

pendidikan yang paling penting sebagaimana Yang Berhormat Bangi maklum bahawa pendidikan prasekolah telah bermula sejak 173 tahun yang lalu dan di Germany dan sebab itu kita pun mengambil kekuatan daripada kekuatan-kekuatan yang terdapat dalam pendidikan prasekolah tersebut dan kita terapkan, telah menerapkannya kepada prasekolah yang dijalankan oleh JAIS. Dari segi mata pelajaran atau tumpuan yang diberikan, Tuan Speaker, pertama ialah tentang pembentukan personel, sosial dan emosi. Yang kedua ialah permasalahan tentang *language* atau bahasa, letras dan komunikasi. Yang ketiga tentang pembangunan matematik dalam kepala mereka supaya ada angka-angka dan mengenal angka-angka kemudian pembangunan dari segi ilmu dan mengetahui mengenai dunia di sekeliling mereka kemudian mengenai fizikal *development* pembangunan fizik dan kemudian pembangunan kreatif mereka dan akhirnya dalam kes sekolah-sekolah, prasekolah yang dikendalikan oleh JAIS sudah tentulah menekankan kepada faktor-faktor spiritual yang menekankan pembinaan personaliti, pembinaan peribadi, pembinaan sahsiah inilah yang di antaranya yang membezakan di antara kelas-kelas prasekolah yang dijalankan oleh JAIS barangkali dengan kelas-kelas prasekolah yang dijalankan oleh pihak-pihak yang lain dan kita dapat sambutan daripada rakyat sangat-sangat menggalakkan sebagaimana yang kita ketahui memang sudah wujud adanya vakum adanya kekurangan di kalangan masyarakat untuk mendidik anak-anak terutamanya dalam personaliti *building*, pembinaan sahsiah peribadi, maka JAIS telah mengisi vakum tersebut dan sejak ditubuhkan beberapa tahun yang lalu, kita dapat sambutan begitu hangat kepada kelas-kelas tadika yang disediakan oleh JAIS.

Dalam pada itu, Tuan Speaker, saya ingin memaklumkan di sini JAIS terbuka dan sedang terbuka untuk *share* untuk kita berkongsi tentang pengalaman-pengalaman terutama dari segi ilmu, dari segi kemahiran dan juga dari segi pembinaan sikap pelajar-pelajar yang telah pun berjaya dijalankan oleh JAIS untuk di kongsi dengan pihak-pihak yang lain sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Bangi dapatkah kita kongsi bersama dengan PASTI dan sebagainya. Bukan hanya dengan PASTI, siapa juga yang ingin mengongsi tentang kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh JAIS dalam bidang prasekolah ini tak kisah sama ada mereka daripada golongan yang Islam atau Bukan Islam barangkali boleh memilih beberapa aspek-aspek yang penting dalam pembangunan prasekolah tersebut untuk diterapkan di institusi masing-masing dan akhirnya Tuan Speaker, kita berharap satu hari nanti Insya-Allah aktiviti ataupun program prasekolah yang dikendalikan oleh JAIS akan disebar luaskan dan saya telah mengambil perhatian istimewa secara peribadi mengenai perkara ini kerana pentingnya perkara ini dalam pembinaan masyarakat generasi yang sangat penting di Negeri Selangor ini dan kita harapkan cita-cita ini akan tercapai. Terima Kasih.

**YB DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Pengerusi, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih. Setakat ini apakah persediaan untuk melatih guru, infrastruktur dan *environment* yang telah diambil kira bagi menjamin prasekolah ini baik dan bermutu.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Bangi. Sebagaimana yang kita ketahui rata-ratanya kalau dibandingkan dari segi infrastruktur apa yang disediakan oleh JAIS agaknya lebih baik daripada sekolah-sekolah, prasekolah yang dikendalikan oleh pihak-pihak yang lain, oleh kali, barangkali JAIS sebagai badan Kerajaan Negeri Selangor ini mempunyai kemampuan yang agak baik jika dibandingkan dengan pihak-pihak yang lain. Kemudian tu, dari segi selain daripada infrastruktur, kemudahan dan guru-guru dan sebagainya. Sebagaimana yang diketahui, guru-guru yang melatih anak-anak kecil prasekolah yang

berumur antara 5 dan 6 tahun ini sudahlah diberikan pendedahan-pendedahan dan kita akan hantar mereka, siapa sahaja, beritahu kami di Malaysia ini terutamanya mana-mana institusi yang dapat membimbing guru-guru prasekolah ini, guru-guru tadika ini bagi tahu kami ruang-ruang untuk kami pertingkatkan ilmu kemahiran mereka untuk menjadikan mereka bukan sahaja merupakan guru-guru yang ke hadapan dari segi ilmu dan kemahiran tetapi kita mahukan guru-guru pra tadika JAIS ini mempunyai simbolnya yang sendiri mempunyai ikon yang tersendiri dalam konteks kita melahirkan guru-guru yang terbaik untuk mengajar di sekolah-sekolah prasekolah di negeri Selangor ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Tuan Speaker. Soalan No. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI**  
**(BATU CAVES)**

**TAJUK: PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG**

11. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Apakah asas utama pertimbangan Kerajaan Negeri dalam melantik 3 syarikat utama yang menjayakan projek tersebut.
- b) Berapakah jumlah syarikat-syarikat yang membida bagi mendapatkan kontrak projek berkenaan?
- c) Berapa lama kah masa yang diperlukan untuk menyiapkan 20 km sungai tersebut.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, terima kasih kepada YB. Dari Batu Caves kerana soalan mengenai projek pembersihan Sungai Klang. Pertama, beliau bertanya apakah asas pertimbangan Kerajaan Negeri melantik 3 syarikat utama yang menjayakan projek tersebut? Sungai Klang adalah satu aset yang selama ini kita abaikan dan oleh sebab itu, salah satu usaha Kerajaan Negeri adalah supaya mengembalikan kegunaan aset tersebut. Aset Sungai Klang boleh dilihat dari segi penggunaan airnya dan juga tanah-tanah rizab yang ada bersebelahan Sungai Klang. Buat masa ini keadaan Sungai Klang tidak begitu terancang dan oleh sebab itulah kita dapatti Sungai Klang ini kotor airnya, tidak boleh digunakan untuk minuman. Dan perancangan di tebing Sungai Klang kalau dibandingkan dengan perancangan-perancangan sungai-sungai di seluruh dunia ini, nampaknya yang terbaik tidak dilakukan di Sungai Klang.

Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah memasukkan projek pembersihan Sungai Klang dan pembangunan Sungai Klang sebagai satu daripada enam projek rangsangan ekonomi negeri Selangor. Kita lihat sudah tentulah usaha ini dipersoalkan akan bagaimana rangsangan ini boleh dilakukan oleh sebab Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan penanaman modal ataupun peruntukan pelaburan dan penggunaan kewangan seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Biasanya dalam perancangan pembangunan ekonomi ia dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan kerana mereka ada Rancangan Malaysia dan peruntukan-peruntukan dari cukai.

Bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif dan juga memikirkan bagaimana cara yang terbaik jika Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan dari Kerajaan Persekutuan tetapi boleh dapat membina pembangunan di Negeri Selangor. Jadi, satu daripada perkara yang difikirkan dalam usaha pembersihan Sungai Klang adalah boleh tak kita buat satu *vision* atau pun satu pemikiran bagaimana Sungai Klang ini dapat dibangunkan dan kalau betul-betul kita dapat dibangunkan ini kita boleh dapat peruntukan bukan dari mana-mana tetapi peruntukan dan pelaburan dari *private sector* iaitu dari pihak swasta apa yang dipanggil yang sekarang dikenali *private funding initiative* (dengan izin). Jadi dipanggil sebagai dengan izin *private funding initiative*. Jadi dengan berasaskan konsep tersebut kita mula merangka bagaimana Sungai Klang ini dapat dibangunkan.

Faktor yang pertama kita kena lakukan ialah bagaimana kita nak menentukan kawasan mana di Sungai Klang ini perlu dibangunkan. Jawapan itu dapat kita lihat bagaimana Kerajaan Negeri menggunakan kuasanya untuk menentukan Sungai Klang atau pun tanah-tanah rizab tanah di sebelah Sungai Klang dan Sungai Klang itu digazetkan atau pun diwartakan. Seperti biasa, kebiasaannya mewartakan Sungai Klang memerlukan masa yang agak lama tapi oleh sebab ini projek rangsangan ekonomi kita telah bekerjasama dengan Jabatan JPS, Perancang dan seterusnya Tanah dan Galian dan dapat dengan secepatnya menggunakan teknologi JPS yang mereka dapat gambarkan Sungai Klang itu dengan menggunakan teknologi ini dengan tak perlu mengukur, dengan berjalan kaki dan itu memerlukan masa yang lama. Sebaliknya, kita dapat mewartakan pembangunan Sungai Klang ini dalam masa yang paling singkat dalam sejarah pewartaan tanah-tanah di Malaysia atau pun di Selangor.

Jadi, selepas itu kita telah melihat bagaimana kita boleh membangunkan ini. Dengan itu kita bekerjasama antara dua kumpulan. Satu kumpulan yang terdiri daripada Perancang Bandar dan Desa, saya berterima kasih untuk merekodkan di sini Pengarah Perancang Bandar dan Desa telah bekerja kuat untuk melahirkan kajian ini dan usaha ini, dan juga kita cantumkan satu daripada kumpulan sektor swasta yang terdiri dari satu kumpulan perancang yang kita anggap bertaraf antarabangsa, sebab kumpulan perancang ini adalah satu kumpulan yang diketuai oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri yang mendapat pendapatan hasil daripada kerja-kerja mereka, bukan dari Malaysia tetapi di China, di Amerika dan juga di Australia. Jadi oleh sebab itu kita cantumkan kekuatan daripada *private sector* pengalaman untuk pembersihan Sungai Klang dan perancangan dan kita cantumkan kekuatan yang ada di dalam negeri iaitu di bawah kelolaan Pengarah Perancang Bandar dan Desa. Itulah sebabnya kita pilih DPZ Asia bukan sebagai kumpulan *business*, bukan sebagai kumpulan pelaburan, tetapi kumpulan yang mempunyai kepakaran dari segi perancangan. Mereka bekerjasama dengan Perancang Bandar dan Desa dan dapat merangka visi dan misi usaha untuk pembersihan Sungai Klang. Selepas kita lakukan itu kita mengeluarkan tender atau pun surat pelawaan kepada mereka yang berminat untuk menyertai usaha pembangunan Sungai Klang ini, dan kita lakukan secara terbuka, secara *transparent*, kita masukkan dalam akhbar untuk memanggil mereka supaya mereka yang berminat untuk menyertai pembangunan Sungai Klang ini dengan data yang kita ada, data yang kita gazetkan dan data disediakan oleh Perancang Bandar dan Desa. Untuk itu sebagai satu contoh bagaimana terperincinya pihak Perancang dan Desa melakukan rancangan Sungai Klang ini, dia menghantar pegawai-pegawai yang membuat gambar dan ukuran setiap 5 meter atau pun dalam sungai itu. Jadi maknanya semua sungai itu sudah ada rekod dan gambar-gambar orang yang berada di tepi sungai tersebut. Usaha ini dilakukan sehingga sampai ke bahagian Petaling, iaitu daripada kuala sungai sampai bahagian Petaling dan ia hendak diteruskan sampai ke punca sungai, iaitu sampai ke Klang Gate.

Jadi kita sudah pelawa, dan kita telah menerima lebih daripada 36 *proposals* atau pun *proposals* yang diberi oleh mereka tentang cara mereka merangka untuk menggunakan usaha

pembangunan Sungai Klang ini; bagaimana mereka kalau diberi kesempatan, apa yang mereka boleh buat dalam bentuk *business initiative*. Dan dari 36 itu kita sudah senarai pendekkan kepada 3 dan kita mula-mula kita buat sampai 7 kemudian kita jemput mereka untuk memberikan penerangan akhirnya kita pilih tiga iaitu GJA Engineering Construction Sdn Berhad. Untuk pengetahuan ia adalah kumpulan profesional engineering bumiputera yang telah mempunyai kepakaran dalam merangka dan membuat reka bentuk pembangunan di tepi sungai. Jadi kumpulan ini terdiri daripada 100% milikan bumiputera dan ini bukan berasaskan mereka diberikan kerana mereka ialah kumpulan bumiputera bukan. Kita pun tak tahu yang GJA Engineering itu kumpulan yang terdiri daripada kumpulan bumiputera, kerana kita telah tengok bagaimana keupayaan dan kebolehannya.

Kedua ialah TSS MAKRO Engineering Sdn Bhd iaitu syarikat usaha sama dari Korea dan mempunyai anak syarikat di Selangor dan di Kuala Lumpur. TSS MAKRO ini mempunyai satu konsortium yang terdiri daripada syarikat-syarikat air di Korea dan juga syarikat yang pernah membersihkan sungai di Soul, di Korea dan mereka mempunyai keupayaan, juga dari segi kewangan.

Ketiga, kita juga telah menyenarai pendekkan Weset Water dan Air Berhad Konsortium. Mereka membuat satu kumpulan yang mana dia mempunyai kepakaran dari segi menjaga sungai iaitu menjaga sungai di Themes dan mempunyai kepakaran menggunakan air sungai untuk dibersihkan menjadi punca air minuman dan Air Berhad dia juga mempunyai kepakaran dari segi pembinaan harta tanah. Jad, Weset Water ini ada hubungannya dengan Yeoh Teong Lay iaitu syarikat pembinaan dan syarikat yang menjana kuasa elektrik dan syarikat *construction* yang agak terbesar di Tenggara Asia.

Oleh tiga itu kita pilih. Di peringkat awal ini kita melantik tiga ini sebagai konsortium awal untuk pembinaan pembangunan Sungai Klang, iaitu GJA Engineering Construction Sdn Berhad, TSS MAKRO Enterprise dan juga Weset Water Berhad Konsortium. Kemudiannya kita mungkin buka lagi sebab pembangunan Sungai Klang ini bukan kecil. Tapi dari segi kenyataan awal mereka akan membentangkan beberapa cadangan *business proposals*. Di peringkat awal kebanyakan daripada mereka mula menumpukan bagaimana mereka boleh membersihkan dan menggunakan air Sungai Klang itu pembersihan itu membolehkan air itu digunakan untuk minuman dan kegunaan rakyat di Selangor dan Wilayah. Dan kajian ini menunjukkan bahawa potensi air untuk kegunaan yang boleh diambil dari Sungai Klang potensi ialah melebihi 10% daripada kegunaan yang dipakai di Wilayah Persekutuan dan juga di Selangor. 10% maknanya 10% daripada kegunaan air itu boleh kita ambil dari punca air Sungai Klang.

Saya mohon saudara bandingkan sebelum ini Kerajaan Selangor menghadapi aspek masalah air dan jawapan yang dibuat oleh Kerajaan Selangor sebelum Pakatan Rakyat ialah mengatakan kita perlu mengambil air dari Pahang dan telah mengadakan satu usaha sama supaya kajian mengambil air daripada Pahang dan baru-baru ini kita lihat satu pembukaan upacara yang mana mereka ingin menyalurkan air daripada tasik di Pahang untuk ke Selangor dan perbelanjaan untuk mengalirkan air daripada Pahang ke Selangor dengan membuat *tunneling* di bawah banjaran Titiwangsa, di bawah gunung ini melebihi RM30 ribu juta dan kita akan buktikan kalau Sungai Klang ini dalam masa 2, 3 bulan ini kalau Sungai Klang ini mendapatkan 10% peruntukan air tambahan dia tidak memerlukan 30 juta. Ia hanya memerlukan kurang daripada RM2,000 juta. Dan ini akan dibiayai oleh sektor swasta.

Bandingkan pemikiran yang dibuat oleh kerajaan yang lepas dengan kerajaan yang sekarang. Aset yang tidak digunakan telah dapat ditunjukkan memberikan harta yang terbaik untuk negeri Selangor. Tak perlu menggunakan dan membuat terusan-terusan dan menghabiskan ribuan

juta untuk mencari air dan oleh sebab itulah pada kita ini satu projek yang sangat penting untuk kita laksanakan. Ia menunjukkan bahawa kepakaran kita adalah lebih baik dari yang lepas. Jadi, ini yang kita tunjukkan dan saudara berapakah syarikat pinjaman kita? Berapa lamakah? Jawapan mengenai berapa lama, berapa lamakah kita akan membangunkan Shah Alam? Berapa lamakah kita akan membangunkan Kuala Lumpur? Berapa lamakah kita akan membangunkan Putrajaya? Jawapannya selama-lamanya. Jadi itu jawapan berapa lama. Ia bukan satu jawapan pertanyaan daripada rancangan mesti kita lahirkan. Sebab itulah kita membawa satu visi Sungai Klang yang begitu besar. Jadi maknanya mengikut perkiraan kita, kalau sebagai contoh sahaja saya nak bagi contoh supaya pihak belah sana akan membuat kira-kira. Kalau orang Klang sahaja jumlah sekarang penduduk di Klang ialah 1juta orang. Sudah melebihi 1juta orang dan perangkaan ini menunjukkan jumlah penduduk di Sungai Klang di Klang di Bandar Klang ialah sama dengan jumlah penduduk di Negeri Sembilan. Ia melebih 1juta orang dan kalau dia menggunakan air sebanyak RM10 sahaja dalam satu bulan bukan satu hari, RM10 satu bulan kita sudah boleh membuat jualan air sebanyak RM10 juta. Dan kalau kita beri dalam masa setahun sudah jadi RM120 juta. Jawapannya saya mula menganalisis: mengapakah perkara ini tidak difikirkan oleh kerajaan yang lepas. *Why?* Mengapa? Jawapannya jelas. Kontrak RM40 bilion terpaksa memberi komisen yang sangat tinggi. Tetapi pembersihan Sungai Klang '*no commission*'. Tak ada. Jadi pandangan itu sangat jauh terpesong. Jadi permata di depan ditinggalkan...

Jadi ini dia jawapan. Jawapannya bahawa Pakatan Rakyat memikirkan bagaimana menggunakan aset rakyat dengan sebaik-baiknya bukan memandang tentang komisen yang bakal diperolehi kerana memberikan kontrak yang sangat besar dan ini untuk rekod kerana oleh sebab kita sudah berjanji dengan kerajaan Pahang, oleh sebab kerajaan negeri Selangor, kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Pahang sudah berjanji dalam perjanjian itu untuk memberikan air kepada negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan kita terima perjanjian tersebut tetapi kosnya, kos pembelian air mesti digandingkan dengan kos yang akan kita lakukan untuk Sungai Klang. Jadi ini akan memberi kekuatan pada pengguna di negeri Selangor supaya mereka dapat harga air yang terendah. Tidak lagi dibuat dengan kos yang tinggi. Jadi itulah usaha projek Sungai Klang ini dan saya berharap ahli-ahli dewan bersama-sama mengkritik supaya pembangunan rakyat ini dapat dilakukan.

Saya juga ditanya semalam mengapa DPZ ini dipilih oleh Menteri Besar untuk menjalankan projek Sungai Klang. Dia tak ada pengalaman menjalankan projek Sungai Klang. Mereka hanya sebagai penasihat daripada segi perancangan dan orang saya pernah berjumpa dengan seorang anak Malaysia yang mempunyai kepakaran dari segi perancangan desa dan bandar. Oleh sebab dulunya dalam kegawatan tidak dapat kerja di Malaysia, tetapi bekerja di Florida dan bekerja di New Zealand dan Amerika dan dapat hadiah-hadiah yang terbaik dari segi persembahan dia bukan sahaja pernah dapat hadiah di Malaysia tetapi dapat termasuk di Oxford Universiti. Jadi oleh sebab itu saya pilih beliau untuk bekerja dengan perancang bandar dan desa untuk merangka bentuk *vision* negeri Selangor dan reka bentuk yang telah dibuat, *vision* yang dibuat sudah dipamerkan dan kos dia untuk kita bayar adalah yang terkecil sekali pernah beliau terima kerana kita bayar dengan harga kos bukan dengan harga yang seorang *consultant of international caliber*. Tak ada. Ini boleh kita buka untuk tatapan masyarakat yang ramai. Dia ialah seorang orang Melayu yang boleh menggunakan lukisan dan juga *computer system* dan oleh sebab beliau tidak dapat bekerja di Malaysia saya rasa adalah tanggungjawab saya untuk juga untuk membawa beliau berjinak-jinak datang balik ke Malaysia kerana kepakaran orang-orang ini melalui usaha kita membawa rakyat Malaysia yang kita labur dari segi pelajarannya untuk datang balik ke Negara kita memberi sumbangan kepada pembangunan di Negara kita.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker, sebelum saya bertanya soalan saya berharap Tuan Speaker sebagai orang yang arif dan memang bertanggungjawab dan selalu saya puji supaya jawapan ini kita ringkaskanlah. Ini bukan program ceramah. Kalau macam ini satu hari satu soalan jadi yang lain tu macam mana? Banyak lagi isu. Nak bagi penjelasan biar tepat, lengkap, kita faham. Tapi kalau nak satu jawapan ini nak ambil setengah jam saya rasa masalah. Pasal macam semalam dewan saya difahamkan mungkin ditangguhkan hari ini terakhir. Saya nak mengambil bahagian dalam penggulungan titah baginda tapi sampai semalam berdiri, berdiri, berdiri tak dapat. Dan kalau betul lah sepertimana Bukit Antarabangsa kata memang kita pun memang dewan ini tanggungjawab Pakatan Rakyat bertanggungjawab, sepatutnya bagi semua wakil rakyat bercakap sekiranya tak ada yang nak bercakap barulah kita tangguhkan dewan. Saya berharap lah tapi saya rasa Tuan Speaker dah buat keputusan. Berbalik kepada soalan ini saya nak tanya kepada YAB Tan Sri Menteri Besar. Memang betul tetapi duduk di sana senang bercakap tetapi cara YB dengan izin bukan nak perlehkeh tetapi hanya bertanya sebagai orang yang kerdil tidak tahu apa-apa, hanya nak tanya projek ini mengambil masa begitu lama 15 tahun sepertimana penjelasan YAB pun begitu lama saya rasa kalau tak berhenti 15 tahun pun tak selesai. Tapi projek ini belum pun bermula tetapi cara bercakap itu seumpama dah selesai. Kalau dah selesai depan mata nampak hasil boleh kita bercakap. Hanya kerisauan saya projek ini kalau betul benar akan manfaatkan rakyat Selangor alhamdulillah. Tetapi kalau memakan belanja yang begitu banyak RM50bilion banyak lagi masalah-masalah di kawasan kampung contohnya di kampung saya sendiri. Masalah banjir tiap-tiap hari terpaksa diketengahkan dalam surat khabar. Sampaikan orang Selayang takut banjir kilat akan tenggelamkan kampung.

**TUAN SPEAKER:** Yang berhormat, yang berhormat nanti dulu.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Jadi soalan saya

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Jadi soalan saya bukankah duit itu

**TUAN SPEAKER:** Yang berhormat kalau nak tegur orang bagi jawapan ringkas, padat, soalan itu kena ringkas. Soalan panjang-panjang mestilah ada jawapan yang panjang.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Ok. Soalan saya bukankah elok sebelum kita membangunkan Sungai Klang elok kita melihat kepada perkara-perkara yang lebih mustahak. Contohnya masalah banjir, masalah penyelenggaraan longkang dan sebagainya yang juga boleh gunakan duit RM50bilion untuk membuat kerja itu dulu untuk membantu rakyat Negeri Selangor. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Oleh sebab saya jawab panjang sedikit sebab saudara juga boleh jadi kurang faham. Itu sebabnya. Duit bukan dari kerajaan negeri, duit daripada *private funding initiative*. Jadi kalau dapat untung barulah duit itu sampai kepada negeri. Jadi kalau saudara kata duit untuk membaiki apa itu jalan-jalan itu, pertama di mana datangnya duitnya? Duitnya datangnya daripada hasil negeri dan oleh itu salah satu tugas yang utama ialah meningkatkan hasil negeri. Jadi bila nak meningkatkan hasil negeri inilah projek yang kita tingkatkan. Jadi jawapan saudara itu yang saudara gunakan ini saya harap ini saya nak

betulkan. Itulah sebab saya ambil lebih masa... Sebab kadang-kadang ada yang tak faham. Kita mesti menggunakan dalam perancangan, dalam pembangunan negara saudara boleh baca buku '*economic development*'. Dalam perancangan kita perlu mengumpulkan pendapatan dan pendapatan daripada hasil pendapatan itu baru kita gunakan untuk pembangunan. Tak dapat lagi nak guna. Itu sepatutnya. Dan saudara boleh mempersoalkan yang soalan saudara itu bagus hanya bila soal soalan, kita dah dapat RM100 juta. Kenapa tidak digunakan RM100 juta itu utama kepada ini? Dan kenapa harga ini lebih tinggi daripada harga biasa? Dan baru saudara '*class*'. Maknanya menyoal satu perkara yang patut disoal... Tapi tak apa. Ini kursus untuk masa hadapan bukan untuk masa saya tapi untuk masa hadapan bagaimana cara kita membangunkan negeri Selangor yang terbaik lagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** YB Taman Templer kalau lain kali nak cakap, nak bahas tolong berada dalam dewan. Semalam YB balik awal. Pukul 8 hingga 9

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker. Itu sangkaan jahat. Saya ada sampai habis.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Tapi

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Ha, sampai pukul 9.

**TUAN SPEAKER:** Baik. Bila saya tengok-tengok sini tak ada orang yang bangun.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Bila tengok dalam rekod memang ada. Memang saya sampai mula sampai akhir la. Saya rasa YB Sekinchan boleh setuju dengan saya.

**TUAN SPEAKER:** Tapi jangan cakap Speaker sangka jahat.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tak ada, tak ada. Minta maaf.

**TUAN SPEAKER:** Itu yang saya cakap. Sebab saya bagi peluang, saya bagi peluang sebenarnya. Dan sebenarnya saya kira semalam

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Nanti dulu. Speaker cakap duduk dulu. Habis Speaker cakap baru bangun. Nak bantah pun lepas itu la. Baca peraturan. Baca peraturan ya. Ya, Jeram. Macam itu. Semalam saya bagi cukup peluang untuk adil. Saya dah kira daripada 16 orang yang bercakap, 6 daripada barisan hampir separuh. Mana ada Speaker yang lain buat begitu. Mempertahankan hak pembangkang untuk membahas. Tengok, cek rekod daripada 16, 6 itu daripada pembangkang. 3/8 hampir separuh daripada pembangkang. Ya, Jeram.

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Terima kasih Tuan Speaker. Semalam lapan soalan dikemukakan. Tapi soalan saya nombor enam tak ada satu pun soalan tambahan. Saya pohon pun tak dapat.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan bergantung. Itu hak. Itu adalah kuasa

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** No. Tadi Tuan Speaker menyebut dia beri peluang kepada semua orang.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi peluang.

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Tapi soalan saya tak ada tambahan soalan pun tak ada.

**TUAN SPEAKER:** Tambahan tengok peraturan. Ada tambahan ada yang perlu tambahan saya benarkan.

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Mana ada peraturan dari segi tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tengok semalam. Soalan pertanyaan daripada Jeram panjang. Tengok berapa muka surat.

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Yang panjang tu yang jawab Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** ....dah lengkap. Ok, dah.

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Satu soalan tambahan pun tak ada semalam.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Duduk dulu. YB Jeram cuba tanya satu soalan tak dapat satu soalan tambahan nak bantah, nak melenting. Tengoklah jawapan. Nanti dulu. Tuan Speaker cakap duduk. Tengok berapa muka surat. Saya dah kira. 5 muka surat daripada YB Selat Kelang bagi jawapan itu. Satu soalan ambil 15 minit untuk menjawab masih tak lengkap? Kalau tak lengkap, ambil bahagian dalam dan tanya lagi lain kali. Bila saya nampak jawapan itu sudah lengkap dan panjang ambil masa, maka saya tak berikan soalan tambahan. Soalan tambahan bukan hak Adun. Soalan tambahan adalah kuasa Speaker untuk memberikannya. Jadi ada saya benarkan sampai empat soalan tambahan adalah saya tak benarkan itu. Jadi tengok itu bukan hak. Kalau hak saya pertahankan. Itu bukan hak. Dah baca Peraturan Tetap belum? Belum? Kalau belum duduk ni. Ada bawa? Tak bawa langsung? Duduk. Baik Morib.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : PROGRAM “SPIES”**

12. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Sejauh manakah program tersebut dilaksanakan dan apakah faedah pelaksanaannya?
- Sejauh mana keberkesanannya dan berapa perbelanjaan sebenar dibelanjakannya?
- Berapa ramai kakitangan yang telah menyertai program ini?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Assalamualaikum w.b.t. dan selamat sejahtera Tuan Speaker. Terima kasih kepada Morib yang bertanya tentang program SPIES. Pertamanya saya nak menyatakan, nak mengingatkan bahawa kursus asas (kursus asas SPIES) dimulakan pada 24 Ogos 2008 dan fakta daripada 24 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2009 sebanyak 351 program telah berjaya diadakan dengan melibatkan penyertaan seramai 29,243 orang yang

memerlukan pelaburan sebanyak RM6,885,362.00 dan kakitangan kerajaan yang terlibat ialah seramai 2,391 orang. Morib bertanya apakah faedah pelaksanaan program SPIES ini. Pertama saya nak ingatkan semua ahli dewan wakil-wakil rakyat yang berada di sini tentang titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang saya baca di sini “*beta yakin kita semua sedar bahawa apabila kita bercakap tentang pembangunan modal insan yang meliputi semua aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Beta telah dimaklumkan bahawa kerajaan beta sedang menjalankan program SPIES iaitu ringkasan daripada konsep Spiritual, Physical, Intelectual, Emotional dan Social. Kerajaan beta mesti menumpukan program pembangunan modal insan untuk mendorong budaya kepemimpinan unggul dalam kalangan belia, wanita dan pemimpin setempat. Dengan dorongan ini mereka menjadi lebih berdikari mengurus kesejahteraan mereka sendiri.*” Saya nak sebutkan di sini bahawa hasrat kerajaan negeri Selangor untuk menjadikan Selangor sebuah negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan tidak akan tercapai jika kerajaan mengabaikan pembangunan penting dan utama iaitu pembangunan modal insan. Jadi kerajaan yang bijak dan *futuristic* sudah tentu akan mengatur strategi untuk membangun aset utamanya iaitu penduduknya ataupun insan-insan yang berada di Selangor ini. Justeru, pembangunan lestari negeri Selangor memerlukan tindakan serius yang mengambil pendekatan *holistic* dan sepada dalam mempunyai pelan dan mempunyai pelan jangka pendek dan jangka panjang. Jadi, program SPIES ini adalah satu proses kalau Bukit Antarabangsa sebut reformasi, ia bukan saja proses reformasi masyarakat di Selangor ini tapi transformasi Selangor yang disebutkan oleh Kuang atau Dengkil saya tak ingat semalam ya sebagai ‘Darul maksiat’ yang saya sebutkan dua tahun yang lepas kepada Selangor Darul Ehsan. Jadi SPIES adalah proses, SPIES bukan hanyalah kursus. Kursus SPIES hanyalah pengenalan kepada konsep, dasar, pendidikan sepanjang hayat kerajaan negeri Selangor di mana kita mahu setiap penduduk ini daripada kecil sehingga yang besar ‘*minal mahdi ilal mahdi*’ maknanya daripada buaian sehingga ke liang lahad perlu mempertingkatkan dan membangunkan modal *spiritual* dirinya, modal fizikal dirinya, modal intelek dirinya, modal emosi dirinya dan modal sosial dirinya barulah pembangunan *collective* modal-modal insan di Selangor ini akan menjadikan satu modal yang besar yang akan menjayakan hasrat kerajaan negeri Selangor 2025 hala tuju Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Yang berhormat, yang berhormat *please stick to the question.*

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Ini dia nak tanya faedah SPIES ini.

**TUAN SPEAKER:** Dia bukan tanya faedah. Dia tanya faedah pelaksanaannya. Jadi setakat mana faedah pelaksanaannya bukan secara dasar. *Stick to the question.*

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Ok Tuan Speaker. Yang saya sebutkan pelaksanaan. *It is a process and it's not just kursus.* Bukan sahaja kursus tapi SPIES ini adalah kursus hanyalah memperkenalkan konsep. Bila balik maknanya seseorang itu telah diberi keupayaan untuk memilih mempertingkatkan dirinya bukan kerajaan dah. Bukan pimpinan dah, bukan guru-guru dah, bukan ustaz-ustaz dah tapi diri sendirinya. Bila balik daripada kursus asas SPIES itu akan mempertingkatkan dirinya sendiri daripada lima-lima elemen teras itu tadi. Jadi, inilah perbezaan kalau kita lihat bagaimana BTN lakukan oleh kerajaan *federal* atau kerajaan pusat

**TUAN SPEAKER:** Yang berhormat, yang berhormat. Saya tidak mahu ganggu tapi yang soalan ini ‘apakah faedah perlaksanaannya. Apakah faedah yang telah diperolehi yang telah diperolehi oleh peserta?’ bukan apa faedah yang akan diperolehi. Jadi *stick to the question.*

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Ok Tuan Speaker. Saya faedah kursus. Kalau apa sebab apa dia tanya program SPIES. Dia punya soalan program SPIES. Kalau dia tanya

pelaksanaan faedah pelaksanaan kursus SPIES jadi maka itu boleh kita apakan dia punya kesan keberkesanan itu tadi. Memang saya nak nyatakan di sini bahawa kita memang telah pun buat kajian keberkesanan kursus asas SPIES ini dan kita daripada 5,000 peserta yang telah kita benci, kita mendapatkan respondennya menyatakan tahap kepuasan pelanggan daripada peserta, daripada majikan dan daripada pemantau yang telah dilantik ialah 3.4 daripada skala 4.0. jadi inilah yang telah kita lakukan dan dari faedahnya tadi kita melihatkan bahawa semakin ramai remaja belia yang mahu melibatkan diri dalam program-program yang positif, melibatkan diri dalam perkara-perkara yang akan memberikan kepulungan yang baik, keuntungan yang baik kepada dirinya sendiri. Begitu juga dengan pendidik-pendidik. Kita melihatkan pendidik itu merasakan mereka tiba-tiba merasakan mereka telah menyedari potensi diri mereka sendiri. Sebab itu kita lihat dalam saya tidak baca segala jadual yang ada di sini di mana kategori peserta, bilangan program, jumlah peserta dan sebagainya itu kita akan beri sebagai satu apa nanti dalam jawapan bertulis kepada Morib tetapi saya nak simpulkan di sini bahawa faedah yang kita dapat daripada program-program itu tadi kita melihatkan ibu bapa daripada peserta-peserta ini semakin meminta anak-anak mereka yang lain menyertai kursus SPIES ini kerana kesan positif yang mereka lihat kepada peserta-peserta yang telah pun menyertai kursus asas SPIES ini. Sekian dulu.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Yang pertama siapakah yang menyediakan modul SPIES ini? Selat Kelang ke? Dan adakah kerajaan impak selepas dua tahun dibuat atas program ini? Selepas dua tahun sehingga menolak kursus BTN di negeri Selangor. Yang ketiga apakah tindakan yang dibuat jika terdapat kakitangan negeri yang enggan menyertai program ini?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih kepada Morib. Pertama, siapa yang buat modul SPIES? Ok, dia nak tahu sejarahnya. Modul SPIES ini adalah hasil daripada pakar-pakar daripada pakar-pakar *human resource*, pakar daripada institusi pengajian tinggi, pakar-pakar memang yang telah pun terlibat langsung di dalam program-program memotivasi dan *human resource training* dengan izin dan kita buat satu bengkel, kita buat cambah fikiran, cambah minda dan kita hasilkan modul-modul yang mengikuti pelbagai kelompok. Kalau modul untuk remaja, dia akan berlainan *approach*. Kalau modul untuk ketua kampung sudah tentu dia akan lain daripada modul remaja. Jadi ini bukan sama dengan modul BTN kalau apa Morib nak tahu. Sebab modul BTN semua orang sama. Yang modul SPIES ini lain. Sebab itu pakar-pakar remaja kita rekakan, rangkakan untuk modul remaja adalah berlainan daripada orang dewasa. Begitu juga dengan pendidik. Kita memang ambil warga pendidik itu sendiri. Kedua, jadi SPIES itu dia punya logo dia punya apa daripada saya tetapi modul bukan daripada saya tetapi dirangkum oleh semua pakar-pakarnya. Kedua, kajian impak selepas dua tahun kami ni baru berapa hari selepas dua tahun? Bagaimana kita nak buat *impact study*? Tetapi memang telah diputuskan dalam Exco bahawa kita akan membuatkan *impact study*. Morib pun tahu kalau kita nak buat *impact study* sudah tentulah masanya agak panjang untuk selepas kursus itu dijalankan, peserta mengikuti kursus itu sekurang-kurangnya enam bulan selepas mengikuti kursus barulah kita boleh melihatkan impak dan sebagainya. Barulah dia adil. Yang ketiga, apakah tindakan kepada pegawai kerajaan negeri yang sekiranya tidak mengikuti kursus SPIES? Kerana ianya menjadi dasar. Pegawai-pegawai, penjawat-penjawat awam kena faham apa itu dasar kerajaan negeri. Maka mereka ini yang baru menyertai penjawat jawatan dalam kerajaan negeri mesti faham apakah dasar-dasar kerajaan negeri. Itu adalah normal dan apakah tindakan? Ianya sebagai yang lain, seperti yang lain, prosedur yang lain, arahan-

arahan yang lain kalau mana-mana penjawat awam tidak mematuhi arahan dia bukan saja mengikuti SPIES ini sahaja. Benda-benda lain pun sama juga seperti mengikuti dewan ini juga adalah arahan-arahan. Dia punya ni pun sama juga. Tidak ada yang berbeza kerana ini adalah melibatkan dasar kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Tuan Speaker. Saya tanya tindakan kalau tidak menghadiri SPIES yang dilaksanakan. Dia tak jawab.

**TUAN SPEAKER:** Dah jawab dah. Bukan soal tindakan tidak perlu dipersoalkan. Seharusnya kakitangan atau pegawai kerajaan tahu itu adalah dasar. Kalau dia nak tahu dasar sudah tentu dia hadir. Kalau dia tak hadir, dia tak tahu dasar apa sebab tak baik. Itulah dia. Apa nak lagi? Paya Jaras.

**TUAN SPEAKER:** Soalan No. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: HUTANG TALAM**

13. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM392 juta kepada Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) untuk membeli hutang syarikat Kumpulan Talam Bhd dan mengambil tanggungjawab untuk mengutip hutang tersebut kemudian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah hutang yang telah berjaya dipungut setakat ini dari Syarikat Kumpulan Talam Bhd.?
- b) Berapakah kos khidmat perunding dan guaman untuk menyelesaikan pembelian hutang ini?
- c) Apakah strategi untuk mengutip hutang daripada Syarikat Kumpulan Talam Bhd. dan adakah hutang yang dikutip dalam bentuk tunai atau pengambilalihan aset-aset Syarikat Kumpulan Talam Bhd.?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker, Terima kasih Paya Jaras yang memberikan soalan saya ingin mengambil masa, berapa jumlah hutang yang berjaya dipungut seperti yang Paya Jaras tahu kita telah luluskan dalam Consolidated Akaun kita ialah RM 392 juta. Jadi untuk makluman Paya Jaras, semalam Paya Jaras membangkitkan tentang hutang yang akan lesap jadi ada 2 saudara Paya Jaras tanya rakan-rakan yang berpengalaman satu yang dipanggil .... Ataupun penyusunan semula hutang. Ini bukan penyusunan semula hutang. Penyusunan Semula Hutang biasanya kerajaan pihak swasta ada bagi hutang. Ini ialah cara kita menentukan hutang untuk sebagai contoh, Sg. Burong menyatakan pasal YBK. Dalam akaun YBK saudara baca dalam akaun YBK tak ada tertulis yang YBK telah mencagarkan tanah dan membuat hutang sebanyak RM100 juta, tak ada. Ini tak ada akauntan baca, tak ada. Maknanya ada hutang-hutang yang tidak disatukan di dalam akaun. Jadi oleh sebab itu tugas utama negeri ialah memanggil syarikat-syarikat yang perkataan yang saudara akan tanya rakan-rakan dalam *finance* ialah *crystallizing* maknanya kita himpukan hutang tersebut.

Supaya kita tahu yang ini hutang. Ini dijalankan oleh kerajaan negeri sebagai Menteri Besar yang juga Pengurus MBI menyatakan *Lab is cristalaiside the dab* kita cari cek betul-betul. Betul tak jadi kesimpulan daripada itu, kita kata hutang itu adalah RM 392 juta yang dipinjamkan melalui Urus niaga 3 syarikat negeri. Iaitu KDEB, PNSB dan juga syarikat yang mempunyai yang dipanggil Syarikat UNISEL. Kita kumpulkan kita dapat RM 392 juta dan duit RM390 juta itu adalah hutang-hutang yang kita kaut di hutang oleh Talam. Jawapan saya kepada perkara tersebut, tahu tak negeri tentang hutang-hutang tersebut, Jawapan seperti jawapan yang diberi, dalam akaun hutang tidak tercatat. Jadi jawapan saya mari kita bawa hutang itu supaya *recognize* atau diketahui itu dia. Oleh sebab itulah saya tahu bahawa hutang itu untuk dipersetujui hutang Talam itu ialah sebanyak RM 392 juta. Apa sebab saya buat begitu. Ada satu sebab yang pertama sebabnya kalau Talam mula tidak membayar hutang tersebut dan Kerajaan Negeri boleh menggunakan kuasanya. Syarikat tidak boleh menggunakan kuasa tapi Kerajaan Negeri boleh menggunakan kuasa. Apa kuasa kerajaan negeri. Antara kuasa kerajaan negeri yang terbesar ialah *land eguardsation* mengambil alih harta . Kalau hutang itu dimiliki oleh rakyat Selangor kerajaan negeri berhak untuk mengambil alih harta untuk membayar hutang tersebut. Jadi saudara sudah bersetuju untuk *recognize* tapi untuk *recognize for them* prosesnya ialah melalui proses yang dipersetujui oleh Kewangan Negara maknanya proses. *Private Accounting* yang saudara Paya Jaras tanya dengan *government accounting to deference*. *Private Accounting, Government Acounting* untuk masuk dalam consolidated Account mestilah dalam, bentuk kes. Dia tak nak dalam bentuk hutang. Jadi itu yang baru kita jadikan hutang itu jadi kes dan kes itu kemudian dipulangkan menjadi *round tripping* yang saudara gunakan. Tapi saudara sudah *recognize the dap in dap account* . Jadi itu sebab kita lakukan perkara tersebut supaya kalau saya pergi mahkamah, nak mengambil alih tanah Talam, apa sebab, saya cakap ialah Talam tidak membayar hutang rakyat. Kerana apa, kerana hutang itu sudah *recognize* atau pun telah diolah Dewan Negeri termasuk dalam *consolidated account*.

Pembayaran hutang saudara mesti juga kalau besok saudara tak reti boleh jumpa Menteri Besar dan Menteri Besar akan tolong tapi kena bayar. Sekarang saudara dapat *free advise* maknanya kalau *recognize the dab* jadi Paya Jaras *recognize the dab* kalau *recognize the dab immediately* walaupun duit tak dapat bererti kita kena bayar cukai tetapi kalau Kerajaan Negeri Selangor *reconnise the dap* kerajaan negeri tak payah bayar cukai. Jadi RM 392 juta, kalau cukai 20% sahaja sudah RM 75 juta kena bayar cukai. Oleh sebab itu bila kita *recognize the dab* kita tak payah bayar cukai dan cukai itu dapat kita gunakan untuk negeri. Sekarang soalan kalau saudara tak faham pun saya tak ada masa tapi kedua maknanya kita tidak kurangkan hutang maknanya kita tidak beli hutang itu, bayar selepas itu dah hilang hutang tak ada. Jadi soalan sdr yang kedua yang sdr tanya yang penting ialah berapa jumlah hutang yang telah dipungut masa yang 3 bulan tersebut. Jawapannya sekarang kita sudah mempersetujui dan dapat aset dan kes untuk hutang-hutang tersebut. Sudah, maknanya sekarang kita telah mempersetujui untuk memberi kita kes dari penyusunan semula hutang-hutang tersebut sebanyak RM 51 juta. 1,322 ekar tanah di Bukit Beruntung, 2,045 ekar tanah di Bestari Jaya, 400 ekar Hulu Yam dan 60% saham dalam Ulu Yam Golf Country Resort, 134.2 ekar Danau Putra..... *Land* dan 5 unit *office* di Menara Pandan. Sekarang hutang atau harta-harta ini adalah hak kerajaan negeri. Dan Kerajaan Negeri sekarang boleh tender tanah-tanah ini untuk jual dapat kes dapat duit. Jadi dulu tak buat langsung *they didn't recognize the that* (tepuk) .....dan ini tak payah bayar sebabnya ada orang daripada Parti Keadilan, ada tanya, jawapan hari yang pertama, jawapannya kalau dulu buat kerja macam ini ada *commission*, ada *commision* Barisan Nasional tak payah tanya saya ada *commission* itu sebab ada rakan yang lari dari Keadilan kerana mereka nak pergi jumpa Talam untuk dapat *commission*. Saya tak terima atau bagi *commission* ini kerja untuk rakyat, kalau ada *commission* semua masuk jel. Itu sebab orang marah pada Menteri Besar tapi saya tak marah. Sebab tak ada sebagai contoh *commission*,

RM390 juta *commission* 50% RM 18 million. tak de tapi saya tunjukkan saudara saya dah dapat harta Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM 390 juta. (Tepuk) ....

**YB DATO' MUHAMMAD BUSRO BIN MAT JOHOR:** Tuan Speaker, mohon beri penjelasan, Apakah nilai harta yang diambil oleh Kerajaan Negeri itu sama nilainya dengan RM 390 juta itu yang pertama, yang kedua, siapa yang menilai dan saya lihat YAB ni macam pakar ekonomi, tapi masih lantik Penasihat ekonomi Negeri Selangor ni, yang bagus seringgit tu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Soalan yang akhir tu saya tak jawab, soalan bodoh. Itu tak pelah. Soalan yang kedua itu saya jawab, Ok jawapan soalan yang kedua itu, sudah kita ambil kira, yang sebenarnya penilaian ini dibuat oleh penilai negeri *that mind is government valuer* bukan dinilai oleh *Private Sector*, bukan *Government Valuer* yang Kerajaan Negeri takada kuasa sebab *valuer* itu setiap nilai melebihi RM30 juta mesti ditentukan di Kementerian Kewangan. saudara boleh tengok rekod tersebut untuk tanah Bestari Jaya ini, harganya dinilai oleh *Government Valuer* rendah. Tapi kita kena terima *Government Valuer* buat masa sekarang ada orang yang nak membeli melebihi daripada RM80,000 seekar. Jadi maknanya nilai ini sesuai untuk kita. Sudah mula kita menjual dan semuanya ada rekod siapa penilainya ada perkelahian antara *Government Valuer* dengan Talam. Talam kata nilainya RM 7.00 *Government Valuer* kata nilainya RM2.00. Tapi apa yang kerajaan boleh terima. Kerajaan Negeri tak boleh terima *valuation* oleh Talam. Kita kena ada *basis all valuation*. Sebab dia kena audit. Jadi saudara baguslah tu. saudara dah mula fikir baik. Jadi saya dah seronoklah maknanya saudara dah tahu....

**YB DATO' MUHAMMAD BUSRO BIN MAT JOHOR:** Memang dari dulu baik...

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Ya, (ketawa) .... Maknanya kita diaudit, Audit Negara hendak tengok bagaimana penyusunan semula itu dilakukan semua. Saya tahu, Pengarah Kewangan Negeri juga tahu sebab *this they is only State ..... all accounting must be proper* dan akhir sekali, itu sebab saya berani bagi RM50 juta untuk *micro credit* ini jawapannya. (Tepuk) ....Jadi kalau kita dapat lagi *release the cash*, banyak lagi program yang kita lakukan. Jadi saudara sekarang berterima kasih pada saya, tak mengapalah... *saya work for you I work for you, thats right.* Ok terima kasih.

**TUAN SEPAKER :** Sebelum saya panggil Paya Jaras, saya ingatkan Sungai Pelek, jangan buat bising, saya dah banyak kali buat peringatan, ya...bagi amaran ya, baik Paya Jaras.

**TUAN SPEAKER :** Sebelum saya panggil Paya Jaras saya ingatkan Sungai Pelek jangan buat bising lagi, saya dah banyak kali buat peringatan ya. Saya bagi amaran ya. Baik Paya Jaras.

**YB DATO' MUHAMMAD BUSRO BIN MAT JOHOR :** Soalan tambahan saya oleh kerana penilaian yang dibuat oleh kerajaan negeri dan juga Talam ini berbeza dengan harga semasa dan sebagai, maka saya rasa perlu juga kertas putih lapuran hutang Talam dan sebagainya ini diberi kepada semua ahli dewan undangan negeri dan juga kita juga begitu sangsi oleh kerana 392 juta ini kita luluskan dalam sidang dewan yang lepas bajet. Dan oleh yang demikian oleh kerana perbezaannya lebih kurang 150 juta yang begitu ketara yang ini rasa perlu sangat untuk semua ahli-ahli dewan mengetahui dalam masa yang terdekat ini. Itu permintaan dan soalannya.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Soalan. Perbezaan 150 juta ini dari mana.

**YB DATO' MUHAMMAD BUSRO BIN MAT JOHOR :** Dia 390 juta adalah *assessment* dari kerajaan negeri. Kemudian pada 16 Mach The Star melaporkan bahawa Talam telah membuat perjanjian dengan MBI untuk melunaskan hutang sebanyak 241.4 juta. Kemudian melalui penyerahan aset dan sebanyak 12.7 juta melalui tunai. Kemudian kita dah dapat 51 million *about 50 million* dengan izin campurkan dengan 241.4 juta maka jadi 291.4 juta. Maka kita ada kekurangan lagi. Maksud dia *assessment* daripada kerajaan negeri kepada Talam melebihi iaitu 150 juta yang masih menjadi persoalan saya. Sekian terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Soalan pertama kita hendak terangkan kepada dewan apabila kita selesai membuat penyusunan semula dan bayarannya dari semasa ke semasa dewan dapat laporan mengenai ini. Sebab, ini hutang. Kedua, kita tak beritahu yang satu daripada bayaran dibuat terus kepada Kumpulan Hartanah sebanyak lebih 150 juta. Kumpulan Hartanah ialah sebuah syarikat dalam KDEB - Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Sebab Kumpulan Hartanah ialah syarikat yang diurus niaga di pasaran saham Kuala Lumpur, iaitu anak syarikat Kumpulan Perangsang. *So the gap is there.* Tetapi kita tidak terangkan gap ini sebab yang perlu adalah semua aset *ini direcognize*. Jadi saudara akan mengikuti itu. Kalau tidak, kita adakan pula ceramah *where to book account* apa semua. Nanti pening kepala saudara. Jadi, untuk itu saya boleh terangkan daripada laporan dari semasa ke semasa. Percayalah, pertama kita ada konsep kebertanggungjawaban dan konsep ketelusan. Maknanya tak perlu kita buat macam ini. Laporan yang macam ini hendak diadakan setiap masa supaya semua ahli dewan dapat mengikutinya. Ini contoh sahajalah, contoh. Sebab saya harap Sungai Burong ada pada hari ini, saya nak menjawab soalan YBK. Saya harap dia dengarlah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Bharu.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker Peraturan Mesyuarat 24.2. Oleh kerana Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu sibuk berkempen di Hulu Selangor dan saya memandangkan soalan ini penting maka saya bawa di bawah peraturan mesyuarat 24.2 dan mengambil soalan ini sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER:** Saya telah pun membuat perintah sebelum ini, kalau Ahli Yang Berhormat berkenaan hadir hari ini, tapi tidak berada di tempat itu maka saya benarkan. Tapi oleh kerana beliau tidak hadir langsung dan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kg. Tunku mungkin dia kempen sekarang ini, jadi saya tidak kira apa dia buat di luar, kalau dia tak hadir saya tidak benarkan kerana itu mencerminkan betapa tidak bertanggungjawabnya seseorang Ahli Dewan Negeri apabila tahu soalan ini akan dibangkitkan akan di keluar, tapi tak hadir. Jadi saya memberi peringatan supaya Ahli Dewan Negeri yang lain yang Berhormat sekalian janganlah lain kali kalau ada soalan sila datang. Susah-susah kita sedia jawapan dia tak datang pula. Jadi itu mencerminkan satu sikap yang tidak baik.

**TUAN SPEAKER :** Rawang

**YB PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker soalan no. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : HYWIN (HYBRID WIRELESS INFRASTRUCTURE NETWORK)**

15. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan kawasan-kawasan mengikut PBT yang telah dilengkapi dengan sistem Hywin di Selangor sejak bulan Januari 2010?
  - Apakah perancangan kerajaan untuk memperluaskan lagi capaian teknologi maklumat kepada semua kawasan di Negeri Selangor terutama di kawasan desa bagi mengurangkan jurang informasi antara bandar dan

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL** : *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada Rawang. Menjawab soalan daripada Rawang pada bulan April sebenarnya kita telah pun membuat satu program atau pun menyiapkan satu teknologi berkaitan melengkapkan *system HyWIN* di Selangor, iaitu kita telah pun siap di lengkap, minta maaf, teknologi HyWIN telah siap dilengkapkan di satu sektor iaitu di sebahagian di seksyen 4, 6 dan 8 Shah Alam yang berhampiran dengan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mana jarak capaian sejaoh 3 kilometer. Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua, HyWIN adalah merupakan satu kemudahan yang berbentuk infrastruktur perkhidmatan internet tanpa wire atau pun *wireless* yang direk bentuk bagi merangkumi satu kawasan yang luas yang mana infrastruktur ini berasas kepada dua platform teknologi yang menyokong di antara satu sama lain iaitu *Wi-Fi* dan *wiremax*. Oleh itu kajian-kajian terperinci juga sedang dilakukan bagi menyiapkan dan melengkapkan keseluruhan kawasan-kawasan PBT dalam masa yang sama kawasan-kawasan yang lain masih dalam proses memperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan PBT dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Tentang jawapan kepada soalan yang kedua apakah perancangan kerajaan untuk memperluaskan capaian, ingin saya jawab di sini bahawa modus operandi untuk mengurangkan jurang digital antara bandar dan desa kerajaan Selangor telah pun membuat satu rangka atau pun satu *frame work* untuk menyelesaikan masalah jurang ini di antaranya kita melaksanakan *twin programme* iaitu program berkembar. Contohnya bila suku pertama 2010 hingga suku pertama 2011 dilaksanakan maka ada dua majlis yang serentak dilaksanakan. Kalau majlis itu di kawasan bandar MBSA maka *twinnya* atau kembarnya ialah Majlis Daerah Hulu Selangor. Yang untuk suku kedua pula yang Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mula dinaikkan sistem ini maka ianya dikembarkan dengan Majlis Daerah Kuala Selangor. Jadi akhirnya apa yang ingin kita lihat bahawa dalam tempoh 2015 nanti sistem atau pun teknologi atau internet ini dapat ataupun dapat diperluaskan ke seluruh negeri Selangor ini. Selain ianya dilengkapkan iaitu selain bergantung kepada internet service provider yang biasa seperti Telekom, Jaring, Celcom, Maxis, Digi, Packet 1, Red Tone dan sebagainya. Jadi Kerajaan Selangor telah pun membuka peluang ini kepada semua pihak yang mana kita juga tidak mahu, kita ingin mengatakan di bawah dasar program universal ini adalah kita menolak seratus peratus monopolii makna kita membuka peluang kepada pihak-pihak yang ingin memberikan servis untuk memastikan jalur internet ini dapat dicapai oleh semua pihak. Sekian Tuan Speaker.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kg. Tunku

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Ya, terima kasih Kg. Tunku saya ingin bertanya rungutan yang diterima daripada pengguna-pengguna ialah kos. Kos yang tinggi adalah oleh sebab monopoli seperti yang dinyatakan oleh EXCO tadi. Saya ingin bertanya kalaular kita masih lagi melalui mc mc dalam menyediakan *HyWIN* ini dan kalaular kita masih perlu bergantung kepada Telekom Malaysia yang menjadi yang merupakan monopoli kit di internet ini, bagaimana *HyWIN* ini dapat mengurangkan kos pelaksanaan atau pun kos *broadband internet* yang perlu ditanggung oleh pengguna-pengguna di Lembah Klang. Ini adalah merupakan satu soalan yang mustahak.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Terima kasih Kg. Tunku. Berkaitan dengan kos sebab itu kita tidak melaksanakan ataupun kita memberikan peluang kepada semua pihak dan kita lihat teknologi *HyWIN* ini adalah satu tawaran daripada satu syarikat Prosontech Sdn.Bhd. yang mana kos yang ditawarkan jauh lebih murah daripada yang ada, yang telah sedia ada ditawarkan di pasaran sekarang. Jadi kalau kita lihat bahawa kos yang ditawarkan ini bukan sahaja sebagaimana yang telah Menteri Besar sebut iaitu PFI iaitu *Private Finding Inisiatif* ia tidak ada kos kepada kerajaan, tetapi kos yang dikenakan kepada penduduk atau masyarakat pengguna nanti semaksimum tiga puluh ringgit selama sebulan. Dan tawaran yang diberikan untuk ini adalah sebanyak satu megabait iaitu untuk *up load* dan *down load* kita juga agak tinggi. Jadi ianya sebab itu kita juga menyarankan supaya pihak persekutuan atau pun mc mc mengambil kira supaya membuka ruang kepada semua *service providers* untuk mengambil bahagian untuk memastikan jurang digital atau memastikan *penetration* atau tembusan jalur lebar ini agak tinggi. Sebab bagi saya negeri Selangor sehingga kajian di buat sehingga 2009 yang lepas, Selangor merupakan di antara pengguna yang paling tinggi iaitu 49.3 peratus. Tambahan yang begitu tinggi ini memerlukan capaian supaya ianya bukan sahaja sekadar kita boleh mengakses tetapi ianya adalah merupakan satu atau satu alat untuk menambahkan pelaburan ataupun untuk memberikan pihak pelabur datang ke sini dengan baik. Sekian, itulah jawapan daripada saya.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan

**YB SEKINCHAN :** Tuan Speaker soalan no 16

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK :** PROJEK TARIKAN PELANCONG *HOMESTAY*

16. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:
  - a) Sila nyatakan berapakah jumlah keseluruhan kampung yang terlibat dalam projek *Homestay* di Negeri Selangor mengikut susunan daerah dan pecahan kaum ?
  - b) Sila senaraikan 10 *Homestay* yang paling berjaya menarik minat pelancong luar dan domestik untuk berkunjung ke *Homestay* mereka dan nyatakan secara khusus apakah tarikan tersebut ?

- c) Sila kemukakan butiran berapakah sumbangan peruntukan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat untuk membantu para pengusaha *Homestay* di Negeri Selangor sepanjang tahun 2009 ?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, jumlah keseluruhan kampung yang terlibat dalam projek *homestay* di negeri Selangor mengikut susunan daerah dan pecahan kaum adalah seperti berikut:

1. Daerah Sepang *Homestay* Banghuris 3 kampung , pecahan kaum Melayu.
2. Gombak Homestay Bougainvilae bilangan kampung 1, pecahan kaum Melayu
3. Kuala Langat, *homestay* Kanchong Darat, homestay Kg. Kundang, *homestay* Batu Laut, *Homestay* Sg. Lang Tengah 4 kesemuanya, dan juga *homestay* Kg. Enda betul kesemuanya 5
4. Hulu Selangor *Homestay* Sg. Tengi 1 – Melayu
5. Sabak Bernam – *homestay* Sg. Haji Dorani, homestay Air Manis, homestay Seri Kayangan, *homestay papitusulem*,, *homestay* Sepintas dan homestay Batu 23 Sg. Nibong kesemuanya Melayu
6. Kuala Selangor – *homestay* Sg. Sireh 5 kampung juga melayu

Jadi jumlah kampung yang terlibat adalah 33 buah kampong. Homestay yang paling berjaya menarik minat pelancong luar dan domestik serta tarikan adalah seperti berikut:

1. *Homestay* Sg. Sireh

Antara tarikan dari segi aktiviti termasuk

1. Lawatan ke sawah padi, kawasan pertanian dan ternakan.
2. Lawatan ke IKS
3. Lawatan ke Bukit Malawati
4. Memancing di tali air
5. Permainan layang-layang
6. Berkayak di terusan
7. *Jungle tracking*
8. Persembahan kebudayaan seperti silat, kompang, zapin, ghazal, cempuling
9. Pakej korban

10. Acara majlis persandingan pengantin Melayu

11. Jamuan nasi ambeng

2. *Homestay Banghuris*

Antara tarikan dari segi aktiviti adalah:

1. Lawatan ke IKS

2. Lawatan ke ladang getah dan kopi serta belajar cara-cara mengayak kopi

3. Permainan layang-layang, congkak, ping pong

4. Memancing ikan

5. Pakej aqiqah dan korban, acara cukur jambul

6. Persembahan kebudayaan seperti tarian, cempuling, jidor, nasyid, marhaban

7. Pemakaian baju tradisional Melayu

8. Makan secara bersila

3. *Homestay Sg.. Haji Dorani*

Tarikannya termasuk:

1. *Night walk*

2. Mewarna batik canting

3. Menumbuk padi

4. Memancing ikan di sawah

5. Lawatan ke kebun mangga, bengkel membuat bahulu, kerepek, kilang nata de coco dan sawah padi

6. Antara persembahan kebudayaan yang menarik disana adalah tarian kuda kepang

4. *Homestay Sg. Lang Tengah*

Antara tarikan di kampung tersebut:

1. Membuat bunga dari bahan-bahan terbuang

2. lawatan ke IKS, ladang kelapa sawit dan kopi

3. Memancing ikan

4. Permainan wau
  5. Pembuatan tempe
5. *Homestay Air Manis*

Antara tarikan di sana adalah:

    1. Membuat layang-layang
    2. Lawatan ke ladang mangga, kilang baulu dan kerepek, kilang nata de coco, sawah padi dan kilang memproses padi serta melihat kelip-kelip
    3. Juga terdapat aktiviti seperti mencanting batik, berkayak, memancing ikan, persembahan kebudayaan, kuda kepang, gamelan dan gasing, lawatan ke kelong mencari siput lala dan kerang
  6. *Homestay Kampung Endah*

Antara tarikan disana adalah kembara *rock melon*, iaitu lawatan ke ladang rock melon, memancing ikan, mencari kepah, siput pepahat juga aktiviti bersama nelayan pantai.
  7. *Homestay Kg. Batu 23, Sungai Nibong*, antara tarikan di sana adalah lawatan ke sawah padi, melihat jentera penuai padi dan pantai, menaiki sampan sambil melihat matahari terbenam, ini sangat romantik, lawatan ke ladang ternakan lembu dan ayam, memancing ikan di laut atau di sawah padi, persembahan wayang kulit dan gamelan, kompong.
  8. Ini yang paling menarik, untuk kali inilah *Homestay* di Sungai Tengi, di Hulu Selangor, jadi sesiapa yang akan ke sana semasa kempen boleh juga melawat kampung di sana, antara tarikan di *Homestay* Sungai Tengi, lawatan ke ladang buah-buah/kelapa sawit/sawah padi, ladang ternakan rusa dan ayam kampung serta IKS, melihat kelip-kelip, lawatan ke kolam air panas, air terjun, Bukit Malawati, permainan layang-layang dan persembahan kebudayaan seperti silat, tarian, kugiran, ghazal serta kompong.
  9. *Homestay Kanchong Darat*, antara tarikan di sana seperti permainan tradisi, seperti gasing, sepak takraw, ting-ting, congkak, konda-kondi, tarik upih serta wau, terdapat di sana juga acara perkahwinan Melayu, persembahan cempuling, lawatan ke kebun kopi dan getah serta melawat kilang produk tersebut, lawatan ke makam Jugra dan Pantai Kelanang, dan lawatan ke IKS.
  10. *Homestay Kg. Kundang*, antara tarikan di sana lawatan ke kolam ternakan udang, lawatan ke IKS (baulu/kerepek), lawatan ke ladang buah-buahan, permainan rakyat seperti sepak raga, lawatan ke Pantai Morib dan juga Persembahan Kebudayaan seperti tarian/cempuling.

Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi *homestay* di seluruh Negeri Selangor. Namun, program-program promosi dan pembangunan *homestay* sentiasa dijadikan antara program ataupun aktiviti utama di bawah peruntukan pembangunan bagi pelancongan Negeri Selangor. Bagi tahun 2009, peruntukan promosi yang disalurkan kepada pelancongan adalah berjumlah RM 3 juta. Peruntukan berkenaan digunakan bagi tujuan pelaksanaan dan juga penyertaan dalam program-program promosi dan acara pelancongan termasuklah *homestay*.

Bagi peruntukan Kerajaan Pusat ia disalurkan di bawah Rancangan Malaysia Ke 9. Sehingga tahun 2009, sejumlah RM2.49 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur di beberapa buah *homestay* di Negeri Selangor. Antara infrastruktur yang dibina ialah yang melibatkan tandas, sistem salinan, pentas terbuka, bangunan tambahan, landskap, papan tanda dan beberapa infrastruktur yang lain. Butiran peruntukan adalah seperti berikut:-

- i) Peningkatan kemudahan *homestay* Kg. Batu Laut - RM 100,000
- ii) Peningkatan kemudahan *homestay* Sg. Lang Tengah - RM 150,000
- iii) Peningkatan kemudahan *homestay* Kg. Kanchong Darat - RM 300,000
- iv) Peningkatan kemudahan *homestay* Sg. Hj. Dorani, Sabak Bernam - RM 90,000
- v) Peningkatan kemudahan *homestay* Bougeinvilla, Kg. Sungai Kertas - RM 350,000
- vi) Peningkatan kemudahan *homestay* Banghuris, Sepang - RM1,000,000
- vii) Peningkatan kemudahan *homestay* Sungai Sireh, Kuala Selangor - RM 500,000

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, waktu pertanyaan sudah tamat.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Sambungan Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung.

**YB. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang memberi soalan ataupun cadangan mengenai PBT. Saya cuba memberi jawapan kepada semua, jadi kalau masa tidak mengizinkan saya akan memberi jawapan dalam tulisan, mengenai sistem CCTV Kerajaan Negeri telah pun selesai melaksanakan kajian mengenai pendekatan menggunakan CCTV untuk meningkatkan keselamatan perbandaran terutamanya di kawasan *crime hot spot*. Kerajaan Negeri bercadang untuk memasang sebanyak 380 unit kamera CCTV yang akan dibahagikan mengikut PBT dan keperluan semasa. Pada masa yang sama KPKT di katakan akan membekalkan sebanyak 400 lebih unit kamera CCTV kepada Negeri Selangor. Sepertimana yang diketahui umum, projek ini bakal menelan belanja yang besar dan masa pelaksanaannya juga panjang, oleh sebab itu Kerajaan Negeri perlu memberi penumpuan dalam penelitian kontrak di antara pihak syarikat dengan Kerajaan Negeri demi memastikan semua tawaran terma dan syarat adalah munasabah dan berpadan dengan kos yang bakal dibayar oleh Kerajaan Negeri dan PBT.

Saya memohon agar semua pihak dapat memberikan sedikit masa lagi supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan teknologi terbaik pada kos yang berpatutan. Kerajaan Negeri tidak mahu melaksanakan projek ini sekadar melepaskan batuk di tangga dan projek ini sepatutnya boleh berfungsi dengan baik dan boleh membantu mencegah aktiviti-aktiviti

jenayah di masa akan datang. Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk mewujudkan pasukan polis bantuan dengan melatih anggota penguat kuasa PBT sedia ada ia bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan juga kawalan keselamatan di dalam kawasan operasi PBT, walau bagaimanapun hasrat ini tidak dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan, keputusan ini tidak menghalang kerajaan negeri dari mencari alternatif-alternatif lain demi memastikan keselamatan perbandaran di negeri Selangor ditingkatkan...untuk isu...

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, minta penjelasan

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat,

**YB. TUAN LIU TIAN KHIEW :** nanti ya.. saya baru sahaja..

**YB TUAN LEE KIM SIN:** ya, yang terlibat dengan CCTV.

**YB. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Ok. Boleh.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Masalah yang dibangkitkan di setiap PBT, walaupun CCTV dibekalkan tapi masalah dari segi infrastruktur dan kakitangan untuk bilik kawalan dan juga pemantauan, jadi adakah ini tanggungjawab juga pada pihak PBT dan adakah? peruntukan juga diberi untuk ini. Sekian, terima kasih.

**YB. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan daripada Kajang itu, memang dalam kajian kerajaan tempatan juga sama sekali, memang ini satu isu yang penting Yang Berhormat. Mengenai isu pemberian lesen pusat siber dan cafe siber kerajaan negeri telah meneliti isu pemberian lesen pusat siber dan cafe siber, segala tangkapan bahawa pusat siber dan cafe siber disalah gunakan untuk aktiviti-aktiviti kurang sihat seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa telah diberikan perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri. Hasil daripada sesi dialog bersama pengusaha bengkel dan beberapa siri perbincangan Kerajaan Negeri telah pun mengkaji semula undang-undang kecil pusat siber dan cafe siber 2007 Pihak Berkuasa Tempatan Selangor. Pada ketika ini ia dalam peringkat pindaan terakhir terutamanya untuk peruntukan berkaitan penguatkuasaan agar tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan praktikal, mengambil tindakan mencegah lebih baik daripada mengubati Kerajaan Negeri bercadang untuk menyeragamkan reka bentuk pusat siber dan cafe siber Negeri Selangor pada masa akan datang agar memudahkan penguatkuasaan demi mencegah aktiviti-aktiviti kurang sihat. Sekiranya ada pengusaha yang ingkar dengan peraturan-peraturan yang bakal dikuatkuasakan maka tindakan yang lebih tegas akan diambil dan kemungkinan lesen pengusaha boleh dibatalkan. Diharapkan dengan pendekatan yang lebih baik daripada yang sebelum ini, rakyat Selangor dapat mengambil peluang untuk mengembangkan budaya ilmu dengan menggunakan pakai kemudahan ICT dan Teknologi terkini.

Tuan Speaker, mengenai soalan kedudukan kewangan Pihak berkuasa Tempatan, bagi menilai kedudukan kewangan PBT, nisbah semasa dan nisbah kecairan digunakan. Nisbah semasa adalah untuk mengukur keupayaan PBT menyelesaikan liabiliti semasa menggunakan aset semasanya atau melihat kemampuan PBT melunaskan hutang jangka pendeknya nisbah ini biasanya berada di antara 1.5 – 2.00 semakin tinggi nisbah ini menunjukkan semakin meningkatkannya kecairan sesebuah PBT. Nisbah kecairan pula menunjukkan kecairan tunai sesebuah PBT dalam tempoh 12 bulan dan juga mengukur kecukupan tunai PBT untuk membayar liabiliti semasanya. Nisbah ini biasanya berada di antara 0.80 -1.2 biasanya lebih tinggi nisbah ini menunjukkan semakin meningkatnya keupayaan tunai sesebuah PBT

berdasarkan analisa atas kedudukan kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 yang telah diaudit didapati daripada 12 PBT, 6 PBT iaitu, MBPJ, MPAJ, MPSJ, MPKj, MPSepang dan MDKL iaitu Majlis Daerah Kuala Langat berada dalam kedudukan kewangan yang baik dengan tunai dan kesetaraan tunai, iaitu wang tunai di tangan dan di bank dan simpanan tetap melebihi cagaran yang dipegang dan juga nisbah semasa dan nisbah kecairan yang berada di dalam aras kedudukan yang baik seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara.

Tuan Speaker, manakala 6 PBT, iaitu MBSA, MPK, MPS, MDKS dan MDHS iaitu Hulu Selangor berada di dalam keadaan kurang baik, dengan jumlah cagaran yang dipegang adalah melebihi tunai dan kesetaraan tunai, tambahan pula nisbah semasa dan nisbah kecairan 6 PBT tersebut berada pada aras yang kurang baik seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara, maklumat terperinci kedudukan kewangan bagi 12 PBT bagi tahun berakhir akan dilampirkan dan akan diberikan kepada semua Yang Berhormat, dan saya ingin melapurkan di sini bahawa kita baru-baru ini membuat satu lagi audit untuk semua 12 PBT dan kita mendapati pada keseluruhannya semua PBT telah kita nampak *improvement*, saya bagi contoh bagi MBPJ apabila kita mengaudit pada masa 2008 simpanannya lebih kurang 80 juta tetapi pada 2009 kita mendapati simpanannya telah melonjak sehingga lebih kurang 191 juta. Ini saya rasa ini adalah kerana kita dapat meminimumkan penyelewengan, rasuah dan juga ketirisan.

Tuan Speaker, mengenai penguatkuasaan arak..

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat,

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO, saya menerima penjelasan bahawa MBPJ telah meningkatkan prestasinya daripada simpanan sama ada dalam bentuk wang tunai ataupun simpanan tetap 80 juta tahun 2008 dan hari ini sudah meningkat sehingga 191 juta yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi, namun yang saya tegaskan semalam ialah bukan soal prestasi kewangan di PBT, itu menunjukkan satu kemajuan yang baik, yang saya tegaskan ialah bagaimana peningkatan ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat di bawah, yang saya persoalkan semalam ialah jumlah yang begini besar disimpan sama ada dalam bentuk wang tunai ataupun simpanan tetap dan tidak dapat dimanfaatkan oleh rakyat di bawah, sedangkan masalah-masalah penyelenggaraan kebersihan itu menjadi dua isu penting perbualan umum hari ini, oleh itu saya cadangkan semalam mengikut amalan biasa dalam tadbir urus kewangan sesbuah badan itu boleh menyimpan dalam bentuk wang tunai ataupun simpanan tetap ataupun *fixed asset* di antara 2 hingga 3 bulan sahaja yang selebihnya adalah lebih bijak sana kalau kita gunakan untuk manfaat masalah rakyat di bawah, itu yang saya tekankan semalam jadi kalau boleh Yang Berhormat memberikan jawapan ataupun pertimbangan di atas cadangan yang berkenaan.

**YB. TUAN LIU TIAN KHIW :** Tuan Speaker, cadangan daripada Bukit Antarabangsa memang adalah baik dan tepat dan hal ini telah dibincangkan dalam EXCO sendiri dan satu keputusan telah diambil oleh EXCO bahawa memang benar tidak ada gunanya kalau PBT menyimpan wang itu begitu banyak tetapi pada masa yang sama longkang dan jalan dan sebagainya tidak di selenggara dengan baik, jadi, memang kita bersetuju dengan Bukit Antarabangsa bahawa PBT hanya perlu menyimpan sebanyak 2, 3 bulan untuk gaji ke, untuk kecemasan ke, dan yang lain boleh digunakan seharusnya digunakan untuk menyelenggara jalan lampu dan sebagainya, dan kaedahnya sangat senang iaitu setiap PBT berhak mengadakan *suplimentary* bil apabila mereka ada [ *full board meeting* ] jadi dengan cara itu

mereka boleh menggunakan kuasanya untuk mengeluarkan wang simpanan yang lebih itu untuk tujuan tersebut.

Tuan Speaker, saya ingin pergi kepada penguatkuasaan arak, yang di bawa oleh Dengkil. Saya ingin menjelaskan bahawa berdasarkan kepada Akta eksais 1976 Penjualan Arak yang termasuk di bawah kategori *liquor* pemberian lesen adalah ditentukan oleh Lembaga Pelesenan dan Eksais Daerah yang dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah dan empat orang Ahli Lembaga. Lembaga ini akan dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada Kastam, Polis, Jabatan Kesihatan dan PBT yang berperanan menasihati Lembaga Pelesenan dan Eksais Daerah dalam mempertimbangkan permohonan lesen. Oleh yang demikian ingin saya menjelaskan bahawa lesen menjual minuman keras atau *liquor* terletak di bawah Lembaga Pelesenan dan Eksais Daerah dan PBT hanya mengeluarkan lesen premis sahaja. Bagi penjualan *beer* dan minuman beralkohol yang tidak termasuk di bawah kategori *liquor* dan tidak memerlukan lesen penjualan daripada Lembaga Pelesenan dan Eksais Daerah. Kerajaan Negeri tidak melarang penjualan minuman tersebut di kedai-kedai runcit dan kedai serbaneka. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan mekanisma kawalan kendiri atau *self regulating*, dengan izin kepada pemilik kedai runcit dan kedai serbaneka 24 jam terutama yang beroperasi di kawasan majoriti penduduk beragama Islam. Melalui mekanisma ini pemilik kedai runcit atau serbaneka diminta untuk tidak mempamerkan secara terbuka minuman beralkohol dan *beer* dan produk tersebut hanya akan dijual atas permintaan pelanggan sahaja. Mereka juga tidak dibenarkan menjual minuman beralkohol kepada pelanggan yang beragama Islam dan di bawah umur 18 tahun. Mekanisma ini telah pun dilaksanakan secara percubaan di Majlis Bandaraya Shah Alam dan setakat ini telah mendapat sambutan yang positif daripada pengusaha kedai runcit dan kedai serbaneka 24 jam yang beroperasi di MBSA.

Mengenai rumah urut, premis hiburan dan pusat judi. Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor telah membekukan semua lesen untuk rumah urut dan juga premis hiburan dan memang langsung tidak ada dalam rekod kita ada membenarkan pusat judi sebab itu di luar kuasa Kerajaan Negeri. Dan saya ingin mengambil kesempatan hari ini untuk menjawab dengan lebih teliti kerana ramai di kalangan kita termasuk Yang Berhormat tidak ataupun keliru dengan definisi lesen yang dikeluarkan. Pusat Cyber ialah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari Internet. Kafé Cyber ialah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman. Pusat penjagaan kesihatan ialah ada terdiri daripada urutan iaitu rumah urut, urut tradisional, urut oku, refleksologi, *aromaterapi*, urutan moden menggunakan alat, fisioterapi, alat akupunktur dan bekam dan sauna, spa, jakuzzi, aerobik, *fitness centre*, gim, pusat meditasi. Untuk pusat kecantikan termasuk rawatan muka, berhias kuku, tangan dan gigi, meninggalkan bulu badan, dandan rambut, mencacar, solekan dan atau andaman, melangsingkan badan, mandi herba, susu dan bunga serta lulur. Berdasarkan maklumat perlesenan sedia ada di PBT adalah seperti berikut :

Di MBSA ada 21 pusat cyber, MBPJ 47. Saya rasa saya tidak, saya akan bagi jawapan ini kepada semua Yang Berhormat kerana kalau saya baca banyak sangat tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa memang kita telah membekukan semua lesen yang dikatakan tidak sihat tetapi kita akan ambil langkah yang pertama, yang baru ataupun pendekatan yang baru sebelum kita boleh membuka semula. Sekiranya digabungkan kesemua lesen-lesen yang telah dikeluarkan di semua PBT iaitu lesen pusat cyber, pusat hiburan, pusat kecantikan dan pusat kesihatan memang benar ia melebihi 4,000 premis dan mengikut statistik jumlah keseluruhan untuk keempat-empat kategori lesen ini ialah 4,412 lesen. Semua lesen ini dikeluarkan oleh kerajaan yang lama. Walau bagaimanapun jika merujuk kepada lesen hiburan sahaja hanya 588 lesen sahaja yang telah dikeluarkan di semua PBT Selangor. Itu juga semua dikeluarkan

oleh kerajaan yang lama. Untuk makluman semua lesen hiburan, pusat kesihatan dan pusat cyber telah dibekukan sejak 2006 sehingga kini.

Merujuk kepada isu penguatkuasaan, PBT Selangor melaksanakan penguatkuasaan berkala dan berterusan malahan operasi ini turut disertai oleh pihak Polis, JAIS dan Imigresen. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa kuasa penguatkuasaan untuk pusat judi haram adalah terletak di bawah Polis Diraja Malaysia. Pihak PBT hanya boleh membantu polis untuk melaksanakan operasi sekiranya premis tersebut terletak di dalam kawasan operasi PBT berkaitan. Hanya Polis ada kuasa untuk menangkap, menahan ataupun membawa orang yang terbabit ke mahkamah. PBT tidak ada kuasa itu.

Mengenai pilihanraya Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri telah pun menghantar surat secara rasmi kepada Suruhanjaya Pilihanraya iaitu SPR meminta secara rasmi untuk SPR meneliti dan menjalankan kajian lanjut berlandaskan undang-undang sedia ada bagi memastikan sama ada Pilihanraya Kerajaan Tempatan untuk pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor boleh dilaksanakan ataupun tidak. Makluman balas yang diterima daripada SPR menyatakan bahawa pihak SPR tidak boleh menjalankan kajian dan penyelidikan untuk Kerajaan Negeri Selangor kerana bertentangan dengan fungsi dan kuasa SPR di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihanraya 1958. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada peruntukan sedia ada sehingga ini keputusan pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan Pilihanraya Kerajaan Tempatan di bawah Akta 473 tidak boleh dilaksanakan kerana semua peruntukan berhubung dengan Pilihanraya Kerajaan Tempatan telah dimansuhkan dan terhenti berkuat kuasa atau terhenti mempunyai kesan atas pemakaian Seksyen 15 Akta 171. Pihak Kerajaan Negeri juga adalah tertakluk kepada Seksyen 10 Akta 171 yang menyatakan bahawa pelantikan anggota Majlis Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat secara lantikan. Dengan izin, *By Appointment*. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mengambil langkah interim untuk menyediakan kertas cadangan bagi pelaksanaan pilihanraya peringkat PBT berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti keluasan, keupayaan dan peranan PBT sebagai pilihan untuk perbincangan awal. Cadangan pemilihan Ahli Majlis adalah berdasarkan konsep penyeliaan ataupun pengawasan *Supervisory*, dengan izin yang menyelia mengawasi, menyumbang kepada komoditi setempat yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dan berperanan sebagai penyelesa masalah seperti mana peranan Ketua Kampung.

Tuan Speaker,

Untuk status tapak perkuburan Cina di Tanjung Sepat yang dibawa oleh Sg. Pelek. Permohonan tapak perkuburan Cina ini adalah dipohon oleh Yang Berhormat Sg. Pelek untuk tambahan tapak kubur Cina di Lot 4488, Mukim Sepang kerana tapak kubur sedia ada tidak lagi dapat menampung keperluan semasa. Sehubungan itu Kerajaan Negeri telah menerima laporan daripada PTD Sepang berkaitan cadangan tambahan tapak kubur Cina berkenaan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sedang dalam proses mendapatkan sumber kewangan bagi membuat pengambilan sebahagian tanah yang dimaksudkan.

Tuan Speaker,

Mengenai Draf Rancangan Tempatan Ampang Jaya 2020. Kawasan Majlis MPAJ merupakan satu kawasan yang telah dibangunkan dengan padat dan tebu, dengan itu kawasan ini mengalami pelbagai masalah terutamanya berkaitan masalah kesesakan lalu-lintas, dan ketidakcukupan tanah untuk kemudahan awam. Jadi semalam Yang Berhormat Teratai bertanya mengenai tidak ada nisbah *plot ratio*. Sebenarnya ada. Penetapan nisbah plot atau *plot ratio* dalam DRT MPAJ adalah terkandung di dalam laporan DRT MPAJ Jilid 2 iaitu Garis

Panduan Perancangan. Sebagai contoh *plot artio* bagi kawasan perniagaan di kawasan Kg. Pandan Dalam dan Kg. Baru Ampang ialah satu, *one is to two*. Dan dengan kawalan ketinggian 3 tingkat. Yang mengenai isu yang katakan ada pelan-pelan yang tidak boleh dibaca itu, masalah ini telah diteliti dan akan mengadakan *improvement*, dengan izin. Proses publisiti dan bantahan awam telah dijalankan pada 3 November sehingga Januari 2010,

**YB TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Minta penjelasan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Biar saya habis dulu ya? Sebanyak 3,000 borang bantahan awam melibatkan 4,138 pembantah telah diterima oleh, dari orang perseorangan, syarikat, badan bukan Kerajaan, NGO dan juga Ahli-Ahli Politik. Setiap cadangan dan bantahan tersebut akan dibawa ke Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam yang dipengerusikan oleh YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, untuk pertimbangan dan keputusan. Pihak MPAJ telah menubuhkan 1 *Task Force* untuk membincangkan kesemua isu-isu yang ditimbulkan oleh pembantah selain pegawai-pegawai MPAJ, JPBD Semenanjung Malaysia dan JPBD Negeri Selangor. Keahlian *Task Force* ini turut disertai oleh empat orang Ahli Majlis MPAJ yang memberikan pandangan terhadap semua cadangan dan bantahan yang telah dikemukakan. Ia, Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Ia, minta penjelasan, saya hendak tahu itu apa pelan yang akan ditambah baik lepas dia ditambah baik ataupun dibuat semula, adakah ini dikemukakan kepada orang ramai untuk bantahan atau ini sudah menjadi rancangan, tidak boleh diubah lagi?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW :** Teratai, saya difahamkan selepas *improvement*, dengan izin ya, dia dibuat selepas itu pelan-pelan yang dikatakan tidak boleh dibaca dan sebagainya telah dijadikan besar dan ini akan dipaparkan di MPAJ untuk orang awam.

Tuan Speaker. Mengenai cadangan perniagaan di atas tanah milik Telekom di Subang Jaya yang dibawa oleh Subang Jaya. Tanah cadangan perniagaan ini adalah terletak di atas lot 22395, Persiaran Perpaduan, Subang Jaya. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 2 Februari 2010 telah bersetuju mengarahkan MPSJ membentangkan semula kepada Mesyuarat Majlis berkenaan usul pembatalan kebenaran perancang di bawah Subseksyen 25.1 Akta Perancang Bandar dan Desa. MPSJ juga diminta memaklumkan mengenai kesanggupan menanggung liabiliti dan implikasi akibat dari pembatalan kebenaran merancang tersebut. Pihak MBSJ dipohon mengemukakan maklum balas mengenai perkara tersebut kepada Mesyuarat JPNS yang dijadualkan pada 30hb. April, 2010. Perkara tersebut juga masih di dalam perbicaraan Lembaga Rayuan Negeri Selangor.

Tuan Speaker. Mengenai strategi mengemas kini sistem pengangkutan awam yang dibawa oleh Kg. Tunku. Perancangan sistem pengangkutan awam melibatkan perancangan yang melangkaui sempadan satu-satu Pihak berkuasa Tempatan dan ianya perlu diselaraskan supaya ujudnya kesinambungan, jaringan dan perancangan yang komprehensif. Kerajaan Negeri telah menyediakan perancangan terhadap sistem pengangkutan awam seperti yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor. Dan juga dalam rancangan-rancangan tempatan yang dirancang bagi tempoh antara 15 hingga 20 tahun. Di dalam pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor juga Kerajaan telah mengambil usaha untuk memperbaiki sistem dan *road* pengangkutan awam yang lebih menyeluruh. Antaranya :

- 1) Melaksanakan Dasar Pengangkutan Awam yang menghubungkan seluruh Negeri Selangor dalam tempoh satu jam perjalanan, dengan izin “one hour public transport model”
- 2) Model split dari 90% dengan 10 ke 50 – 50 untuk jangka masa panjang. Sambungan LRT Ampang dan LRT Kelana Jaya akan dipanjangkan dan terminal Pengangkutan Awam bersepadu di Taman Melati, Gombak bagi bas-bas perjalanan jauh dari arah Pantai Timur dan juga menambah perkhidmatan bas berhenti-henti antara Bandar dalam Negeri Selangor. Dan juga sentiasa berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian Pelan Integrasi Pengangkutan Awam dan guna tanah Lembah Klang.

Baru-baru ini Menteri Besar sendiri dan juga YB Teresa Kok telah pun berjumpa dengan Menteri Pengangkutan untuk mencari “solution” dengan izin yang lebih baik. Dan di dalam Persidangan Dewan Rakyat pada 8 April 2010 Menteri Pengangkutan telah mengumumkan cadangan Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji cadangan supaya jajaran LRT baru dari Kota Damansara ke Sg. Buloh disambung ke Cheras Kajang sejauh 43 km. Y.A.B Perdana Menteri juga telah mengumumkan pembangunan seluas kira-kira 2500 ekar kawasan di Sg. Buloh sebagai hub baru Lembah Klang. Diharap terminal Pengangkutan Awam akan dibina di kawasan ini untuk bas-bas dari arah Utara Semenanjung Malaysia. Untuk perasingan...sorry...maaf...untuk persaingan yang lebih kompetitif dalam pembangunan serta untuk keselesaan pengangkutan pengguna, pengangkutan awam, sistem-sistem berdasarkan pada *Rail Train, priority bus lane, bus Rapid Transit* akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan. Tuan Speaker, ini last ya....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Kg. Tunku

**YBTUAN LAU WENG SAN:** Ya.....

**TUAN SPEAKER:** Ada apa....

**YBTUAN LAU WENG SAN:** Minta Penjelasan

**TUAN SPEAKER :** Penjelasan.....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya....Terima kasih kepada Y.B Exco. YB Exco telah memberi berbagai bentuk cadangan, walaupun begitu satu persoalan besar ialah semua ini tidak mungkin dapat dilakukan tanpa inisiatif dan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi saya ingin bertanya setakat manakah respons ataupun sikap Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pengangkutan. Harap-harap cadangan-cadangan yang YB Exco bawa tadi, jika lau mereka tidak responsif maka adalah susah untuk kita berganjak dan memulakan sesuatu jadi apakah strategi yang ada pada Kerajaan Negeri untuk sekurang-kurangnya memulakan sesuatu untuk menyelesaikan masalah sekarang. Kalau tidak...kerana kalau kita tidak melakukan sesuatu dua tiga tahun dari sekarang seluruh Lembah Klang ini akan sesak dengan kereta dan ianya akan menjadi lebih teruk. Jadi saya minta penjelasan daripada YB Exco.

**YB LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, sebenarnya saya berani kata di sini bahawa Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri dalam aspek menambahbaikkan Sistem Pengangkutan Awam ini adalah sangat-sangat mesra dan baik dan kita sentiasa ada perundingan dengan syarikat Prasarana yang di bawah Kerajaan Pusat dan juga ada perundingan dengan semua pihak-

pihak yang menjalankan tugas masing-masing. Jadi kemesraan ini akan diteruskan dan memang benar Kg. Tunku bahawa untuk penambahbaikan kita tak boleh membuat tanpa kerana kita kata kebanyakan kuasa untuk Pengangkutan Awam memang di bawah Kerajaan Pusat. Puan Timbalan Speaker, untuk menjawab soalan lisan yang dibawa oleh YB Subang Jaya mengenai cadangan ganjaran yang lebih wajar kepada Penjawat Awam di PBT dan juga membuka peluang jawatan Pegawai di PBT kepada orang luar dan juga peruntukkan pertukaran Pegawai dan kaki tangan PBT. Puan Timbalan Speaker, jawapannya begini,.....nanti ya, biar saya jawab dulu.....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Itu soalan saya bukan Subang Jaya....

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ini “mistake”...maaf....ok, Kg. Tunku, dimaklumkan bahawa semua PBT mempunyai kriteria khusus untuk memberikan ganjaran kepada Penjawat Awam yang cemerlang. Ganjaran ini berbentuk pemberian wang tunai sebanyak RM1000 berserta Sijil Penghargaan. Ganjaran ini dikenali sebagai Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, APC. Anugerah Datuk Bandar pula diperkenalkan di Majlis MBSA bagi penjawat awam yang memberikan perkhidmatan melebihi kecemerlangan yang biasa. Jika ada cadangan yang lebih baik maka Pihak Berkuasa Tempatan bolehlah membawa usul ini dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis masing-masing semestinya peluang untuk menjawat sebarang jawatan di PBT dibuka kepada orang ramai. Peluang kerjaya disiarkan dan diiklankan di dalam sekurang-kurangnya satu Surat Khabar utama di dalam Bahasa Melayu, selepas itu sesi temu duga akan diadakan setelah semua syarat-syarat utama skim perkhidmatan dipenuhi. Ini selaras dengan peraturan di dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor itu pelantikan kenaikan pangkat dan penamatan perkhidmatan 2005. Dimaklumkan bahawa secara dasarnya tidak ada pertukaran pegawai antara PBT di Negeri Selangor. Ini kerana PBT.....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Puan Timbalan Speaker.....minta penjelasan tentang iklan , iklan jawatan ini. Tadi YB sebut bahawa mengikut peraturan satu sekurang-kurangnya PBT perlu mengiklankan jawatan ini di dalam satu , sekurang-kurangnya satu Surat Khabar berbahasa Malaysia. Adakah Kerajaan juga bercadang untuk mengiklankan jawatan ini di sekurang-kurangnya satu Surat Khabar berbahasa Mandarin, dan juga satu Surat Khabar berbahasa Tamil supaya skop pengambilan penjawat-penjawat Awam ini akan dapat diperbesarkan. Kalau tidak ada maka saya ingin cadangkanlah supaya ianya dapat dilaksanakan oleh Kerajaan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Puan Timbalan Speaker, saya menganggap cadangan Kg. Tunku ini adalah baik dan saya akan membawa cadangan ini kepada Exco untuk kelulusan. Dimaklumkan bahawa secara dasarnya tidak ada pertukaran pegawai antara PBT di Negeri Selangor. Ini kerana PBT mempunyai pihak Kuasa melantik iaitu PBM yang berbeza antara satu sama lain. Tidak seperti yang berlaku bagi pegawai guna sama yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia iaitu SPA. Bagi Pegawai Guna sama mereka dilantik oleh Suruhanjaya yang sama dan mempunyai Ketua Perkhidmatan yang sama iaitu Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam , KPPA. Oleh yang demikian pegawai ini boleh ditukarkan ke mana-mana jabatan Agensi Persekutuan atau Negeri Selangor. Namun begitu, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri telah memulakan proses pertukaran ini secara pentadbiran bagi Pengarah Kejuruteraan di kesemua PBT. Hal ini memberikan ruang dan peluang kepada pegawai-pegawai untuk menimbang menimba pengalaman baru di samping berkhidmat di persekitaran kerja yang baru. Dari semasa ke semasa Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri akan membuat kajian dan keberkesanan perlaksanaan program ini. Dengan

ini saya telah menjawab seberapa banyak soalan lisan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya tidak dapat memberi jawapan di sini kita akan bagi jawapan.

**YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Yang Berhormat Tuan Speaker.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kita akan teruskan penjelasan daripada pihak Kerajaan jika masih ada.

**YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Minta Penjelasan.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Exco sudah.....

**YB TUAN LIU TIAN KHIW:** Sudah habis.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya persilakan daripada pihak Kerajaan jika ada penjelasan.....

**YBTUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim.....*saya ingin menyentuh kepada pemberian air percuma 20 meter padu kepada penduduk pangsapuri yang telah disentuh oleh Ali YB semalam. Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan dengan SYABAS untuk melonggarkan syarat-syarat migrasi tetapi proses migrasi ini nampaknya masih lambat dilaksanakan oleh SYABAS. Ini mungkin disebabkan masalah kakitangan yang tidak mencukupi kerana migrasi ini melibatkan lebih 2000 pemaju. Oleh itu Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menyiapkan satu kaedah bagaimana mereka yang tinggal di pangsapuri-pangsapuri mendapat faedah daripada skim air percuma ini tanpa perlu menukar kepada meter individu. Ini yang sekarang kita tengah siapkan satu kaedah dan Insya-Allah perkara ini akan dimulakan dengan pangsapuri-pangsapuri kos rendah dahulu. Seperkara lagi yang telah disentuh adalah penyelesaian bagi penempatan, peneroka-peneroka Bandar. Kerajaan Negeri menggalakkan para pemaju mengambil jalan penyelesaian dan menawarkan lebih daripada hanya rumah-rumah kos rendah berharga RM35,000.00 yang dilaksanakan sebelum ini. Bagi para peneroka yang mampu, Kerajaan Negeri mencadangkan pemaju menawarkan rumah kos sederhana rendah atau kos sederhana dengan harga yang lebih murah. Terdapat projek di Klang di mana pemaju menawarkan para peneroka rumah berharga RM180,000.00 dengan harga RM90,000.00. Dengan itu “*nett gain*” ataupun keuntungan yang diperolehi oleh para peneroka adalah RM90,000.00. Cara penyelesaian ini adalah lebih menguntungkan kepada peneroka dari cara yang terdahulu. Saya dalam proses mengadakan perundingan bersama penduduk Kg. Sri Temenggung seperti mana yang ditanya oleh YB Batu Caves dan akan mencuba mendapatkan persetujuan mereka serta pemaju untuk satu penyelesaian yang menguntungkan semua pihak termasuk penyelesaian menawarkan rumah kos sederhana rendah ataupun kos sederhana dengan harga yang jauh lebih murah. Dan bagi Kg. Sri Temenggung sebenarnya PKNS telah mendapat kelulusan merancang untuk membina pangsapuri kos sederhana sebanyak 500 unit dan 51 unit rumah teres 20 x 70. Juga dibangkitkan tentang projek perumahan terbengkalai adalah di Jalan Pluto U5 yang dibangkitkan oleh YB Kota Damansara. Projek perumahan terbengkalai pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang dibangunkan oleh Tetuan Unique Creations Sdn. Bhd. Yang mengandungi 6 blok terdiri dari 840 unit rumah yang mula dibina dalam tahun 2000 dan sepatutnya siap tahun 2003. Sebanyak 514 unit rumah telah dijual termasuk program perpindahan setinggan Kampung Bunga Raya SU6, Shah Alam yang melibatkan 73 keluarga. Tetuan ECL Management Sdn Bhd telah dilantik ataupun telah ...akan menjadi telah dilantik sebagai Pemaju Penyelamat dan telah berbincang dengan pihak pemaju asal iaitu Unique Creations berminat untuk memulihkan projek ini. Ada beberapa perkara yang

perlu diselesaikan sebelum pihak ECL Management Sdn. Bhd. dapat memulakan kerja-kerja di tapak, di antara adalah pengecualian cukai tanah berjumlah RM1.8 juta yang tidak dibayar oleh pemaju yang sebelum ini. Perkara kedua adalah isu pampasan ataupun subsidi rumah sebanyak RM7,000 bagi setinggan Kg. Bunga Raya, 73 keluarga. Dan seterusnya mereka memohon kebenaran untuk membangunkan dua blok rumah kos sederhana rendah daripada 6 blok sebab yang terdapat sedikit kekurangan daripada kewangan jadi pemaju mencadangkan bahawa 2 blok daripada 6 blok yang hendak dibina itu dijadikan rumah kos sederhana rendah. Oleh kerana yang terjual hanya 4 blok dan hasil daripada pendapatan tambahan ini dapat digunakan untuk memajukan projek-projek tersebut.

Seterusnya adalah pertanyaan daripada Paya Jaras tentang status projek terbengkalai di DUN Paya Jaras. Ada dua di sini, satu yang dimajukan oleh Atlaw Housing Sdn. Bhd. Yang satu lagi adalah yang dimajukan oleh Juta Permai Sdn. Bhd. Berdasarkan daripada rekod Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor masih kita tidak lagi menerima sebarang tawaran pengambilan kedua-dua projek ini daripada Lembaga Zakat Selangor sama ada secara bertulis, perbincangan mahupun lawatan tapak bersama, tidak ada. Dan bagi projek perumahan Atlaw Housing Sdn. Bhd. pemajunya adalah Tetuan Sg. Buloh Center Point Sdn Bhd manakala pemiliknya adalah Atlaw Housing Sdn. Bhd. Dan ianya telah digulung di mahkamah pada 2007 pada tahun 2007 dan diletakkan di bawah Jabatan Insolvensi sebagai "peliquidasi". Perkara ini telah di dalam perhatian *Task Force* projek perumahan terbengkalai dan kita sedang dalam perbincangan untuk melantik "*peliquidator*" dan apabila ini selesai projek ini boleh dibangunkan. Dan kita dalam proses untuk mendapatkan kepastian ataupun persetujuan daripada pembeli-pembeli. Jadi bermakna ianya di dalam perhatian "*Task Force*" tersebut dan ianya menunggu ataupun menunggu kepastian daripada pembeli-pembeli. Projek kedua adalah projek di bawah Juta Permai sebanyak 672 unit ditawarkan dan 462 unit sahaja yang dijual kepada pembeli setakat ini. Dan pemaju sekarang yang menghadapi masalah kewangan sedang berusaha untuk menjual sebahagian daripada tanah mereka kepada *Health University College* supaya mereka mendapat pulangan untuk membangunkan semula projek tersebut. Insya-Allah. Saya juga ingin menjawab daripada Sungai Pelek tentang projek yang telah digulungkan iaitu Taman Kenanga, Bandar Baru Salak Tinggi, Daerah Sepang yang dibangunkan oleh Tetuan Kumpulan Sepang Utama Sdn. Bhd. Projek perumahan Taman Kenanga yang dibangunkan oleh Kumpulan Sepang Utama Sdn. Bhd. telah pun digulung oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Mac 2006 dan telah melantik Tetuan Ng Sean Yang Sdn. Bhd. sebagai peliquidasi. Projek perumahan Taman Kenanga yang dibangunkan oleh Tetuan Kumpulan Sepang Utama ini telah berdaftar di bawah Akta Pemaju Perumahan Kawalan Dan Pelesenan 1966 dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan projek ini di bawah pemantauan KPKT. Dalam Mesyuarat KPKT pada 22 Mac 2010 dan 9 April 2010 telah memaklumkan bahawa satu syarikat baru iaitu NCT Venture Corporation Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk mengambil alih projek dan memulihkan pembangunan ini. Walau bagaimanapun, NCT Venture Corporation Sdn. Bhd. perlu berbincang dengan Tetuan Ng Sean Yang Sdn. Bhd. sebagai peliquidasi untuk jalan-jalan atau pun cara-cara untuk meneruskan projek ini tetapi dah ada dah, syarikat yang baru untuk mengambil alih projek ini dan tentang projek Taman Desa Salak Permata bagi Lot 2168 dan Lot 2171, Mukim Labu Lanjut, Daerah Sepang. Pemajunya adalah Tetuan NPO Development Sdn. Bhd. Adalah dimaklumkan projek perumahan Taman Desa Salak Permata yang dibangunkan oleh Tetuan NPO Development Sdn. Bhd. melibatkan Lot 2168 dan 2171. Maknanya, saya ingatkan didapati hanya Lot 2168 yang telah menjelaskan premium. Walau bagaimanapun, Lot 2168 terlibat dengan kes Mahkamah Tinggi Shah Alam iaitu di antara Encik Abdul Wahab dan tuan tanah harta pusaka kerana dituduh menceroboh tanah bersebelahan. Oleh itu, sebarang pembangunan perlu ditangguhkan sehingga selesai kes Mahkamah ini. Dalam mengatasi masalah ini, pemaju telah dinasihatkan supaya memohon Sijil Layak

Menduduki secara berperingkat bagi projek yang telah siap. Sehingga kini, pemaju masih belum melaksanakan arahan tersebut.

Saya juga ingin memberi maklum atau pun menjawab persoalan yang ditimbulkan tentang skim pembangunan komuniti berpagar atau pun *Gated Community* yang menjadi masalah adalah pembangunan sedia ada yang mahu dijadikan *Gated Community*. Telah ada sebenarnya garis panduan yang diedarkan sejak tahun 2007 kepada kesemua Pihak Berkusa Tempatan, sejak tahun 2007 lagi. Kerajaan Negeri sebenarnya telah mengadakan sekali lagi seminar pada bulan Disember tahun lepas untuk menambah baik garis panduan ini dan draf akhir garis panduan ini telah diedarkan kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi komen dan maklum balas telah diterima dan draf ini sedang menunggu untuk dibentangkan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi terdapat satu perkembangan yang terbaru di mana Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan membuat pengumuman bahawa Kerajaan Pusat juga akan mengeluarkan garis panduan mereka untuk dituruti oleh negeri-negeri. Masalahnya adalah terdapat perbezaan di antara garis panduan Negeri dan garis panduan Persekutuan, Kementerian Perumahan. Contohnya, garis panduan Negeri hanya memerlukan persetujuan 85% daripada penduduk tetapi garis panduan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan memerlukan persetujuan 100% sebelum ianya dilaksanakan. Dan untuk menyelesaikan masalah ini, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor akan mengadakan perbincangan yang lebih lanjut bersama dengan pihak Kementerian untuk kita selaraskan di antara garis panduan Negeri dan juga garis panduan Persekutuan.

Turut dibangkitkan adalah keadaan rumah-rumah kos rendah. Ingin saya memaklumkan di sini dan sudah menjadi tajuk-tajuk akbar bahawa Kerajaan Negeri begitu prihatin dan telah membaiki lif untuk fasa pertama ini bagi tiga (3) pemajuan dengan kos RM1.66 juta dengan konsep *cost sharing* di antara penduduk dan Kerajaan. Dua (2) lagi pemajuan akan diperbaiki untuk fasa pertama dan dalam fasa kedua, lima (5) lagi pemajuan akan dibaiki. Fokus kita adalah untuk memberi keselesaan kepada mereka yang duduk di pangaspuri atau pemajuan-pemajuan kos rendah. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin kepada masalah yang dihadapi dan sedang terus melihat cara-cara untuk membantu mereka. Kali yang pertama atau fasa yang pertama mungkin kita akan melihat kepada lif. Fasa yang seterusnya, perkara-perkara lain lagi kita akan melihat bagaimana kita nak membantu mereka yang duduk di pangaspuri kos rendah. Kualiti rumah kos rendah apabila.... Kualiti kos rendah juga telah dibangkitkan..... Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, apabila ditubuhkan JMB atau pun *Joint Management Body* atau Badan Pengurusan Bersama. Penduduk akan mengambil alih pengurusan pangaspuri atau pemajuan mereka daripada agen atau pun pemaju. Walau bagaimanapun, kita mesti memastikan bangunan yang diserahkan oleh pemaju atau agen pengurusan mestilah dalam keadaan yang baik atau sempurna. Oleh itu, serahan mesti dihadiri oleh, diwajibkan dihadiri oleh wakil daripada Pesuruhjaya Bangunan atau Pihak Berkusa Tempatan yang kompeten untuk melakukan audit kepada bangunan yang akan diserahkan. Kita tidak mahu penduduk diserahkan bangunan yang tidak sempurna dan akan menghadapi masalah di masa-masa akan datang. Kerajaan Negeri sekarang ini belum lagi mahu mensyaratkan dilantik Juru Ukur dari sektor swasta untuk melakukan audit ke atas bangunan-bangunan yang hendak diserahkan. Walaupun kita ada mendapat cadangan, kita akan kaji cadangan tersebut.

Perkara terakhir, Puan Timbalan Speaker dan seterusnya ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah permohonan untuk menukar syarat dari pertanian kepada perumahan di Site A, Sekinchan bagi memenuhi keperluan perumahan di Sekinchan. Pendengaran awam telah dilakukan, diadakan dan daripada 60 maklum balas terdapat dua (2) bantahan. Walau

bagaimanapun, kertas untuk permohonan ini akan di bawa ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Saya mempersilakan lagi, sekiranya ada pihak Kerajaan yang ingin menjelaskan.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bangi yang telah memberikan kerjasama yang terbaik dan juga bekerja keras untuk menjayakan program tuisyen rakyat Selangor di mana beliau telah menyatakan 100% telah menunjukkan lulus SPM. Dan juga kepada Bangi yang menyatakan RM12 juta untuk 91 perpustakaan adalah tidak mencukupi dan saya 100% setuju dengan Bangi dan saya nak menyatakan, memang di antara yang kita agak gusar dan agak terkilan di mana keadaan di perpustakaan sama ada perpustakaan yang desa atau pun yang bergerak itu tidaklah menunjukkan satu *standard* yang terbaik. Kita, saya nak berkongsi bersama dengan ahli-ahli Yang Berhormat di mana kita memang mahu *standard* perpustakaan ini terbaik kerana ini adalah di antara hasrat yang telah dinyatakan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor sendiri. Yang saya nak nyatakan ialah di antara masalah kita juga ialah kita juga mendapatkan pengurangan daripada peruntukan Perpustakaan Negara Malaysia itu sendiri di mana pada tahun lepas, biasanya sebelum ini nisbahnya adalah satu (1) daripada Negeri, satu (1) daripada Perpustakaan Negara daripada Federal. Maknanya kalau RM12 juta tu, RM6 juta daripada Negeri, RM6 juta daripada Perpustakaan Negara. Tapi malangnya pada tahun ini, kita hanya diberi RM1.2 juta setakat ini daripada Perpustakaan Negara dan mungkin negeri-negeri yang bukan di bawah Pakatan Rakyat dapat nisbah yang lebih baik. Apa-apa pun, kita perlu mencari dana lain untuk menampungkan peningkatan daripada *demand* yang disebutkan oleh Bangi.

Sungai Burong menyatakan, masalah mungkin Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor tidak mahu UiTM, dia mengatakan UiTM diadakan di Serendah. Mungkin dia kata, mungkin masalah balas dendam kot di mana UiTM itu dikaitkan dengan masalah kuota bukan Melayu dan sebagainya. Saya nak menyatakan kepada Sungai Burong dan kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat adalah dengan izin *Principal Centered* atau pun falsafah pentadbiran yang berpaksikan prinsip bukan kerana balas dendam dan sebagainya. Tidak ada kena-mengena langsung dan kita juga di Selangor ini telah pun menyatakan dengan terus terang untuk menjadikan Selangor ini hub ilmuan, hub pendidikan. Sudah tentulah IPTA, PTS, kolej dan sebagainya, apa-apa sahaja institusi pendidikan digalakkan untuk diwujudkan di Negeri Selangor ini. Dan saya rasa, YAB Ijok akan menerangkan tentang perkara tersebut.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Puan Timbalan Speaker, boleh minta penjelasan?

**TUAN SPEAKER** : Macam mana Selat Kelang? Ya, Silakan. Pendek dan padat.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ya, kalau begitu, saya inginkan penjelasan. Adakah YB EXCO menyokong supaya UiTM ini terus diadakan di Serendah?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Sungai Burong. Bukan sahaja UiTM, yang dah ada pun tertegak di Shah Alam ini yang nak mengembangkan sayap di Serendah, semua IPTA yang lain pun kita galakkan, asalkan ia mengikutkan prosedur-prosedur yang betul. Persoalannya, bukan kita menolak UiTM.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima tak?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Bukan kita menolak UiTM. Ini Sungai Burong kena faham. Apa yang sebenarnya. Isunya bukan kita menolak institusi pengajian tinggi di bina di Serendah tetapi masalahnya adalah kena-mengena dengan Yayasan Basmi Kemiskinan yang pun telah disebutkan oleh YAB Menteri Besar dan telah pun diberikan *white paper*. Jadi saya pergi kepada masalah lain. Saya rasa Sungai Burong kena baca tu, YBK, *white paper* tentang YBK yang dulu-dulu. Ya?

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Timbalan Speaker?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Saya rasa dah cukup dah, dah cukup. Kalau apa, Sungai Burong kena kaji lebihlah.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Bukan, saya minta izin dengan Timbalan Puan Timbalan Speaker?

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong, tak dengar ke Selat Kelang kata dia tak beri? Dia nak menjelaskan soalan-soalan yang lain. Jadi duduk.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ialah, kalau kata tak boleh, cakap tak boleh.

**TUAN SPEAKER :** Tak bolehlah namanya. Ha, duduk. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker dan saya nak jawab soalan daripada Sungai Pelek di mana saya juga sedih jugalah, saya pun agak pelik, kenapa Sungai Pelek ni, semua sekolahnya tak dapat bantuan daripada Kerajaan Negeri. Saya agak pelik juga sebab dan juga daripada soalan-soalan, saya rasa ada soalan tapi tak sempat nak di bawa pada hari ini ialah :-

Berapa peruntukan untuk Sungai Pelek daripada sekolah Tamil, sekolah cina dan sekolah agama? Dia tanya? Sebab saya pun agak pelik soalan itu kerana di dalam Jawatankuasa saya tidak mengkategorikan sekolah ini daripada DUN ini, sekolah ini daripada DUN Barisan Nasional, sekolah ini DUN Pakatan Rakyat. Kita tak buat macam tu, Puan Timbalan Speaker. Jadi saya telah bertanya sahabat saya, YB Seri Andalas yang mengetuaui Jawatankuasa menetapkan tentang agihan kepada sekolah Tamil. Dia mengatakan semua sekolah Tamil dah diberi. Ha, itu ya, maknanya Sungai Pelek kena *check* balik. Kepada sekolah cina pula di mana rakan saya daripada Kinrara pulak, hari ini pun kita akan apa, bawa semua ADUN-ADUN berbincang, siapa nak bagi, berapa nak bagi dan sebagainya sebab tak ada timbul ada Barisan Nasional ke, Pakatan Rakyat ke, tak ada. Kita tak buat agihan seperti itu. Kita melihatkan manakah sekolah-sekolah yang paling memerlukan dan jumlahnya adalah mengikut keperluan setiap sekolah itu. Itu yang kita lakukan.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Puan Timbalan Speaker?

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih, Selat Klang. Dalam perbahasan semalam saya mengatakan kenapa tak bagi dan saya tak sentuh berapa peruntukan yang akan dibagikan kepada, kepada SJKC, SJKT dan SAR. Saya cuma mengatakan mereka mengemukakan permohonan tahun lepas dan saya yang hantar sehingga hari ini, tak ada. Itu yang saya tahu, tapi penjelasan daripada Selat Klang

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Nama Sekolah Tamil itu apa...

**YB TUAN YAP EE WAH** : Apa tu...

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Nama Sekolah Tamil itu apa... dekat Sungai Pelek

**YB TUAN YAP EE WAH** : Nama Sekolah SJKC Sungai Pelek, ok, Wai Lien, Chee Min, Wai Lien, Chee Min, SJKC Cheer Sau Salak, ok, ok, yang Tamil tu, SJKT Sepang, SJKT Bandar B Estate, SJKT di Sepang

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya minta Sungai Pelek, Sungai Pelek, tanya soalan, kemudian apa-apa selepas tu..

**YB TUAN YAP EE WAH** : Ya, betul, betul saya nak jelaskan dulu apa yang saya tanya semalam dia jawab yang lain

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tanya soalan...

**YB TUAN YAP EE WAH** : Jadi saya tak kira itu sebab saya cakap mungkin kawasan ini Barian Nasional tak dapat, kalau dapat tu bagilah jawapan yang dapat saya suka, saya suka termasuk SAR bukan saya cakap SJKC, SJKT, SAR jugak. Jadi semualah kalau ada tu bagilah, sekurang-kurangnya semua orang tahu, kan kerja yang elok, kalau sudah bagi. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Terima kasih Sungai Pelek, mengikutkan laporan kita, data yang ada pada kita, SJKT Sepang telah pun diberi RM 5,000 tahun 2009 ya, ada semua-semua 97 Sekolah Tamil

**YB TUAN YAP EE WAH** : Saya nak tahu, saya nak tahu permohonan mereka mengemukakan kepada, kepada pihak yang berkenaan kepada Selat Klang, dia untuk mohon untuk projek untuk membaiki bilik darjah, kantin ini dan itu, ok. Tapi yang dapat RM 5,000 itu, adakah itu peruntukan EXCO sendiri atau daripada peruntukan yang di bawah EXCO untuk semata-mata SJKC, SJKT dan SAR, itu perbezaan dia. Terima kasih

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Terima kasih kepada Sungai Pelek, jadi maknanya adalah sekolah di DUN Sungai Pelek yang telah pun diberi oleh Kerajaan Negeri peruntukan-peruntukan dan seperti yang saya katakan tadi ...

**YB TUAN YAP EE WAH** : Peruntukan RM 5,000 itu untuk apa...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Pelek, kalau nak bertanya mesti minta izin

**YB TUAN YAP EE WAH** : Ok, minta penjelasan, peruntukan RM 5,000

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ini dah soalan banyak kali soalan tambahan ini, ini sebenarnya pihak EXCO menjawab soalan ataupun perkara-perkara dibangkit semasa ucapan Junjung Terima Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan

**YB TUAN YAP EE WAH** : Betul, betul, yes, yes, yes, saya mintak penjelasan, dia kata memberikan peruntukan RM 5,000 peruntukan untuk buat apa RM 5,000 itu. Ada tak berdasar kepada permohonan daripada sekolah. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Itu adalah pemberian kepada PIBG, ok, saya nak sebutkan beginilah kepada DUN Sungai Pelek, kalau nak dapat perincian tu, nak dapat perincian sebab kita dah bagi kita bagi kepada semua, kalau nak tahu kenapa bagi begini, kenapa sikit sangat, kenapa yang ini bagi banyak begini, jadi semuanya formula-formula itu adalah berdasarkan kepada keperluan-keperluan dan juga keutamaan dan keutamaan. Sebab kita sebelum ini tak pernah bagi Kerajaan Negeri tak pernah bagi, bila kita nak bagi semua mintak dan semua mintak hanya yang orang ini mintak seratus, yang ini mintak dua ratus, yang ini mintak seribu, dan ada yang mintak 1.2 juta. Takkun nak bagi sekolah itu sahaja, jadi kita baru nak beri dan kalau kita bagi satu, dua ada lima puluh lagi mintak, tujuh puluh lagi mintak, kita tak bagi, dia kecil hati juga, jadi pada 2009 sebab skim ini kita baru beri Kerajaan Pakatan Rakyat baru mulakan, jadi sebab itu kita akan memberikan ...

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Puan Timbalan Speaker

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Beberapa, saya ingat dah bagi apa sebab banyak lagi nak jawab soalan yang lain ni.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan, minta penjelasan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya minta pihak EXCO teruskan dengan jawab yang dikemukakan, semua duduk.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, Kg. Tunku minta penjelasan, ya, saya, terima kasih, erk, EXCO, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat EXCO bersetuju dengan saya bahawa peruntukan untuk pembinaan ataupun pembangunan pendidikan ini, adalah kuasa di bawah Kerajaan Persekutuan, dan adakah Yang Berhormat EXCO setuju dengan saya, pemberian peruntukan ini adalah diberi mengikut keutamaan contohnya kawasan saya SJKC Sungai Way tahun 2008, 2009 saya tidak memohon kerana infrastrukturnya sudah nombor one (1), tak payah lagi, cam saya tidak faham mengapa, saya ingin bertanya kepada EXCO mengapa ada orang pula yang bising-bising dengan peruntukan RM 4 juta kepada SJKC ini, sedangkan peruntukan Kementerian Pendidikan satu tahun dari Kerajaan Pusat mencecah sampai ratusan juta tanyanya tidak dan mereka tidak memohon daripada Kementerian Pendidikan. Mengapa ini berlaku. Saya ingin tanya?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Terima kasih kepada Kg. Tunku, saya rasa sudah terang lagi bersuluh maka memang bukan di bawah Kerajaan Negeri memberikan peruntukan-peruntukan yang secukup-cukupnya kepada sekolah-sekolah yang di bawah Kementerian Pelajaran, jadi apa yang telah disebutkan oleh Kg. Tunku, saya setuju sangat-sangat dan mungkin Sungai Pelek, kena berjumpa pula Menteri Pelajaran kot, haa.. dan saya nak sebutkan tentang sekolah Agama, Tamil dan Cina saya dah sebut, nak bagi tahu kan kepada sekolah agama pula, sekolah agama kenapa tidak ada. Saya nak sebutkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, RM 6 juta yang kita peruntukan ialah untuk Sekolah Agama Rakyat, maknanya sekolah-sekolah yang dibina oleh rakyat, bukan Sekolah Rendah Agama, Sekolah Rendah Agama adalah dibina oleh JAIS oleh Kerajaan Negeri, jadi Sekolah Agama Rakyat dibina oleh rakyat, bukan dibina oleh kerajaan, yang inilah yang kita beri peruntukan kerana selama ini Sekolah Agama Rakyat tak dapat satu sen pun satu habuk orang kata pun daripada, daripada Kerajaan BN Negeri ataupun Pusat.

Jadi apa yang disebutkan oleh Sungai Pelek bahawa kerana mungkin kita daripada BN dan sebagainya ini tak dapat, saya nak sebut ni kalau Sekolah Agama, Jeram, Jeram bawah BN erk... Sekolah Menengah Agama Rakyat Maahad Tahfiz Al-Quran juga telah diberi 2009, Sekolah Menengah Islam Hiraq Jeram juga di bawah BN diberi juga, Sabak, Sungai Besar, Sungai Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Fala' kita beri juga, Maahad Tahfiz Ummul Qura', ini Sungai Air Tawar juga, Batang Kali Sekolah Kafa Integrasi Kampung Kuantan, Hulu Selangor di bawah BN, Sekolah Agama Dato' Ahmad Razali Dengkil, kita beri juga. Sungai Burung, Pusat Pengajian Islam Abdul Khalid pun kita beri juga, ada, ada banyak lagi. Maknanya adalah tidak benar, bahawa kita hanya memberikan kepada sekolah-sekolah di bawah Pakatan Rakyat.

Puan Timbalan Speaker, saya pergi kepada soalan daripada YB Kuang, erk, isu penurunan jumlah penuntut, saya dah pun sebut semalam apa jawapan saya di dalam untuk soalan-soalan, jadi saya tidak akan ulang kan balik. Yang, YB Kuang hanya isu pelantikan Timbalan Naib Canselor, yang didapati ada laporan Polis, kita nak sebut di sini, ini laporan Polis, kalau Y.B Kuang ada bukti bahawa Timbalan Naib Canselor UNISEL ini telah pun disabit dengan kesalahan, maka saya yakin dan percaya UNISEL tidak ada masalah, masa itu juga kita dapat bukti disabit dalam mahkamah, kita akan gugurkan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor, tetapi oleh kerana ini hanyalah laporan Polis, entah betul, entah tidak, sebab sekarang pun fenomena orang yang tidak melihat dikatakan melihat, orang yang tidak mencuri dikatakan mencuri, orang yang membunuh tidak dihukum bunuh, tidak dihukum, jadi kita mahu kepada fakta, kerana kita mahu melakukan keadilan kepada semua pihak. Bukan gosip, gosip dan apa sahaja laporan Polis ...

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, minta laluan

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** Saya ada banyak masa apa, Puan Timbalan Speaker, sebab saya apa ha.. ha..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kita agak kesuntukan masa,

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** sikit sahaja

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** Saya sambunglah tuan speaker,

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ha, Selat Klang ingin

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Tak sampai pun 10 saat, mintak laluan sikit

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Selat Klang ingin meneruskan

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** Tak banyak lagi soalan, yang ada kaitan juga, jadi sabar-sabarlah, tentang gejala sosial yang telah disebut-sebutkan. Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat seolah-olah Kerajaan Pakatan Rakyat bila memerintah gejala sosial mendadak-dadak naik. Saya nak sebutkan sini buang anak ini, orang yang buang anak bukan umur 2 tahun, orang yang merompak, yang menghilangkan enjin-enjin, yang terlibat dengan PKRZ pun bukan berumur 2 tahun, yang merompak, yang menyamun pun bukan juga berumur 2 tahun, yang buat rasuah ini pun bukan berumur 2 tahun, kerana Kerajaan Pakatan Rakyat

baru berumur 2 tahun. Jadi apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor untuk membersihkan semua gejala-gejala ini.

Pertamanya ialah Fasa pertamanya ialah Kempen Kesedaran keperluan pendekatan Holistik Bersepadu di semua peringkat, pimpinan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, NGO, Persatuan-persatuan, Institusi Pendidikan termasuklah Tadika dan Nurseri, Media-media, PIBG, ibu bapa, semua pihak termasuklah wakil-wakil rakyat, sama ada daripada Pakatan Rakyat mahupun wakil rakyat daripada Barisan Nasional.

Kita harus bersama-sama kalau betul-betul kita nak membasmi masalah gejala sosial daripada Negeri Selangor, semua wakil rakyat dua-dua pihak ini harus mengembelingkan tenaga, mengembelingkan bersinergi untuk membersihkan Selangor ini daripada gejala sosial.

Yang Kedua, kita juga dalam proses membina pangkalan data atau '*data base*'. Saya nak sebutkan di sini, saya telah menghubungi Polis di Raja Malaysia, Ibu Negeri Selangor, AADK Selangor, Jabatan Kebajikan, Jabatan Agama Islam, macam-macam yang saya nak dapatkan maklumat tepat tentang gejala sosial, kadar gejala sosial yang berada di Selangor. Semua memberikan satu jawapan yang sama. Yang ada pada kami, yang lapor pada kami, Polis kata yang mencuri yang apa yang merogol itu yang lapor pada kami, ialah ada kalau yang tak lapor banyak lagi di luar sana. Jadi, kita sekarang ini tidak mempunyai data yang tepat. Saya yakin dan percaya, kalau kita mendapatkan maklumat daripada '*grass root*' akar umbi, mungkin data sekarang ini, lebih besar daripada apa yang ada. Jadi...

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Puan Timbalan Speaker, Timbalan Puan Timbalan Speaker, mintak laluan

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** Saya rasa sebab kita dah cakap tak cukup masa tadi, saya teruskan dulu

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Selat Klang teruskan

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** saya teruskan apa, Puan Timbalan Speaker, terima kasih Puan Timbalan Speaker. Jadi oleh kerana kita ini nak buat satu perancangan, perancangan tidak mahu ad hoc, tidak mahu *first aid*, kita mahu merancangkan nak membasmikan gejala sosial ini dan membanteras gejala sosial ini termasuklah rasuah ini kita harus mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat supaya kita boleh merancang apakah pendekatan, apakah tindakan yang kita perlu laku dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Maka barulah kita boleh merangkakan dan juga memikirkan dan melaksanakan perancangan-perancangan kita dengan berkesan dan berjaya.

Jadi saya nak sebutkan di sini, di mana '*data base*' ini kita mahu pertamanya tadi ialah kita telah mewujudkan Jawatankuasa Induk menangani gejala sosial peringkat negeri dan kita telah perturunkan dan kita telah arahkan pegawai-pegawai daerah mewujudkan Jawatankuasa yang sama yang melibatkan jabatan-jabatan dan Agensi Kerajaan seperti PDRM seperti Kesihatan, Pelajaran, Kebajikan, JAIS dan juga AADK, PEMADAM, NGO-NGO, Pertubuhan Wanita, Pertubuhan Belia, semuanya bekerjasama di dalam menangani masalah-masalah ini dan juga saya nak sebutkan di sini kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, Pakatan Rakyat mahupun BN, kita memerlukan satu *overhaul*, masyarakat kita yang terjebak begitu banyak terjebak dalam gejala sosial ini ialah kerana '*spiritual capital*' modal '*spiritual*' rakyat di Negeri Selangor ini yang telah pun di bawah Kerajaan Barisan Nasional selama 50 tahun ini begitu rendah, jadi kita perlu *overhaul*, sebab itu, dan juga saya agak, agak sedih dan terkilan apabila

kita melihatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebelum ini, sebelum 2008 ini dan apa 2008, kita melihatkan peruntukan Kerajaan Negeri untuk gejala sosial hanyalah RM 10 setahun.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Puan Timbalan Speaker, minta laluan

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** Jadi alhamdulillah, pada 2010 ini, minta maaf Puan Timbalan Speaker, saya nak habiskan, pada 2010 ini EXCO Kerajaan Negeri Selangor telah pun meluluskan sekurang-kurangnya untuk bertatih-tatih ini untuk fasa pertama ini fasa Kempen Kesedaran ini kita telah meluluskan sebanyak RM 1.98 juta untuk gejala sosial.

Kalau sebelum ini tidak ada langsung *Stanco*, tidak ada unit langsung yang khusus tentang gejala sosial ini, maka kita dengan peruntukan RM 1.98 juta ini, walaupun belum sampai ada satu *Stanco*, tapi ada satu unit di panggil Unit Gejala Sosial di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan.

Jadi saya mintak kepada semua pihak sama ada lagi-lagi wakil rakyat yang menjadi pemimpin kepada rakyat, kalau semua Yang Ahli Yang Berhormat benar-benar mahu melihatkan gejala sosial ini diminimumkan dimateraikan. Marilah kita membuatkan satu.....kola...melalui jabatan-jabatan, ejen kerajaan, NGO, ibu bapa, rakan sebaya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri. Saya minta melihatkan diri dalam pelaksanaan program-program menangani gejala sosial ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Seri Andalas.

**YB TUAN DR. XAVIEV JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Puan Timbalan Speaker. Soalan yang hendak saya sebutkan di sini ialah denggi di Selangor. Ada soalan mengenai *hot spot hot spot* di Negeri Selangor. *Hot spot hot spot* di dalam Negeri Selangor ialah Selayang, Taman Pelangi Rawang, Bandar Tasik Puteri 7, Taman Tun Perak Apartmen , di Majlis subang Jaya ialah SS19, USJ6, Taman Bukit Serdang, Taman Serdang Perdana, Pusat Bandar Puchong. Majlis Perbandaran Petaling Jaya Flat Desa Ria PSJ5, Mentari Couit PSJ8, Gugusan Melur Seksyen 4 PJ, AU5 dan SS9A. Di Majlis Perbandaran Kajang ialah Taman Sepakat Indah. Majlis Perbandaran Shah Alam Seksyen 7D, Majlis Perbandaran Ampang Jaya Pandan Indah, Pandan Dagang, AU2 Taman Keramat, Pandan Jaya, Taman Melawati, Taman Dagang AU3/1, Taman Keramat dan Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, Bandar Baru Selayang Fasa 2B, Selayang Baru iaitu Taman Seri Gombak Fasa 9, Kg. Desa Aman. Di Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat Taman Cheras Awana, Apartmen 16C, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi, Seksyen 2 Bandar Kerinching PKNS Beranang. Kepada soalan H1N1 dan gejala mencegah H1N1 di Selangor sehingga 1 April 2010 sebanyak 1,640 4 kes H1N1 dikesan sejak pandemik Influenza A bermula di Malaysia bilangan kematian yang disebabkan secara langsung oleh virus H1N1. Sekarang hingga ke bulan ini 15 orang langkah yang boleh diambil oleh kerajaan ialah meningkatkan kesedaran masyarakat umum tentang golongan H1N1 dan juga untuk kita mengambil beberapa langkah kawalan seperti *social distancing* (dengan izin). Etika batuk yang baik sentiasa mementingkan kebersihan tangan, memastikan kemudahan mencuci tangan *hand sanitizer*.disediakan di tempat-tempat umum di sekolah dan sebagainya. Elakkan pergi ke tempat umum, keramaian yang sesak sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan atas. Dengan soalan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya telah mendengar jawapan daripada EXCO senarai kawasan-kawasan *hot spot* berhubung penyakit denggi sebentar tadi, senarainya panjang termasuk dalam pentadbiran MPAJ dan Gombak. Namun yang lebih penting ialah kita ingin mengetahui apakah langkah yang akan diambil oleh

Kerajaan Negeri untuk menangi masalah ini bukan sekadar senarainya sahaja tetapi yang lebih penting apakah langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil untuk memastikan penyakit ini tidak berterusan demi kebaikan rakyat Negeri Selangor.

**YB TUAN DR. XAVIEV JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Gombak. Sorry Bukit Antarabangsa. Soalan itu baik saya hendak katakan di sini dalam bulan ini tahun ini sahaja dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan kita telah panggil semua YB, YDP, DO yang berkenaan dengan Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah yang kita telah adakan beberapa mesyuarat dan di sana kita telah minta semua YDP untuk meningkatkan bajet untuk dibelanjakan tentang kes-kes di kawalan-kawalan demam denggi di kawasan dan juga untuk mereka bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan di daerah masing-masing, yang telah kita lakukan ialah bergotong royong dengan cara keluasan di kawasan-kawasan ini dan juga pemeriksaan kawasan-kawasan tertentu dengan adanya kes-kes ini. Kalau kita dapat adakan *classification* dalam satu-satu tempat. Keseluruhan pejabat kesihatan dan pejabat kesihatan di Perbandaran akan turut ke kawasan itu membersihkan kawasan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Y.B Timbalan Speaker. YB

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan. Kali ini je...

**YB TUAN DR. XAVIEV JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Cepat

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** YB Terima kasih YB EXCO. Minta penjelasan memandangkan daripada penjelasan Yang Berhormat EXCO banyak kawasan yang terlibat itu dalam kawasan saya. Kerisauan saya ialah semenjak kebelakangan ini Selangor ini menjadi kawasan yang tertinggi suka tak suka untuk masalah demam denggi. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini kerana yang banyak kita dengar *letopic* daripada pihak Kerajaan Negeri, tapi yang sebenarnya yang penting saya rasa perlunya ada bekerjasama gandingan bersama PBT kerana masalahnya berpunca ini masalah rakyat betul tetapi masalah sampah, tin-tin kosong macam-macam yang terbiar di longkang dan sebagainya dan ini satu masalah. Jadi secara rumusan masalah peningkatan demam denggi di Negeri Selangor ini berlarutan kerana masalah PBT yang langsung tidak membuat kerja untuk pembersihan. Jadi kalau boleh saya mengharap oleh Yang Berhormat saya sokong dengan apa yang dikatakan Bukit Antarabangsa kita tidak mahu mendengar *retorik* dan *host* tapi kita hendak tahu apa cara penyelesaian untuk menjadikan Selangor tidak lagi menjadi termasyhur kerana denggi. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIEV JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Pandemik denggi ini bukan dalam 2 tahun ini sudah diadakan dalam Negeri Selangor selama 10 tahun lebih. Dan Selangor adalah tertinggi di dalam kategori dan statistik di dalam 2 tahun sebelum itu pun Selangor statistiknya tertinggi. Apa masalahnya ialah masalah ini Selangor ini padat dengan penduduk kawasannya memang besar Malaysia keseluruhannya masuk Selangor yang hendak duduk di dalam sini dan sebab kepadatan itu kita ada masalah dengan nyamuk ini yang memang satu-satu nyamuk yang susah untuk dihapuskan. Saya hendak katakan di sini we won't be able to completely abolished a dengue (dengan izin) polisi denggi ini sebab ialah satu-satu kesakitan yang multi factorial dan ia ada musimnya dia ada ketetapannya tetapi saya minta di sini YB untuk buat satu-satu program di kawasan di mana penduduk-penduduk di dalam kawasan jangan buang tin-tin di luar rumah mereka. Tetapi disimpan di dalam bakul sampah dan dibuang bila ada Alam Flora atau pegawai-pegawai kita dari majlis untuk membersihkan kawasan. Kita kena ada bekerjasama dengan penduduk dengan kakitangan-kakitangan pejabat untuk kita atasi masalah ini. Ini bukan disenangi untuk diatasi. Saya hendak masukkan sedikit

dalam skim kemiskinan dalam bandar, bagaimana hendak kita atasi kita ada beberapa program kita telah mengemukakan banyak program telah dilaksanakan dipihak Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin bandar. Di antara program-program yang akan dilaksanakan adalah program-program agihan barang keperluan harian. Skim bantuan pelajar miskin, program kembali ke sekolah iaitu program subsidi barang keperluan sekolah, bantuan subsidi bantuan tambang bas dan program-program sedia ada lain seperti program kemahiran teknikal, program peralatan, *Blue Print* dan program perumahan rakyat. Sekian dan terima kasih.

#### **PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Batu Tiga**

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingin menjawab beberapa soalan-soalan yang timbul. Apa yang ingin saya nyatakan di sini bahawa saya hormat Yang Berhormat Bukit Antarabangsa disebabkan setiap kali Dewan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa yang paling sekali prihatin dengan isu-isu kaum wanita dan adalah menjadi harapan saya untuk semua Yang Berhormat-Yang berhormat yang lain mengambil pendekatan yang sama. Tetapi perlu diingatkan isu-isu wanita jangan diutarakan di Dewan ini sahaja tetapi perlulah semuanya diterjemahkan di kawasan Yang Berhormat-Yang berhormat sekalian. Dan isu yang dilihat adalah bukan sahaja Kebajikan wanita semata-mata tetapi merangkumi isu kesejahteraan wanita kerana isu kesejahteraan wanita ini adalah pra syarat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Oleh itu perlu di pertimbangkan yang wajar dan digandingkan dengan keperluan memelihara kesejahteraan kaum wanita ataupun untuk memastikan kesejahteraan masyarakat yang lain. Jadi kesejahteraan wanita ini perlu ditekankan isu-isu pendayaan wanita dalam semua bidang termasuklah bidang ekomininya, kekeluargaannya, kesihatan, perundangan dan juga keselamatan. Pendedahan wanita dalam bidang-bidang tersebut menurut agar permasalahan keperluan wanita diteliti agar wanita mampu melaksanakan tugasannya dengan cemerlang sebagai ibu, isteri, pendidik, pekerja, penegak kebenaran dan akhirnya pemimpin masyarakat itu. Oleh itu permintaan daripada Bukit Antarabangsa itu supaya mempertimbangkan khas, khususnya pertimbangan khas khususnya wanita wajar diutamakan sebagai peminjam atau pemberi kepada skim mikro kredit ini dan pelaksanaan ini perlu juga dilaksanakan di pinggir bandar atau di tempat-tempat kajian yang rekod yang tertinggi saya kira ia wajar, ya adalah wajar buat kalau permintaannya buat di Gombak tetapi sekiranya penting Gombak tertinggi maka Gombaklah akan menjadi sasaran utama kepada skim mikro kredit yang diperuntukkan oleh wanita kepada Portfolio wanita. Selari dengan polisi itu gabungan dengan kesejahteraan ini saya mengharapkan gabungan antara kesejahteraan wanita dan polisi kerajaan *Welfare* iaitu Kebajikan pada berdikari ini Jawatankuasa Tetap Wanita telah merangka dan menyediakan sistem program. Bukan sahaja sistem program ini bukan pembangunan ekonomi wanita ia akan menyaksikan lebih ramai wanita yang lebih ramai berdikari dengan usaha mikro kredit ini. Ia akan mempercepatkan tercapai bukan sahaja golongan wanita tetapi golongan miskin yang mendapat manfaat tetapi kumpulan-kumpulan sasaran yang lain seperti graduan wanita yang berminat untuk diberikan bantuan skim mikro kredit ini. Ini amat penting kerana pelibatan wanita dalam bidang ekonomi akan turut meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Negeri Selangor. Ingin saya menegaskan kajian *global gender gaps index* pelibatan ekonomi. Ia menunjukkan pelibatan Malaysia masih jauh ketinggalan iaitu menduduki ringking ke98 daripada 130 negara-negara yang lain. Yang lebih menyedihkan ia ketinggalan daripada Uganda yang merupakan mendapat ringking ke 43, Thailand 42, Vietnam 48 dan Ghana 77. Jadi bagi saya Negeri Selangor menjadi tulang belakang kepada Malaysia itu kita wajarlah dengan ini memberi penekanan supaya kenapa penting ia tonjolkan isu *global gender gaps index* ini kerana ini menunjukkan keperkasaan ekonomi ini diberikan sewajarnya kepada wanita pertumbuhan ekonomi wanita meningkatkan dan sumbangan ekonomi sederhana akan meningkat. Sebab itu sekarang Kota Damansara kita telah pun jayakan pusat Komuniti Wanita di 10 tempat selain daripada Kota Damansara kita

laksanakan di tempat-tempat lain 2009 yang lepas dan pada tahun ini akan ditambah lagi 10 pusat komuniti wanita kerana pusat komuniti wanita digabungkan keseluruhan program memperkasakan pendayaan wanita dan ia merangkumi isu-isu ekonomi. Tentang soalan Bukit Antarabangsa juga kenapa bantuan bencana ini agak kecil kadang-kadang tidak sampai ia perlulah diwujudkan satu bantuan khusus untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan yang ada. Ingin saya menjawab di sini bahawa, ingin saya ingatkan kepada semua bahawa perlembagaan negara di bawah senarai utama yang menggariskan kebajikan awam ialah termasuk di bawah bidang persekutuan negeri maknanya kedua-duanya tetapi apa yang saya ingin nyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan bantuan bencana ini dan pada tahun lepas sehingga 31 Disember 2009 sebanyak 6 juta 483 ribu 274 ringgit 91 sen telah dikeluarkan kepada semua daerah-daerah yang mana kawasannya ada terlibat dengan bencana ini. Tetapi malangnya tidak ada satu sen pun ia datang daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Kebajikan Persekutuan. Oleh itu ingin saya mengatakan bahawa bagaimana tidak adilnya Barisan Nasional menganaktirikan di Negeri Selangor. Jadi saya menggesa dengan adanya perkara ini supaya ia juga peruntukan Kerajaan Federal yang akan jatuh atau diturunkan kepada Kerajaan Selangor. Jadi itu sahaja ingin saya nyatakan tentang isu Yayasan Basmi kemiskinan insya-Allah saya akan serahkan kepada Dato' Menteri Besar untuk membincangkan perkara ini.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Sebelum duduk nak tanya

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Oooh

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih dan diucapkan tahniah pertubuhan bencana itu. Namun isunya rasa yang dibangkitkan saya dan Bukit Antarabangsa iaitu penilaian terhadap bencana bila banjir kilat itu tidak tergolong golongan bencana walaupun bahana kesan yang diterima oleh mangsa-mangsa adalah bersama-sama agak kuat dan lebih hebat kesannya jadi tabung itu tidak dapat disalurkan. Justeru itu saya sarankan kepada EXCO agar memberikan satu garis panduan yang baru kalau diluluskan dalam Dewan kita kalau tidak perlu kertas EXCO agar pejabat daerah mengambil .....(dengan izin) atau penilaian yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri dan memasukkan banjir kilat sebagai salah satu bencana yang boleh diberi bantuan. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Insya-Allah perkara ini akan dipertimbangkan, walau bagaimanapun kita ingin ingatkan yang itu ada Kerajaan Negeri pada masa ini tidak mencukupi jadi kita terpaksa memberikan prioritinya, tetapi insya-Allah saya akan meneliti tentang perkara ini. Apa yang lebih penting adalah saya ingin menyasarkan bahawa banjir kilat ini mungkin ia boleh diatasi jika peruntukan infrastruktur untuk memastikan kawasan sentiasa dilibatkan atau terlibat dengan banjir kilat ini diberikan fokus yang utama kerana perkara isu kilat ini apabila mana infrastruktur itu tidak diberi tumpuan masalah bantuan itu. Infra datang dulu kalau betul masalah banjir itu tidak akan berlaku jadi insya-Allah kedua-dua perkara itu tidak akan berlaku. Diteliti oleh pihak kerajaan. Sekian Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik. Terima kasih diucapkan kepada YB. EXCO, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 1.02 minit tengah hari dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

( Dewan disambung semula )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula.

**YB TUAN HAJI YAAKOB SAPARI:** *Bismillahi rahmani rrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Bagi menjawab soalan daripada Kuang pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas kebijaksanaan beliau menguruskan sumber amal Negeri Selangor yang akhirnya kita pulangkan seluruh kekayaan Negeri Selangor ini kepada rakyat Negeri Selangor. Maklumat pengeluaran pendapatan royalti dan sumbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor serta sumbangan kepada Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Tuan Speaker, pada tahun 2009 jumlah jualan hasil pasir Negeri Selangor ialah 31.09 juta. Untung sebelum cukai Kumpulan Semesta 8.211 juta, royalti Kerajaan Negeri Selangor 5.764 juta. Ini bermakna jumlah kutipan untung *royalty campur* dengan untung Kumpulan Semesta berjumlah 13.976 juta. Ini jauh lebih baik daripada pencapaian ketika Kerajaan Barisan Nasional memerintah dahulu. Daripada jumlah itu sumbangan kepada Kerajaan Negeri ialah 1.39 juta, dividen kepada MBI 3.5 juta dan bahkan KASB membayar cukai korporat sebanyak 2.052 juta. Berkaitan dengan kecurian pasir, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pencuri-pencuri pasir. Kuasa untuk tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara KTN 1995 terletak pada Pentadbir Tanah Daerah PTD dan Pengarah Tanah dan Galian Selangor PTGS. Beberapa langkah drastik telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membendung masalah kecurian pasir seperti berikut. Pertama, mengadakan operasi statik di lokasi yang disyaki berlakunya kecurian pasir. Yang kedua mengeluarkan satu notis atau boring 7A yakni pelanggaran syarat tanah ke atas mana-mana tanah yang didapati mengeluarkan pasir tanpa permit yang sah, di mana notis ini memerlukan tuan tanah untuk meremedi tanah kepada keadaan asal. Sekiranya tuan tanah tidak mematuhi arahan meremedi tanah tersebut Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan borang 7B dan sekiranya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah masih dijalankan setelah siasatan dijalankan Pentadbir Tanah hendaklah menyiarkan warta notis mengenai penyitaan atas Borang 8A. Yang ketiga menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan penyelarasan permit bahan batuan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan mempertingkatkan kemampuan unit penguatkuasaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah, jabatan teknikal dan KKSB. Yang keempat mengadakan rondaan dan pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti pemungutan pasir secara tidak sah dan yang kelima menubuhkan pasukan petugas khas pemantauan permit pasir yang berfungsi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuruan pemegang permit, kontraktor dan menjalankan aktiviti pengeluaran pasir mengikut syarat-syarat dan kehendak jabatan teknikal yang berkenaan dan Pentadbir Tanah. Seterusnya soalan daripada Kuang ialah dakwaan mengenai penjualan pasir di Selangor dimonopoli oleh KKSB adalah tidak benar sama sekali. KKSB hanya menjual pasir dari lombong-lombongnya atas tanah kerajaan atau tahan GLC. Kontraktor cari gali sungai yang dilantik oleh KKSB menjual pasir secara terus kepada pelanggan mereka. Pihak Berkuasa Negeri telah juga meluluskan secara dasar lapan permohonan lombong persendirian. Lombong-lombong ini akan dibuka dalam masa yang terdekat. Pengusaha-pengusaha lombong ini bebas untuk menjual pasir di pasaran. Di samping itu pasaran pasir di Selangor juga mendapat bekalan di negeri lain seperti Perak dan Negeri Sembilan. Bagi menjawab soalan dari Bukit Antarabangsa, setakat ini permit pasir sungai, tanah kerajaan dan tanah bermilik dipegang oleh Kumpulan Semesta. Permit

tersebut dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah yang berkenaan. Pihak Berkuasa Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal pemantauan dan penyelarasan permit bahan batuan bagi mempercepat penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan permohonan permit pasir oleh KKSBB. Mesyuarat ini saya sebut tadi dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Setiausaha Kerajaan Negeri. Jumlah permit pasir sungai yang telah dikeluarkan oleh KKSBB adalah sebanyak sembilan belas permit manakala permit pasir lombong dan stok *pile* adalah tujuh belas permit. Berkenan gesaan supaya Pihak Berkuasa Negeri menurunkan had keluasan bagi perlombongan pasir di atas tanah bermilik, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan yang diadakan pada 25 Mac 2010 telah bersetuju dan meluluskan cadangan penetapan keluasan minima lombong pasir persendirian ialah dua puluh lima ekar bukan lagi lima puluh. Pengarah Tanah dan Galian Selangor bilangan 2/2009 sebelum ini tidak membenarkan pelombongan pasir dijalankan di atas tanah pajakan lombong dan tanah pajakan kuari. Bagi mempertingkatkan pengeluar pasir serta memberi hasil yang maksima kepada Kerajaan Negeri, mesyuarat juga telah bersetuju untuk membenarkan permit pengeluar pasir di atas tanah pajakan lombong dan tanah pajakan kuari. Berkenaan isu tanah tol di Kambing Susu 2 Batu 31 PTD Gombak telah mengeluarkan surat kelulusan pada 6 April 2010. Sebelum permit dikeluarkan KKSBB perlu membuat kajian tanah skim lombong dan *environmental management plan* (EMP) untuk tujuan perlombongan pasir. Kajian-kajian ini dan kelulusan daripada jabatan teknikal dijangka akan mengambil masa dua hingga lapan minggu. Berkenan aduan kecurian pasir di kawasan Mimalands, Pentadbiran Tanah Gombak telah mengeluarkan notis 7A pelanggaran syarat tanah kepada Mimalands Sdn. Bhd pada 30 Mac 2010 supaya meremedi tanah kepada keadaan asal. Sekiranya tuan tanah tidak mematuhi arahan meremedi tanah tersebut Pentadbir Tanah Gombak akan mengeluarkan borang 7B dan sekiranya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah masih dijalankan setelah siasatan dijalankan Pentadbir Tanah Gombak akan menyiarkan di dalam warta notis di dalam penyitaan atas borang 8A. Selain daripada itu, PTD Gombak telah mengadakan operasi statik bermula lima pagi hingga sepuluh pagi dan dua petang hingga enam petang sejak dua minggu yang lalu rondaan berkenaan juga diadakan dari masa ke semasa.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Penjelasan telah diberikan namun soalan saya ialah kalau soal kecurian pasir ini dibebankan kepada penguatkuasaannya kepada Pejabat Tanah Pentadbir Tanah Daerah, masalah yang dihadapi oleh Pejabat Tanah ialah soal *man power* nya. Kalau di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak difahamkan hanya ada enam pegawai yang diberikan tanggungjawab memantau aktiviti kecurian pasir sedangkan keluasan itu terlalu luas dan tidak mungkin ianya dapat melaksanakan secara menyeluruh. Kalau sebelum ini pengusaha-pengusaha pasir yang diberikan secara persendirian bertanggungjawab untuk menjaga kawasan masing-masing tetapi oleh kerana dasar yang baru itu ianya akan membebankan lagi Pejabat Pentadbir Tanah Daerah dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan kapasiti ini mencukupi untuk memantau kejadian kecurian pasir.

**YB TUAN HAJI YAAKOB SAPARI:** Terima kasih. Bukit Antarabangsa. Kerajaan Negeri menyedari kekurangan jumlah anggota penguatkuasaan di seluruh Negeri Selangor. Tumpuan diberi pada kawasan-kawasan yang di mana telah banyak kecurian pasir seperti di kawasan Sepang dan Kuala Langat. Selain menggunakan penguatkuasa, Kerajaan Negeri minta bantuan RELA untuk menolong menjalankan rondaan-rondaan dan penguatkuasaan khususnya untuk statik. Suatu yang menarik Tuan Speaker ialah pada bulan Mac tahun ini jumlah bulan Mac sahaja kita punya jualan sudah 540,868 metrik tan sebulan sahaja di mana keuntungan ialah 6.12 bilion dan royalti yang dapat oleh Kerajaan Negeri ialah 9.84380 ribu. Ini adalah satu

kejayaan dan dijangkakan dengan pembukaan tanah-tanah persendirian dalam masa terdekat royalti hasil pasir akan meningkat. Tuan Speaker menjawab soalan Kampung Tunku berkaitan dengan Hulu Yam, Kampung Tunku telah membangkitkan isu tanah di Hulu Yam bagi maklumat Kampung Tunku tanah di Hulu Yam telah dipersetujui untuk dijadikan taman kekal pengeluaran makanan (TKPM) bagi tempoh selama 30 tahun kerana tanah tersebut telah diberi milikan kepada PNBS. Setiap peserta perlu untuk memperbaharui perjanjian setiap 3 tahun, sementara itu PNSB juga telah menawarkan tanah tersebut untuk dibeli oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membolehkan tanah tersebut terus diwartakan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Walau bagaimanapun sehingga kini Kementerian masih belum memberi sebarang keputusan. Sebagai makluman Kampung Tunku, pengeluaran sayur di kawasan Hulu Yam ialah 80 metrik tan sehari sekitar 80 peratus daripada permintaan untuk Lembah Kelang. Sementara itu Kajang juga memainkan isu pembangunan TKPM sebagai makluman Kajang, di Negeri Selangor terdapat 1,300 hektar kawasan TKPM yang telah diusahakan oleh 344 orang peserta di 11 buah TKPM. Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya TKPM itu dijadikan kawasan agro pelancongan. Bagi pengetahuan Kajang, TKPM semua kes telah diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2005 kerana tanah tersebut berbukit dan tidak ekonomik untuk dijadikan kawasan pertanian. Yang akhirnya Tuan Speaker, menjawab soalan daripada Sungai Pelek, daripada semalam, hari ini Sungai Pelek dia macam tak faham. Sebelum Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan, peruntukan luar bandar berjumlah 95 juta telah diagihkan di Pejabat-pejabat Daerah untuk di tujuan pembangunan luar bandar tetapi tahun 2009 peruntukan ini telah ditarik dan diuruskan sendiri oleh *Federal*. Saya difahamkan peruntukan ini dibahagi-bahagi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Nasional. Ya Sungai Pelek boleh mintak peruntukan tersebut untuk pembangunan di kawasan Sungai Pelek. Jadi Tuan Speaker itulah ulasan daripada saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih ya Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada YB-YB yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan portfolio di bawah saya. Pertama sekali tentang pelaksanaan skim kredit mikro (*micro credit*) ini. Untuk pengetahuan Tuan Speaker inilah kali pertama kita berbincang di dewan yang mulia ini tentang tajuk mikro kredit dan untuk pengetahuan teman-teman di sebelah sana, agaknya di negeri Selangor ini, satu-satunya negeri yang telah memperuntukkan RM50 juta untuk terus disalurkan kepada golongan miskin di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan luar bandar untuk membantu mereka keluar daripada himpitan-himpitan kemiskinan dalam kehidupan mereka dan sebagaimana yang diketahui dan disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, duit sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program ini dan diharapkan dengan pelaksanaan program ini akan membuka satu ruang yang besar untuk kita melaksanakan cita-cita yang termasuk yang disebut dalam buku-buku sebagai *distributes justice* ataupun keadilan untuk kita sebarkan kepada orang-orang yang perlu menerima konsep keadilan yang sebenarnya terutamanya di kalangan golongan miskin itu. Jadi.....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Speaker, boleh minta penjelasan. Konsep *khardulhasan* ini macam mana, tak berapa faham lagilah. *Khardulhasan* adakah dia sama dengan *grammy* di Bangladesh.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, terima kasih. Konsep *khardulhasan* ini ialah fasal hujungnya pun perkataan hasan jadi kita pun..... Jadi *khardulhasan* ini sebenarnya satu pembiayaan satu bentuk bantuan yang diberikan biasanya kepada golongan miskin begitu dengan kita yang memberikannya tidak mengharapkan

pulangan daripada apa yang diberikannya. Ini sebagai *appeal a had* dalam bentuk *assistance* yang diberikan, biasanya dalam bentuk kewangan yang diberikan kepada masyarakat golongan miskin. Jadi kalau dalam bentuk pelaksanaannya kita nak gunakan satu sistem yang telah dilaksanakan dalam seluruh dunia terutamanya di Bangladesh yang dibuat oleh *gramming* bank itu yang dinamakannya mikro kredit. Jadi *khardulhasan* itu menggunakan saluran kredit itu untuk disalurkan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik termasuk dalam tafsiran golongan miskin agar mereka keluar daripada kemiskinan. *Future* yang ada kepada mikro kredit dan *khardulhasan* ini, pertama kita tidak kenakan *interest*, yang kedua dia tidak akan diambil tindakan mahkamah. Kalau misalnya dia gagal membayar dia tetapi ada caranya yang menyebabkan mereka akan membayar. Untuk pengetahuan tuan-tuan, puan-puan, teman-teman kita, Y.B. – Y.B. ada negeri-negeri di Malaysia ini, program yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia, pembayaran semula itu mencecah seratus peratus terutamanya di kalangan wanita-wanita, wanita-wanita luar bandar terutamanya. *Rate payment* mereka seratus peratus, Y.B. daripada Bukit Antarabangsa mencadangkan supaya mikro kredit ini kalau dijalankan nanti disalurkan kepada masyarakat bandar. Saya tidak juga nak mengatakan kita tidak boleh menyalurkan masyarakat bandar, bahkan *respons* dalam dua tahun yang lepas telah mula menyalurkan daripada masyarakat luar bandar kepada masyarakat bandar tetapi daripada kajian awal yang dibuat, *rate pembayaran* balik masyarakat di bandar itu agaknya berkurang jika dibandingkan kemampuan membayar balik oleh masyarakat di luar bandar. Jadi sebab itu di peringkat awal ini jika dilaksanakan nanti, saya pun dah beritahu EXCO, dah beritahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar, eloklah kita laksanakan di tempat-tempat di kawasan-kawasan kepada golongan sasar yang kita harapkan kejayaan peringkat awalnya, *the in near success* dengan izin sangat-sangat penting. Sebab itu saya cadangkan dan telah dipersetujui oleh EXCO supaya kita pergi dulu ke kawasan Sabak Bernam sampai ke Kuala Selangor. Sabak Bernam, saya ingat Sekinchan dah mengangguk-angguk dah, Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjung Karang sampai ke Kuala Selangor dan sampai masanya nanti bila kita sudah berada dipating yang sebenarnya, yang benar barulah kita akan sebarkan dengan pengalaman yang kita ada, kita nak sebarkan ke kawasan-kawasan bandar. Apa pun saya nak menyebutkan kepada teman-teman di sebelah di sana tu bahawa pelaksanaan mikro kredit nanti tidak mengira latar belakang orang, ideologi orang, orang UMNO pun dapat, orang PAS pun dapat, orang PKR pun dapat, yang tak ada parti pun dapat, India dapat, orang Cina dapat, orang Melayu dapat, Orang Asli dapat, ni tak ada, kita tidak ada, ini prinsip dia, prinsip dia atas nama keadilan sebab *khardulhasan* itu tertegak atas nama keadilan sosial yang nak ditegakkan.

Yang ketiga yang kita nak sebutkan tentang mikro kredit ini, insya-Allah kita akan sekarang ini kita dalam satu peringkat untuk kita mengenal pasti teman-teman yang akan membantu kita untuk melaksanakan program ini dan pengambilan akan dibuat tidak berapa lama lagi dan pada masa yang sama kita akan menentukan nak mengadakan dia punya sistem dia dan kemungkinan besar kita akan melihat sistem-sistem yang sedang beroperasi dan ada teman-teman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia yang sanggup membantu kita memberikan bantuan kepakaran kepada kita. Setengah daripada mereka telah pergi ke Indonesia sebenarnya untuk *setting up* mikro kredit di Indonesia dengan dia punya teknologi, dengan dia punya sistem yang ada di Amanah Ikhtiar Malaysia ini dia bawa ke Indonesia didapati telah berjaya dan orang ini juga Insya-Allah akan membantu kita bersama-sama dan mereka telah menyatakan persetujuan untuk membantu kita ke arah mencapai yang baik ini iaitu membantu golongan miskin ini mereka sangat bersetuju untuk menolong dan membantu kita.

Yang keempat, saya yang saya nak ....sila

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat EXCO. Tujuan saya mencadangkan supaya dalam pilot projek ini

dilibatkan juga dengan kawasan-kawasan pinggir bandar seperti Gombak kerana ada dua alasan.

Yang pertama, oleh kerana dianya *pilot* projek penting untuk Kerajaan Negeri membuat *comparison* sama ada luar bandar dan bandar itu ada perbezaan daripada kadar pembayaran balik, sama ada *what is the rate of sukses* dari segi pembayaran balik. Kalau tidak, kalau hanya ditumpukan hanya di kawasan luar bandar, maka Kerajaan Negeri tidak ada satu data ataupun statistik untuk menunjukkan ada perbandingan di antara dua kelompok masyarakat ini.

Yang keduanya, kalau matlamat mikro kredit ini adalah untuk membantu golongan termiskin dalam negeri Selangor berdasarkan statistik Gombak rankingnya nombor satu, Sabak Bernam nombor 5, jadi saya ingat dari segi fakta itu juga penting untuk kita tumpukan kawasan yang mempunyai bilangan golongan miskin yang produktif dan miskin tegar berdasarkan pendapatan ketua isi rumah itu, Gombak ranking nombor satu, Sabak Bernam nombor 5, Kuala Selangor nombor 8. Jadi saya ingat kalau kita boleh ambil jalan tengah kita masukan juga Gombak termasuk Gombak Setia dan juga kawasan-kawasan yang ada golongan miskin di negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kalau nak mula dengan bandar saya kira Sungai Pinang lebih sesuai.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Bukit Antarabangsa, apa pun sebenarnya kita sudah ada data-data untuk menunjukkan tentang pembayaran balik di kalangan masyarakat di bandar, di pinggir bandar dan juga masyarakat di luar bandar. Kita ada tu, statistik itu pun kita ada dan kajian telah dibuat oleh pihak-pihak berkenaan yang telah pun melaksanakan program ini. Tetapi keseluruhannya saya nak mengatakan bahawa masyarakat di luar bandar itu dia punya *repayment* nya jauh lebih baik setengah-tengah negeri mencapai peringkat seratus peratus jika dibandingkan masyarakat bandar. Apa pun sebagaimana yang dicadangkan oleh Bukit Antarabangsa kita boleh tengok, sebenarnya saya pun ada senarai daripada awal hingga akhir tentang kedudukan kemiskinan itu ya. Saya tak perasan yang selama ini Gombak nombor satu jadi, saya ingat Gombak bukanlah nombor satu, rasa saya, tapi Y.B. punya nombor satu nanti saya semak. Saya semak nanti saya bagi tahu Y.B. nombor satu ke nombor lapan ke. Tapi apa pun Y.B. kita akhirnya nanti saya sudah pun meletakkan nanti, bagi tahu EXCO tentang fasa-fasanya dan saya menjangkakan selepas fasa yang kedua tu kita punya jangka lap antara fasa pertama dengan fasa kedua itu sekitar dalam bulan-bulan begitu sahaja, berdasarkan kepada apa yang telah kita telah lakukan. Fasa pertama untuk pergi fasa yang kedua kawasan pinggir bandar, kawasan bandar dan sebagainya itu bergantung kepada fasa. Tetapi apa pun pandangan daripada Bukit Antarabangsa kita akan memberi perhatian. Yang berikutnya tentang skim mikro, kita mengharapkan sangat, kita mengharapkan sangat daripada semua rakyat bila Dato' Menteri Besar mengumumkan kepada perhimpunan Ketua-ketua Kampung kita, saya dapat pandangan daripada mereka kebanyakan datang bertemu dengan kita begitu positif dan setengahnya sudah ada senarai mereka mengatakan di tempat-tempat mereka, orang-orang yang mungkin boleh di *interview*, mungkin boleh dapat mengikut prosedur untuk menyertai skim ini sudah ada senarai-senarai itu di tangan-tangan Ketua-ketua Kampung dan sebagainya. Apa pun kita belum lagi sebenarnya, belum lagi war-warkannya, belum lagi, *brochure* nya pun belum buat lagi kerana kita nak menunggu lagi beberapa data-data dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi Tuan Speaker, pertama sekali peringkat awal ini ialah kita hendakkan ada kakitangan dahulu, nombor dua kita hendakkan ada *SOP* nya standard office, standard dia punya operasinya itu yang standard yang kita dapat lakukan untuk diambil kira oleh mereka yang menjalankannya dan yang ketiga sistemnya. Pasal ini ada kaitannya dengan kredit *management* itu jadi kita ada kena sistemnya

dan saya diberitahu sistem ini sudah ada mungkin boleh diguna pakai dengan sedikit *adjustment* untuk digunakan bagi kita di negeri Selangor ini. Apa pun .....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, yang apa tu ... Rawang ada soalan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sila, sila.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin minta sedikit penjelasan memandangkan Yang Berhormat EXCO mengatakan wanita adalah golongan yang paling *commit* dan kadar pembayaran balik adalah paling tinggi, jadi saya ingin tahu sama ada dalam skim mikro kredit ini, wanita akan diberi kuota ataupun peruntukan yang lebih banyak untuk memohon.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sebenarnya daripada kajian yang dibuat dia punya statistik pembayaran wanita 99.9 peratus, laki-laki 70 peratus sahaja. Jadi Bukit Antarabangsa termasuk dalam 70 peratuslah .... sebelah sana, sebelah sana, sebelah sana, Sungai Burong lah. Jadi, memang pun kalau kita tengok di Bangladesh pun dan di mana-mana juga di Indonesia dan termasuk apa yang dibuat di Malaysia ini, boleh dikatakan 95 peratus adalah wanita. Jadi Rawang tidak terkecuali daripada itu. Ok. Jadi saya pun akhirnya nak menyebutkan tentang mikro kredit ni saya nak bagi tahu teman-teman di sebelah sana begitulah macam mana prihatinnya kerajaan Pakatan Rakyat ni dalam masa dua tahun, dua tahun, dua tahun sudah berlaku *distributes justice* ini, dua tahun sudah berlaku secara *interracial* di depan kita bagaimana kita mencurahkan balik kekayaan di Selangor. Kita ada skim mikro kredit, tapi kita tak ada skim pergi beramai-ramai bawa isteri ke Disneyland tak ada skim itu, kita tak ada skim itu, jadi saya haraplah dan ada satu skim di bawah kerajaan yang lama, beli kasut sampai satu kedai kasut tu dengarnya di *out street*, habis kedai kasut dibelinya dengan kasut orang yang pakai tu pun dibelinya. Jadi, skim itu tak ada di dalam Kerajaan Pakatan Rakyat. Terima kasih.

Kemudian yang kedua saya nak menyebutkan yang selalu dibangkitkan ialah tentang perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pemeriksaan awam ini.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Sebelum itu Yang Berhormat.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ya, sila, sila...

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Ini pengumuman telah dibuat jumlah RM50 juta, senarai pemohon pun kalau mengikut kata Yang Berhormat, Ketua Kampung dah *ready*, JKKK dah *ready*, cuma yang belum diumumkan bila boleh tabung ini dimanfaatkan. Itu yang pertama, kalau tidak pengumuman dibuat rakyat dah *ready* nak terima bantuan tetapi tak tahu, apakah mekanisme. Bagi saya kalau soal SOP ataupun kakitangan itu harus diselesaikan sebelum pengumuman dana tersebut, sebaik-baiknya bila diumumkan sahaja dana maka terus boleh dimanfaatkan. Jadi kalau boleh saya nak tahu bilakah jangka masa tabung ini boleh dimanfaatkan, apakah mekanismenya, supaya yang bertanggungjawab supaya rakyat boleh merujuk kepada jabatan-jabatan yang berkenaan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Bukit Antarabangsa. Kita mencadangkan untuk buat dibuat dia punya *launching* sekitar dalam bulan Jun, atau bulan Julai yang akan datang ini, itu yang pertama. Yang kedua *launching* ini akan dibuat setelah kita mendapatkan *the escalates staff* yang kita perlukan dan kita pun telah mengenal pasti beberapa orang yang, yang dia punya kriteria yang pertama ialah amanah, sebab setiap minggu, mereka akan kutip daripada peminjam-peminjam ini secara *cash* jadi tiap-tiap orang itu

akan *carry cash every week*, jadi oleh kerana *carry cash every week* ini kita memerlukan standard keamanan integriti yang sangat tinggi. Sebab itu saya sedang melihat calon-calon itu dan saya pergi ke rumah mereka nak menengok keadaan rumah mereka, isteri mereka dan anak-anak mereka sampai ke peringkat itulah untuk menentukan standard integriti ini dapat dipertahankan oleh mereka yang akan diambil untuk mengusahakan mikro kredit ini.

Nombor dua, dari segi lebih kurang, dari segi mekanisme pelaksanaannya kita akan di peringkat awal ini, dia perlukan ada dua kelulusan sebenarnya. Kita nak menu buhkan Yayasan, sebagaimana Yang Berhormat Bukit Antarabangsa pun tahu, menu buhkan Yayasan ini bukan boleh berlaku dalam seminggu, bukan boleh berlaku dua minggu, bukan, dia banyak proses-proses yang perlu diambil kira dan pada masa yang sama dia ada terlibat dengan sedikit akta *money landing*. Jadi bila terlibat dengan akta *money landing* ini dia perlu mendapat kelulusan daripada *ministry of housing and local goverment*. Jadi sebab itu,. Inilah peraturan-peraturan yang perlu diikuti tetapi pada masa yang sama kita akan beroperasi di bawah MBI dan dengan secara *instream* di bawah MBI, bila Yayasan telah ditubuhkan Yayasan ini akan menjadikan dia punya *financial* untuk menjalankan kerja-kerja ini dan *vehicle* inilah Insya-Allah yang akan mengusahakan supaya senarai yang sedia ada dan sebagainya dengan SOP yang sedia ada kita dapat menjalankan. Saya nak kalau boleh bila kita jalankan sahaja kita jalankan dengan segala-galanya *full proof* ini yang pentingnya. Maknanya dari sistemnya sudah *full proof*, dari segi pelaksanaannya, implementasinya dan seluruhnya sudah mempunyai sistem yang dapat mempertahankan dan dipertanggungjawabkan. Jadi saya harap dengan sokongan dari Bukit Antarabangsa dari teman-teman terutamanya teman-teman di sebelah sana untuk sama-sama menolong. Saya rasa ramai yang dapat menolong lebih cepat lagi sistem ini dapat dijalankan. Saya ingin pergi kepada perkara yang biasa diperkatakan tapi saya tak nak sebut panjang-panjang ni iaitu pengurusan sistem pepejal dan pembersihan awam (PSPPA) oleh Alam Flora Berhad. Telah ditimbulkan oleh teman-teman mengatakan tentang permasalahan kutipan sampah dan masalah pembersihan dan sebagainya berkait rapat dengan *infficiency* di kalangan Alam Flora dan yang lain-lain yang berkaitan dengan sistem *delivery* seperti itu. Saya ingin menyatakan memanglah hasrat kita kalau boleh kita sendiri yang mengendalikannya tetapi kita ada beberapa perkara dan kekangan yang perlu kita ambil kira. Pertama sekali ia akan berlaku akta yang telah diluluskan dan diperbahaskan dalam 2007 iaitu akta Sistem Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ataupun disebut sebagai Akta 672. Akta ini adalah akta yang akan memberikan kerajaan pusat untuk menjadi pengurus pentadbir pelaksana utama kepada hal mengenai tentang pembersihan, hal mengenai pengurusan sistem pepejal. Kita telah pun dengan majlis tindakan ekonomi Selangor (MTES) telah pun membuat keputusan supaya kita memberikan satu *wish list* kepada kerajaan persekutuan mengenai apa yang kita perlukan dalam proses sekiranya berlaku pengambilalihan oleh kerajaan persekutuan tentang kerja-kerja yang termasuk dalam pembersihan dan pelupusan sampah yang termaktub dalam Akta 672 ini. Hingga sekarang ini nampaknya belum ada lagi jawapan daripada pihak kerajaan persekutuan tentang apa yang kita nak mintak itu, jadi maknanya kalau kita nak laksanakan ini apa yang dicadangkan supaya kerajaan negeri mengambil alih daripada Alam Flora untuk mengendalikan tentang hal-hal pembersihan dan kutipan ini saya takut nanti dalam pengambilan alih itu ada masalah-masalah teknikal yang menyebabkan ada kesan yang berpanjangan yang merugikan kita nanti. No. 2 selain daripada itu, PBT-PBT ada ber hutang dengan Alam Flora sebanyak RM133juta. Jadi kalau kita mengambil alih kita kena langsaikan hutang-hutang tersebut dan di peringkat ini untuk melangsakan RM133juta itu bukanlah satu perkara yang mudah. Selain daripada itu untuk kerajaan negeri mengambil alih saya lihat ini kekangan-kekangan kerana keseluruhan dari pekerja-pekerja ini dan sebagainya dan mesin dan peralatan-peralatan yang kita ambil itu sebahagiannya dah uzur. Jadi kalau *state* ambil itu nak menghidupkan balik sudah tentu memakan kos yang tinggi. Selain itu kita *state* ni belum bersedia lagi untuk teknologi untuk kita mengambil alih supaya teknologi itu dapat sebenarnya setaraf dengan

mana-mana negeri atau negara dalam dunia ini yang dapat membuat kerja-kerja pembersihan, pengutipan dan sebagainya pelupusan sampah-sampah dan sisa pepejal ini sesuai dengan kehendak taraf dan teknologi yang ada di dunia ini. Dan yang akhirnya tentang....

**TUAN SPEAKER:** Ya Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Bukankah anak syarikat negeri Selangor Worldwide sedang membuat kajian tentang teknologi terkini tentang pelupusan sisa pepejal.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Betul. Dia ada dua perkara. Satu tentang kutipan. Satu ialah pembersihan. Selepas itu barulah timbul mengenai pelupusan. Jadi Alam Flora seperti mana yang kita tahu pihak yang bertanggungjawab sebahagian daripada pelupusan sisa pepejal yang berada di negeri Selangor ini dengan menyediakan tapak-tapak pelupusan sanitari terutama yang terdapat di Jeram, di Tanjung Dua Belas sebab itu kita dalam MTES ini telah lebih kurang memutuskan dari segi teknologinya MTES telah memutuskan untuk *adopt* satu teknologi yang dipanggil MBT dan log in MRF bersama dengan *compose*. Itu dua-dua tu kita dah putuskan begitu dan kita mintak pihak-pihak yang berkemampuan mempunyai teknologi yang seperti itu untuk melihat teknologi-teknologi yang sedemikian dan Worldwide Holdings telah diminta untuk mengemukakan cadangan-cadangan ke arah kita mempraktikkan teknologi yang sedemikian. Apa pun sebagaimana yang saudara-saudara tahu ini memerlukan kapital *expenditure*, modal kapital yang begitu besar dan mengikut cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk ini kita ingin masukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh supaya EPU dapat membuat kajian lanjut tentang keperluan kita tentang pelupusan sisa pepejal ini. Supaya EPU dapat membantu kita memasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tentang keperluan kita untuk melupuskan sampah-sampah tersebut. Jadi sebab itu kita dah tentukan teknologi ini dan pakar-pakarnya pun sudah ada dan teman-teman sudah melawat ke negeri China, Holand, Germany dan sebagainya daripada lawatan-lawatan ini sudah nampak satu-satu gagasan bagaimana caranya kita dapat menyelesaikan permasalahan sampah, kutipan, pembersihan dan pelupusan dengan kita *introduce* teknologi-teknologi yang saya sebutkan tadi. Apa pun Tuan Speaker saya fikir kita sebenarnya nak menyelesaikan keseluruhan masalah dengan cara terdekat ini sebenarnya pelbagai pihak kena mengambil bahagian. Dari segi residen penduduk-penduduk juga perlu mengambil bahagian. Tentang *conscious cleaning* ini pun macam mana dalam kepala kita kalau kita tengok orang buang sampah sesetengah kita tengok dari tempat tinggi kita buang begitu sahaja dan pada masa yang sama terdapat lori-lori yang haram ini buang sampah di tempat-tempat *dumb site* ini yang difikirkan oleh mereka malam mereka buang yang nampaknya PBT tidak ada kuasa, tidak ada cara untuk menangani masalah-masalah yang sedemikian. Sebenarnya dia multi faktor yang berhubung dengan masalah tentang sampah, tentang pembersihan ini. Walau bagaimanapun, saya merasakan kesemua dua belas PBT termasuk yang tidak dimasukkan dalam Alam Flora di Hulu Selangor sendiri sebagaimana YB Bukit Antarabangsa memuji Hulu Selangor saya merasakan kalau betul-betul dapat dilaksanakan saya nampak banyak perkara yang boleh dilakukan oleh PBT yang lain kalau modelnya dah dapat ditunjukkan dan model itu betul-betul *workable* dengan izin dalam konteks kita dapat melahirkan satu masyarakat yang bersih di negeri Selangor ini.

Dan akhirnya saya ingin menyebutkan Tuan Speaker iaitu masalah banjir. Ini yang di Gombak ini. Masalah banjir di Gombak ini ada dua masalah. Masalah banjir yang besarnya adalah di Sungai Batu, di Kampung Laksamana, Kampung Sungai Kertas, penempatan masyarakat India. Ini sedang diuruskan di peringkat kerajaan persekutuan melalui JPS peringkat *federal* dengan memohon peruntukan sebanyak RM30juta sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Dan satu lagi, kepada banjir kilat yang melibatkan longkang-longkang, yang

melibatkan *drainage* sistem itu, itu akan dibuat oleh JPS peringkat negeri yang sekarang ini telah pun diluluskan pada tahun 2010 sebanyak RM1.5juta. Untuk menangani masalah sempitnya sungai, tersekatnya longkang-longkang dan sebagainya itu sedang diusahakan. Apa pun jika kedua-duanya, federal kita dapat RM30juta dan *state* setiap tahun dapat memberikan *allocation* yang sesuai dengan permasalahan yang dihadapi itu terutamanya banjir dekat kawasan Gombak saya yakin sekarang ni pun sebagai orang yang mewakili kawasan itu saya nampak ini terdapat pada kita punya tempat kita punya pusat khidmat masyarakat kita. Kalau dulu dua tahun yang dulu bila kita buka pusat khidmat masyarakat orang itu cerita banjir, orang ini cerita banjir tapi sekarang ni cerita banjir dah kurang sikit tapi oleh sebab hujan yang bilangan hujan yang turun ini agak luar biasa Yang Berhormat pun akan dapat signal daripada JPS hari-hari, siang malam, 24 jam kita dapat signal bahawa kawasan itu air sedang naik oleh sebab air yang turun itu luar biasa di akhir-akhir tiga empat bulan yang lalu. Tapi dalam keadaan hujan yang biasa saya rasa di kawasan Gombak Setia kawasan Batu Caves dan lain-lain kawasan di kawasan Parlimen Yang Berhormat dan Kawasan Dewan Undangan Negeri saya rasa masalah banjir ini tidak lagi menjadi masalah utama bagi masyarakat di kawasan itu.

Kemudian tentang sekolah agama yang biasa disebutkan oleh teman dari Bangi tadi. Sekolah agama ni di Sekolah Menengah sebagaimana yang kita tahu saya pun tak tahu kenapa Bangi mempersoalkan tentang perkara ini. Bangi sebenarnya banyak tahu tentang perkara ini. Sekolah menengah ini kita dah serahkan ni kerajaan dulu la ni, kerajaan dulu yang mana you boleh fikir kita ada *pre school*, kita ada *kindergarten*, kita ada sekolah rendah, kita ada sekolah menengah. Oh maaf, maaf. Kita ada *kindergarten*, kita ada sekolah rendah, kita ada universiti tetapi kita tidak ada sekolah menengah. Macam mana you all fikir? Ini saya yang berfikir pun tak ada kat sini. Jadi kita pun susahlah. Jadi untuk menangani masalah ini, pertama sekali atas cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar suatu masa dulu menubuhkan Maahad Tahfiz Vokasional ini pun satu benda sekarang saya telah bermesyuarat sebanyak tiga kali dengan teman-teman JAIS dan teman-teman di luar JAIS untuk merealisasikan bagaimana kita nak melahirkan teman-teman yang mempunyai *qualification* bahagian vokasional ini hafaz al-Quran, faham tentang agama, faham tentang syariat pada masa yang sama boleh membaki motokar dengan baik. Boleh buat motokar dengan baik. Ini yang kita nak lahirkan. Nombor dua kita nak buat maahad tahfiz sains dan teknologi. Sekarang ni kita ada di bawah kerajaan dulu betul-betul ada satu sahaja di Jugra dan pelajarnya seramai 54 orang. Di Jugra pelajarnya 54 orang setelah 50 tahun mereka memerintah. Tapi bila kita ambil alih daripada satu dah jadi dua sekarang dan pelajarnya dari 54 orang kini mencecah kepada 300 orang. Kalau tidak ada apa aral melintang di seksyen 35 Shah Alam nanti akan ada satu lagi Maahad Tahfiz Sain dan Teknologi yang kalau siap nanti boleh mengambil pelajar-pelajar dalam setiap masa seramai 650 orang. Jadi ini adalah ruang-ruang yang ada. Pada masa yang sama dulu yang Selat Klang sebut tadi kerajaan dulu abaikan langsung sekolah-sekolah rakyat, sekolah agama rakyat. Yang dibina oleh titik peluh rakyat oleh pak kiai, oleh ustaz-ustaz di kampung yang tidak pernah diberikan perhatian dulu. Kerajaan sekarang ini kita dah bagi RM6juta dan RM12juta dah. Pertama kalinya saya tengok sekolah-sekolah persendirian itu terima RM20ribu, RM30ribu, RM40ribu dari Dr. Halimah dia punya syukur setengahnya buat sembahyang hajat pada malam itu. Mungkin mereka mohon supaya kerajaan ini Insya-Allah Hulu Selangor akan dimenangkan. Jadi, berikutnya tentang tanah perkuburan. Sg. Pelek ni bagus orang cerita hidup dia cerita mati. Dia ada *rules* dia, *rules* dia tiap-tiap 250 ekar mesti disediakan tapak perkuburan. Dan setakat ini saya semak dengan pegawai perancang kita kebanyakannya mengikuti peraturan ini. Tetapi saya dah mintak secara *detail* ada tak pemaju yang tidak mengikuti peraturan ini. Kalau kita ambil itu sebagai garis panduannya contohnya Bandar Setia Alam dia ada 3215 ekar tapak kuburnya ialah 90 ekar. 45 ekar tanah perkuburan Islam. 40 ekar lagi tanah perkuburan bukan Islam. Model inilah yang kita akan jadikan model sampai Sg. Pelek, Sepang akan jadi modal ini.

Modal ini sudah berjalan tetapi mungkin pemberian-pemberian di sana sini perlu dibuat. Bagaimana saya nak sambung sedikit di Gombak sendiri di Taman Bukit Permata kita ad kubur dua-dua kubur Islam dan Orang Cina saya dah pergi tengok kubur Orang Cina pun, tengok kubur Orang Islam pun tengok. Saya nampak Orang Cina ini pandai berfikir *very creative* kubur itu belum digunakan baru ada 12 orang begitu yang dah mati di kubur itu tetapi tanah yang luas-luas itu di bukit-bukit itu tanah-tanah ditanam dengan sayur untuk menentukan yang tanah itu digunakan peringkat optima. Jadi saya pun minta orang Melayu di situ belajar dengan orang cina di situ supaya juga tanam sayur. Dia boleh setiap minggu dapat kalian daripada situ. Terima kasih.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Gombak Setia. Sebenar tapak kubur yang saya ceritakan di Tanjong Sepat itu adalah tapak kubur yang terletak dikelilinginya estet Sime Darby Estet yang dulunya Sepang Estet. Dan orang Cina Tanjong Sepat yang pakai tak duduk di sekitar sana. Jadi apa yang disebut tadi 250 ekar kena sediakan memang tak wujudlah dalam kes ini. Jadi sekarang itu ada kekurangan atau hamper habis itu saya memohon bahawa Kerajaan Negeri boleh *go into it. Thank you.*

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, inilah Yang Berhormat saya mencadangkan kita berjumpa di sini setahun tiga kali sahaja bawa benda-benda macam ini saya rasa tak berapa praktikal *you* ada masalah datang jumlah saya terus. Saya alu-alukan saya sendiri rasa saya tak ada terima surat daripada Sg Pelek. Okey lagi satu.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya tak tau mana satu EXCO yang jaga portfolio ini Jawatankuasa kubur ini Tanjong Sepat ini mereka hantar permohonan melalui Pejabat Daerah *and then* saya kena apalah terima kasih kepada Pejabat Daerah, Pejabat Tanah Sepang kerana pun sudah buat semua dan *evaluation* semua hantar ke UPEN. Jadi pagi tadi siapa yang jawab ah Pandamaran jawab dia akan *look into it* akan mengambil berat lepas ini sekarang Gombak Setia akan *look into it and before that* dengan izin *before that* saya pun bincang dengan mana ini Xavier, Seri Andalas jadi saya keliru sedikit siapa yang portfolio dia ini. Lepas saya faham saya tahu siapa, siapa EXCO yang bertanggungjawab saya akan minta sekali lagi Jawatankuasa jirat atau kubur Tanjong Sepat hantar permohonan itu. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Okey, kalau perkuburan bukan Islam Seri Andalas lah. Kalau perkuburan Islam Gombak Setia lah tetapi keseluruhan perancangan ini kerana saya pun duduk dalam Jawatankuasa Perancangan Negeri agaknya tak kisah Islam, bukan Islam dari segi Perancangannya boleh disampaikan kepada saya atau Pejabat Menteri Besar kita itu dia. Jadi Tuan Speaker oleh kerana walau pun banyak lagi tetapi saya tidak berminat bukan tak berminat apa kita ini nak cari masa dan sebenarnya *repeat* tiap-tiap tahun, tiap-tiap tahun itu sahaja jadi saya fikir tak cantiklah kita nak jawab benda yang *repeat, repeat, repeat* sebab itu saya panjangkan sedikit dengan mikro kredit tadi sebab mikro kredit itu baru pertama kali dibincangkan di Dewan Yang Mulia Ini. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Berdasarkan pada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketua Sidang Dewan Negeri Selangor Kali Ke-12 pada 12 April 2010 di Bangunan Sidang Dewan Negeri Selangor, baginda telah memaklumkan bahawa kegawatan ekonomi dunia sepanjang tahun 2010 ini belum reda sepenuhnya meskipun wujud jangkaan pemulihan. Bank Dunia dan Institusi-institusi Kewangan Antarabangsa meramalkan jangkaan

pemulihan akan berlaku pada kadar pertumbuhan 2.5%. Ramalan ini sesuatu yang sangat positif dan Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan mengambil cabaran ini untuk memastikan bahawa Negeri Selangor akan terus mendapat manfaat maksimum dalam pertumbuhan ekonomi dunia dan Negara.

Atas dasar itu, Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan telah merangka objektif untuk dicapai berdasarkan Teras 7, Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor untuk menjana sumber pertumbuhan baru di mana petunjuk utama yang digariskan adalah untuk menjanakan ekonomi Negeri Selangor melalui pelaburan baru dan penggalakan dan penambahan pelaburan sedia ada. Oleh yang demikian tiga (3) matlamat utama yang telah digariskan untuk dicapai oleh Jawatankuasa Tetap ini, iaitu: 1) pertama; meningkatkan nilai pelaburan Negeri Selangor di samping menjadikan Selangor sebagai pusat pelaburan, perindustrian dan perdagangan yang kondusif dan strategik. 2) Kedua; untuk menggalakkan pertumbuhan industri baru seperti *Green Technology Industry* seperti solar dan *renewable energy, aviation* dan industri perkhidmatan. 3) Ketiga iaitu meninjau dan menyelesaikan permasalahan dan isu-isu yang dihadapi oleh para pelabur di negeri ini. Melalui matlamat utama tersebut Jawatankuasa Tetap ini telah mensasarkan sebanyak RM7.5 bilion pelaburan pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan pelaburan yang diperolehi oleh Selangor pada tahun 2009 iaitu sebanyak RM6.76 bilion.

Usaha-usaha proaktif akan digembleng dari semasa ke semasa bagi memastikan Negeri Selangor mampu mencatatkan peningkatan nilai pelaburan tempatan dan pelaburan sedia ada. Bagi mencapai hasrat tersebut beberapa program telah diatur seperti berikut:-

1. Lawatan Promosi penggalakan pelaburan ke Negara-negara yang berpotensi seperti Negara-negara Eropah, Australia, Jepun dan Korea.
2. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
3. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
4. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan oleh pihak industri atau pelabur menerusi *One Stop Centre (OSC)* yang ditubuhkan di setiap PBT.
5. Penubuhan Unit pelaburan peringkat PBT bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
6. Selain itu kita juga akan menubhukan telah pun menubhukan Penubuhan *Industrial Park Management Committee (IPMS)* di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
7. Selain itu kita juga akan menubhukan telah pun menubhukan Penubuhan *Industrial Park Management Committee (IPMS)* di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

8. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
9. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
10. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
11. Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Jawatankuasa Tetap ini akan memastikan usaha murni secara berterusan melalui Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Perindustrian (IPMC), dengan menyediakan dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelabur-pelabur sedia ada bagi memastikan keselesaan dan kebijakan mereka terjaga. Usaha ini pada dasarnya mencerminkan bahawa pihak Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan dasar mesra rakyat dengan menyalurkan segala bentuk bantuan kepada pelabur. Usaha ini juga bermatlamat untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negeri akan terus dipacu. Dengan cara ini maka, ia akan memberi banyak manfaat kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor. Jawatankuasa Tetap ini juga akan berusaha untuk merebut apa sahaja peluang yang tersedia dalam mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur dari luar Negara dan termasuk pelabur-pelabur sedia ada dan pelabur tempatan untuk meningkatkan jumlah pelaburan mereka di negeri yang kita cintai ini. Selain daripada usaha di atas, Jawatankuasa Tetap ini juga akan melaksanakan usaha-usaha untuk menyediakan maklumat-maklumat dan informasi pelaburan yang lengkap dan menyediakan kepakaran bagi sesetengah bidang agar usaha menarik minat pelabur dapat dimaksimumkan.

Di sini untuk makluman Dewan Yang Mulia Ini saya ingin memberitahu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak Industri. Dalam usaha menggalakkan penambahan pelaburan oleh pelabur sedia ada, pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan banyak pertemuan dan lawatan ke kilang-kilang yang beroperasi di Negeri Selangor. Melalui langkah ini kita dapat memberi peluang kepada pihak industri untuk menyampaikan secara terus permasalahan yang dihadapi, dan secara langsung ianya dapat memberikan keyakinan kepada pihak industri untuk terus membuat penambahan pelaburan di Selangor.

Di antara cabaran yang dihadapi untuk meningkatkan sektor perindustrian dan pelaburan di Selangor adalah seperti berikut:-

1. Persaingan dalam dan luar negara sebagai destinasi pelaburan terbaik.
  - Persaingan antara Negara-negara di rantau ini seperti Thailand, Vietnam, China dan Negara-negara lain dan lain-lain negeri di Malaysia seperti Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan lain-lain yang menawarkan pakej pelaburan yang menarik.
2. Tanggapan pelabur luar Negara terhadap Malaysia yang kadang-kadang tidak begitu positif.

3. Isu keselamatan

- Kejadian rompakan kilang, peras ugut dan lain-lain kejadian jenayah yang melibatkan industri menyebabkan Selangor tidak lagi menjadi sebagai destinasi pelaburan yang terbaik dan selamat.

4. Kos pengeluaran yang meningkat

- Harga kos pengeluaran yang tinggi seperti harga tanah, gaji, utility dan lain-lain menyebabkan kos pengeluaran bagi syarikat yang beroperasi di Selangor tidak kompetitif.

5. Isu bekalan gas untuk kegunaan pihak industri.

- Gas Malaysia merekodkan sebanyak 263 syarikat di Selangor masih menunggu untuk mendapatkan bekalan gas dengan anggaran *volume* yang diperlukan sebanyak 8.2 juta (mmBtu). Bekalan yang disalurkan kepada Gas Malaysia pada masa ini hanya lebih kurang 300 mmcfd sahaja.

6. Kekurangan Bekalan Tenaga Kerja.

- Banyak Syarikat menghadapi masalah kerana pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja di sektor perindustrian dan masalah mendapatkan kelulusan pekerja asing.
- Bagi menangani masalah ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Jom Kerja yang diadakan mengikut daerah di Negeri Selangor.

7. Tidak cukup peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk menaiktaraf infrastruktur kawasan-kawasan industri di Selangor bagi menyediakan kawasan perindustrian yang selesa kepada para pelabur. Ini termasuk masalah menaiktaraf jalan industri, longkang, lampu jalan, landskap dan tanda arah jalan kawasan industri.

8. Masalah ke lapan. Pembangunan sumber tenaga mahir dalam beberapa industri teknologi tinggi masih kurang.

- Kekurangan pekerja mahir bagi memenuhi permintaan seperti industri aeroangkasa dan solar kerana kekurangan pusat laihan yang menawarkan latihan dalam industri tersebut.

Secara kesimpulan Kerajaan Negeri akan sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai pendekatan ke arah pembangunan mampan negeri. Ini adalah satu dinamik yang baru kepada pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat dalam merealisasikan visi dan misi Negeri Selangor sebagai sebuah negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok sila.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Speaker, *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum wrt wbt.* Pertama saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang sudi menyertai perbahasan ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya dapat mengikuti perbincangan dan juga kenyataan yang dibuat oleh ahli-ahli Yang Berhormat dan saya hendak menyentuh beberapa perkara yang sangat saya rasa penting untuk diberi penjelasan. Pertama, Sri Serdang mengatakan dia tidak nampak usaha-usaha yang dijalankan oleh Pakatan Rakyat dalam masa dua tahun tetapi kita sudah dokumentkan dalam bentuk Urus Tadbir Selangor Dasar Program dan Fakta. Kalau dapat ahli-ahli dewan dapat meneliti. Ia tidak berat untuk dibaca tetapi boleh beri saya perbezaan antara yang dibuat sebelum ini dan dibuat sekarang ini. Dalam masa 700 hari, tidak sampai 50 tahun kita sudah ada dokumen mengenai kerja yang kita lakukan, kelulusan yang kita buat dan rancangan yang kita ada. Jadi saya berharap Sri Serdang terutamanya, nampaknya dia kehilangan punca untuk mengata dia tak tahu macam mana dia boleh menilai cara pengurusan dan boleh jadi dia hilang punca daripada dahulu..Pun tidak ada juga buku macam ini. Tetapi sekarang kita tiap-tiap tahun hendak keluarkan buku macam ni untuk dinilai.

Kedua, Sri Serdang: Yang Berhormat membangkitkan tentang isu yang ramai juga membangkitkannya, iaitu tentang Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Saya pun rasa mereka agak terperanjat untuk mendapat penasihat ekonomi terutama apabila kita bayar gaji satu ringgit sebulan, mereka mana percaya. Sebenarnya saya rasa kita mesti mempunyai pemikiran terbuka untuk mendapat orang-orang yang boleh merealisasi kita. Saya juga boleh terima nasihat-nasihat daripada rakan-rakan dari mana pun supaya untuk kita dapat tadbir urus negeri Selangor ini dengan baik walaupun saudara anggap saya *biased* daripada segi mengenali saudara Anwar Ibrahim. Tetapi beliau juga diterima untuk menjadi seorang penasihat sebenarnya bukan di Malaysia tetapi di negara-negara yang sanggup membayar begitu banyak bayaran seperti salah satu negara, iaitu Turki. Dia juga penasihat ekonomi negeri Turki dan kalau orang Turki boleh menerima saudara Anwar Ibrahim mengapakah Negeri Selangor tidak boleh terima? Jadi, ini satu. Beliau juga selalu diminta untuk memberi nasihat di negeri-negeri di Timur Tengah dan menjadi seorang Lembaga Pengarah dalam syarikat kewangan Islam yang terbesar. Jadi daripada *credibility* itu kalaualah dia datang ke Selangor untuk memberi khidmat nasihat saya ingat kita mesti menerima dengan cara terbuka... bukan pula.. boleh jadi saudara memikirkan seratus peratus agenda politik. Ada kebenarannya tetapi tidak semestinya itu sahaja menjadi asas.

Saya juga lihat daripada segi perbelanjaan. Daripada segi perbelanjaan boleh jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tak ternampak daripada segi perbelanjaan. Semasa Menteri Besar yang dahulu saudara Dr. Khir Toyo, saya ingat Tanjung Sepat pun tahu. Dia juga menggunakan khidmat nasihat. Bayarannya tinggi. Saya bagi contoh, INMINDS, banyak tu. Lain kali kalau ada Dewan boleh bangkitkan soalan itu dan saya boleh beri berapa banyak. Untuk menulis bagi pihak Menteri Besar, saya tak perlu, sebab saya tak perlu dibayar, saya boleh...itu contoh. Kalau menyorok-nyorok buat apa sekarang kita buat secara terbuka, saya boleh buktikan. Jadi saya ingat jangan dibangkitkan lagi nanti kang terbuka semua susah juga kita. Jadi saya nak minta supaya....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan, Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Y.B. Puan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya dengan YAB Dato' Menteri Besar, kalau Dato' Menteri Besar diberikan pilihan untuk melantik penasihat di antara Dato' Seri Anwar dengan APCO, yang mana Dato' pilih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Okeylah, saya tak jawablah itu..nampaknya itu salah besar, saya tak nak menjawab. Saya ada satu sesi lain untuk saya menjawab tentang perkara tersebut. Tetapi saya rasa, saya sendiri secara perseorangan saya rasa *value added'* yang diberi oleh saudara Anwar pada saya adalah perlu juga. Boleh jadi ada kekuatannya. Saudara Anwar ada juga kekuatannya daripada segi umpamanya, sekarang yang kita lakukan dalam perbincangan mengenai pengambilalihan air. Saudara Anwar juga saya minta untuk melihatnya daripada segi pengalaman di Kementerian Kewangan dahulu. Jadi, saya rasa ada perlu, dan kalau itu *advice* macam tu kita terima jadi maknanya sangat bernilai kepada Negeri Selangor. Perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan adalah kenalan saya dari Sg. Burung, yang menanyakan kepada saya tentang Yayasan Basmi Kemiskinan. Sg. Burung masih ingat lagi. Saya juga antara mereka yang berinisiatif..Yayasan Basmi Kemiskinan di Kuala Selangor, kalau orang ingat di Kuala Selangor tu, antara kelas untuk membaiki kereta dan seterusnya antaranya dibuat saya ada sumbangan sedikit daripada segi memulakannya. Dan saya diberitahu dan daripada nota tersebut yang Sg. Burung mengatakan Yayasan Basmi Kemiskinan ini tiada kena mengena dengan Kerajaan Negeri ataupun...jawapan itu tidak betul sebab dalam memorandum *articles of Yayasan Basmi Kemiskinan*. Dia ditulis *to provide channel for presentation submission and advice or advice to federal government or state government on the programs and project which are in line with the above objective* ada ditulis bukan tak ditulis, ditulis. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri minta bukan kerana apa, jangan marah tetapi dia dah tulis. Kalau tak tulis..jadi tak boleh katakan, boleh jadi YB Sg. Burung terdengar rupanya dia tak baca ini ke, ataupun ada ditulis. Itu sebab yang beritahu saya ni adalah *advisor* kita, Penasihat Undang-Undang kata, ada ditulis. Itu satu saya nak tunjukkan/

Yang kedua bayar cukai untuk tanah Yayasan Basmi Kemiskinan. Alamatnya: Yayasan Basmi Kemiskinan, Pejabat Menteri Besar Selangor, Tingkat 21, Bangunannya....saya tunjuk ni..ni, ada tidak ada hubungannya. Saya tak tahu lah, kalau dah sampai ke tingkat 21 tu, dia dah sampai ke Pejabat Menteri Besar, ni, ni... saya nak tunjukkan bahawa dua perkara ni penting. Penting saya nak tunjukkan nanti, beritahu kawan kita Ustaz pula dia, itu kita nak beritahu dia, tentang perkara ini supaya jangan dia kata....Sebab itu saya nak juga tunjukkan daripada segi perakaunan, dia menunjukkan dia tak cerita seratus peratus daripada...ada website, website Yayasan Basmi Kemiskinan tetapi dalam website tu di taruh akaun, tetapi akaun tu tak cerita anak-anak syarikat. Dia ada 7 anak syarikat, Permodalan YBK, Prihatin Ihsan WK Usaha sama, YBK Resort & Spa, saya tak tahu lah Sg. Burung, saya tak pernah pergi Resort & Spa ni, Server Café, Serendah Heights semua ada dan ini tidak termasuk dalam akaun ini. Jadi, sebagai contoh kenapa saya rasa saya kena semak, apabila saya baca akaun ni, kosong tetapi apabila saya baca akaun anak syarikat ini ada yang ter hutang sampai 100 juta. Akaun ini tunjuk tidak ada, tak sampai 700,000..... 700,000 dan ini 100 juta lain. Apabila baca ini ingat bolehlah...Sekali tengok-tengok ter hutang 100 juta, lari..orang miskin pun lari. Ini cerita dia. Sebab itu saya nak minta penerangan seterusnya. Itu sebabnya. Bukan saya ada berminat, itu sebab saya cadangkan kalau betul ada masalah dahulu Kerajaan Negeri dan EXCO nak tolong. Sebab Yayasan Basmi Kemiskinan, bukan kerana apa. Jadi kalau nak tolong kita buatlah bersama. Jadi itu tujuan saya sebab saya ada kepentingan dalam ini, bukan kepentingan peribadi sebab saya sendiri bersama-sama membuat ini semasa saya di PNB dahulu. Itu sebab saya ada kepentingan. Jadi, berapa perkara yang sudah diperkatakan kepada kita boleh jadi kita mengata bahawa Dato' Zainal Sakom dan ahli keluarganya bersama. Yang sebenarnya kenyataan ini benar sebab ahli Lembaga Pengarah itu termasuk Datin Hartini Osman, termasuk. Jadi maknanya suami isteri. Tak apalah, itu tak jadi masalah bukan satu masalah yang besar. Tetapi apabila ada *conflict of interest* itu yang paling penting dan YBK perlu menjalankan projek-projek komersial. Saya faham tetapi mesti diterangkan projek komersial. Ia mesti diterangkan. Umpamanya kalau dia hutang 100 juta, kalau YB. Sg. Burung pergi saya lari, maknanya tak terlarat lagi. Oleh sebab itu kita kena tahu.

Kemudian, kita juga hendak melihat bagaimana usaha hendak menolong orang miskin, daripada kajian audit. Saya minta rakan-rakan membaca kajian audit ini. Ada kalanya pelaksanaan itu tidak betul dan tidak jelas. Ada tempat-tempatnya bukan orang miskin lagi yang duduk. Ini umpamanya tempat *hardware house*: yang dah kaya tinggalkanlah tempat itu atau dah ada pendapatan tinggalkanlah tempat itu. Tetapi tidak. Ini perlu kita lakukan kalau kita nak buat kebajikan kita mesti ada hadnya sampai lepas itu mereka yang sepatunya memberi kebajikan kepada rakyat yang lain atau ummah yang lain. Oleh sebab itulah saya meminta perkara itu dilihat semula dan kemudian saya rasa sudah tentulah Yang Berhormat dan Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan mengatakan Kerajaan Negeri Selangor ini kejam. Boleh jadi. Ini bukan sebab tak tolong orang miskin. Tidak. Daripada segi rancangan yang kita buat, kalau kita kejam, kita bukan cari Yayasan Basmi Kemiskinan. Kita ambil hutang Talam dan ambil hutang semua, kita kejamlah. Tak perlulah...

Tetapi yang saya nak bangkitkan itu sebab saya nak berbincang di dewan yang mulia ini sebagai rekod. Apabila saya diberitahu tentang usaha untuk menjadikan tanah Serendah jadi kampus saya sangat berminat tentang itu, bukan satu perkara yang tidak baik sebab Negeri Selangor nak dijadikan Pusat Ilmuwan. Pada kita boleh, tetapi caranya mesti betul. Membina kampus ni bukan satu juta, bukan lima juta, boleh jadi.. Kalau kampus yang sebaik-baiknya, sebab saya pernah menjadi Pengerusi UM, saya dapat jumlahnnya melebihi dua tiga ratus juta awalnya. Jadi pengalaman kita membina Unisel sampai 700 juta adalah perkara yang tidak betul dalam dua ratus tu sekarang dah dibayar balik kepada Kerajaan Negerilah. Dahulu ada yang tidak betul. Saya kira sepatutnya ia boleh dibina dengan harga 500 juta tetapi dicaj 700 juta. Selepas itu kita *claim* balik. Itu sebab yang hutang tu...

Pengalaman saya menunjukkan ini bukan boleh dibuat oleh Yayasan Basmi Kemiskinan. Kalau daripada akaun mereka, menunjukkan mereka tidak mampu. Mereka mesti sebuah syarikat yang mempunyai keupayaan sekurang-kurangnya asetnya 200 ke 300 juta, baru boleh. Itu sebab saya kata ‘eik’. Saya tahu dalam skim ini memang biasa dibuat iaitu menggunakan Yayasan Basmi Kemiskinan, sebagai alat dan kontraktor yang akan dapat itu. Ha itu yang saya tidak hendak. Sebab pada saya, itu boleh menambahkan kos, bagi pembinaan universiti. Serupa macam UNISEL, kontraktor diambil alih. Jadi kos pun bertambah. Di UNISEL saudara tahu, kosnya bertambah, itu sebab saya tak beri. Bukan untuk saya, untuk negeri, untuk rakyat kita. Apabila kos bertambah, yuran terpaksa dinaikkan. Banyak lagi perkara yang tak sepatutnya. Kalau harga boleh dibuat 500 juta, tapi dibuat 700 juta, rugilah. 200 juta entah pergi ke mana? Boleh jadi ahli-ahli politik dapatlah dua tiga juta, yang lain kepada siapa? Sebab itulah, kita tanya, boleh jadi ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan marah kepada saya sebab saya tanya. Dahulu tak tanya. Takut, saudara takut politik, takut tak terpilih pula dalam bahagian, apa semua ni. Ini tak apa. Ini saya boleh tanya, saya tanya, tak jawab, saya tak berilah. Itu saja jawapan saya. Sebab negeri ada kepentingan dalam ini, bukan tak ada kepentingan peribadi. Itu sebab saya nak jelaskan perkara ini dan ada kalanya saya tak jawab. Saya tak jawab sebab saya malas menjawab, sebab saya malu sendiri. Jadi saya tak nak jawab.

Tetapi saya buat ini kerana untuk kepentingan. Jangan kata, Menteri Besar tak suka UiTM, bukan itu.. saya juga dahulu pernah dipanggil bersyarah di UiTM. Bersyarah. Tetapi sekarang mereka ingat saya orang lain. Tak apalah, tak mengapa. Sebab saya juga boleh memberikan ilmu kepada kita semua. Jadi saya harap perkara ini, dan jika Kerajaan Malaysia ada dalam majlis ini, mereka sudah dengar. Jika Kerajaan Malaysia ingin membuat universiti di Selangor, saya terima, dan Kerajaan Negeri boleh tolong carikan tanah. Dan dengan cara Kerajaan Negeri tak ada ambil komisen, tak ada apa. Kita tolong carikan tanah, kita tolong buatkan universiti. Kalau tak ada tanah negeri, kita carikan tanah, mana tanah yang kita boleh ambil alih,

sebab Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengambil alih tanah. Jadi boleh kita lakukan dan kebiasaannya pun Kerajaan Persekutuan bayar beri geran kepada Kerajaan Negeri, dan D.O-D.O. kita pun dah biasa mengambil tanah-tanah untuk tujuan tersebut. Jadi saya harap kita dapat sedikit penjelasan tentang perkara tersebut.

Kedua, tiga perkara yang dibangkitkan, rakan-rakan membangkitkan tentang masalah MAIS, MARRIS, maaf, Dato' Seri Serdang, dan rakan kita dari Sg. Pelek, Pelek tu tak apalah, masalah tu tak apalah. Jadi kita menerima 315 juta setahun. Itu pun tak cukup. Yang sebenarnya 315 juta untuk negeri Selangor ini tidak cukup. Jadi untuk saya nak ingatkan Sg. Pelek, sebab rakan Kuala Kubu tak hadir, sebab dia nak kempen. Tak apa, dia kempen minta duit, pulangkan balik hak duit rakyat Selangor dengan sepatutnya. *Tepuk...* Jadi kita, tak apa, dia tak beri, tak apa. Kita ada hak. Selangor ni, saya nak terangkan, macam mana sifirnya. Kita punya pembayaran cukai perseorangan dan cukai korporat, dari negeri Selangor berjumlah 20 ke 25%. Ada kalanya sampai ke 35%, daripada jumlah cukai negara. Jadi kalau kita ambil 60 juta, ataupun kita dapat 16 bilion lebih kurang. 16 bilion, tak perlulah beri kita 16 bilion. Beri kita satu bilion, dan boleh kita baiki semua masalah PBT-- longkang tak betul, apa semua ni. Boleh kita lakukan. Itu..

Dan saya sudah cadangkan semasa saya di Parlimen supaya Kerajaan Persekutuan mengadakan satu Suruhan Jaya bebas untuk menentukan peruntukan kewangan ini, seperti dibuat di Australia, seperti dibuat di Kanada dan di Germany, mereka peruntukkan. Dan saya juga mencadangkan memperuntukkan lebih banyak duit itu kepada negeri-negeri yang '*income*' atau pendapatan per kapitanya rendah. Jadi, tidak saya mengatakan kena beri kepada Kerajaan Negeri saya. *Income* per capita itu rendah. Maknanya kita beri dan dengan cara itu tak ada masalah pembangunan yang sama rata. Kalau betul Hulu Selangor, Kuala Kubu berharap, kalau nak beritahu inilah untuk mengundi, mengundi parti Pakatan Rakyat, dan sila... nanti saya terangkan. Lepas tu saya terangkan, saudara tanya. Inilah masanya, barulah Kerajaan Persekutuan kena beri lagi banyak kepada Hulu Selangor. Inilah masanya dan kita minta sekurang-kurangnya beri kita 20% daripada apa yang kita bayar kepada Kerajaan Persekutuan. Silakan...

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, Ijok. Soalan yang saya tanya atau saya bangkitkan semasa perbahasan ialah MARIS bagi 315 juta kepada PBT-PBT, setahu saya, saya difahamkan 45 juta itu dipakai untuk penyelenggaraan jalan, so saya tanya yang '*balance*' yang baki itu pakai untuk apa. Saya tak tanya berapa dapat daripada Persekutuan dan tak tanya *income tax* kita bayar berapa kepada Persekutuan. Saya tanya yang ini. Terima kasih, Ijok.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Sg. Pelek. Memang saya sudah jangkakan jawapan itu. Sebab itu saya dah sediakan. Saya nak *test*, cara mana Sg. Pelek punya *political thinking*. Dari 315 juta, JKR mendapat 219 juta, dan ini, Sg. Pelek hanya dapat kenyataan itu daripada Menteri Kerja Raya yang dia *check* berapa kontrak-kontrak yang dibuat, padahal yang sebenarnya JKR mendapat 219 juta dan JPS, Jabatan Parit apa semua tu dapat 900 ribu dan PBT dapat 76 juta. PBT juga diminta untuk memperbaiki apa semua. Tapi ini bukan 45 juta. Tidak. Duit tak ada dimasukkan di dalam negeri. Semua dah ada kita kira. Saya memang dah suspek, saudara akan bangun, mengatakan ini tak boleh. Jadi apabila saya beri angka ini, saudara kena pergi juga ke Kerajaan Persekutuan, tak cukup. (Silakan..)

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasihlah, sekurang-kurang kepada Ijok, sekurang-kurang saya jelas, saya jelas yang apa dijawab oleh Ijok. Sekurang-kurang mana pergi duit, semua rakyat negeri Selangor tau, dan fasal soal nak menambahkan peruntukan tu, rasa saya, saya

boleh bantu la, jika diminta oleh Ijok. Terima kasih. Jadi tak jadi, saya tak tau, jaya tak jaya, saya tak gerenti.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, terima kasih, saya berterima kasih sebab saya tidak dapat memanjangkan sebab *target* saya ialah ini pertama sekali, bagi pihak Kerajaan negeri mengucapkan terima kasih....

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Puan Timbalan Speaker, terima kasih. Saya nak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar, dari penjelasan tadi hampir 76 juta diperuntukkan kepada PBT, tapi masalahnya longkang di Selayang masih tersumbat. Jadi apakah EXCO tak buat kerja ataupun alasan yang saya sendiri dengar daripada sahabat-sahabat saya, daripada pihak Kerajaan Negeri pun mengatakan peruntukan tak cukup. Duit tak cukup, jadi tu lah saya nak tanya, mungkin Yang Berhormat Menteri Besar buat kerja, tapi takut EXCO semua tak buat kerja. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Jaras ni pandai juga, tak pe. Lepas ini kita hendak keluarkan. Saya hendak bersama-sama Yang Berhormat dari Pandamaran dan Ahli EXCO hendak membuat satu kajian bersama dengan pihak PBT untuk menyelaraskan pengurusannya. Saya dapati pengurusan itu agak terhad dan kita dapat mengeluarkan *target*. Tetapi suatu hal yang jelas, jumlah pendapatan oleh PBT itu tidak cukup, untuk, bukan semua projek, ada dua atau tiga PBT sahaja yang cukup. Yang lain tu tidak cukup. Tidak cukup. Umpamanya, Selayang, tidak cukup. Jadi, saya hendak melihat bagaimana saya dapat menolong Selayang untuk membentulkan pengurusan kewangannya dan keutamaan daripada segi penggunaan duit tersebut. Saya hendak lakukan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Timbalan Puan Timbalan Speaker, saya berharap kalau melibatkan Selayang, kalau Yang Amat Berhormat nak lantik saya jadi penasihat seringgit pun, saya sangguplah. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih banyak, tapi tak apalah. Nanti apabila saya sampai ke Selayang dan saya, akhir sekali boleh minta Saudara untuk bersama-sama dengan saya. Apabila kita dapat selesaikan masalah Bukit Botak yang sekarang sudah hampir selesai. Kalau itu selesai, kalau nak bayar pun saya boleh bayar seringgitlah untuk menyelesaikan masalah perkara tersebut. Jadi Bukit Botak kita hendak selesaikan tetapi masalah Selayang ini saya berpendapat boleh diselesaikan jika kita mengambil kira harta yang masih belum diurus dengan baik oleh Selayang. Itu sahaja. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Ampun Tuanku, Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **USUL INI DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya. Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2010 (Semua Peringkat).

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan Kali Yang Pertama.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Puan Timbalan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Puan Timbalan Speaker, Saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Cadangan ini dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa statutori bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2010 yang telah tidak diperuntukkan oleh Undang-undang sedia ada.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu usul berjumlah RM1,300,000.00 telah diluluskan di dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 9 November 2009. Berdasarkan anggaran perbelanjaan sehingga Disember 2010, terdapat kekurangan sebanyak RM69,000,000.00 sehubungan dengan itu peruntukan tambahan sebanyak RM69,000,000.00 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan B29 – Perbendaharaan (Perbelanjaan Am).

Maksud B 29- Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am).

Tambahan sebanyak RM69,000,000 di bawah (42000-pemberian dalam negeri) adalah dikehendaki bagi membiayai kos program air percuma sebanyak 20 meter padu yang pertama kepada pengguna-pengguna domestik yang menggunakan meter individu di Negeri Selangor kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) mulai / melalui bil yang dikeluarkan oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) pada tempoh April 2010 sehingga September 2010.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

Dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2010 berjumlah RM69,000,000.00 dan diperuntukkan dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibacakan Kali Yang Kedua.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Puan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Amat Berhormat, Puan Timbalan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mana suatu Enakmen perlu diluluskan bagi menggunakan sejumlah wang daripada Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar peruntukan sejumlah RM69,000 000.00 diperlukan untuk menampung kos program air percuma bagi 20 meter padu kepada pengguna-pengguna domestik yang menggunakan meter individu. Menurut semakan yang telah saya lakukan semenjak program air percuma bagi 20 meter padu ini dilaksanakan oleh kerajaan Pakatan Rakyat Selangor bermula dari 1 Jun 2008 sehingga Februari 2010 kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM202 000, 000.00 bagi maksud yang berkenaan namun kerajaan Pakatan Rakyat bersedia untuk menanggung kos yang begitu besar atas nama kebijakan dan kepentingan rakyat di negeri Selangor. Hari ini kerajaan sekali lagi memohon peruntukan tambahan sejumlah RM69, 000, 000.00 dan ini akan menjadikan kos bagi program air percuma ini mencecah angka RM300, 000.000.00 dalam tempoh 2 tahun. Alhamdulillah ramai rakyat-rakyat di seluruh negeri Selangor telah mendapat faedah daripada Program ini dan saya percaya prinsip keadilan yang dipertahankan oleh Pakatan Rakyat, program air percuma ini diberikan kepada semua rakyat di negeri Selangor tanpa mengira kedudukan mereka ataupun fahaman ideologi dalam daerah Hulu Selangor sejumlah 95 516 rakyat telah menerima pemberian air percuma daripada Pakatan Rakyat. Angka ini lebih besar daripada jumlah pengundi di Hulu Selangor jadi Insya-Allah ini satu lagi petanda cerah Pakatan Rakyat akan kekal di Parlimen Hulu Selangor, Insya-Allah. Walau bagaimanapun Yang Amat Berhormat Tan Sri, keimbangan saya adalah program ini telah menelan belanja yang agak besar tetapi sebahagian golongan yang berpendapatan rendah, khususnya yang tinggal di rumah-rumah pangsa ataupun flat tidak dapat faedah program ini atas alasan mereka menggunakan meter pukal bukannya meter individu. Sedangkan penduduk-penduduk di flat lah yang merupakan golongan-golongan pendapatan rendah dan golongan miskin yang perlu diberikan utama oleh kerajaan bagi mendapatkan faedah daripada program ini. Statistik awal yang saya peroleh di negeri Selangor terdapat lebih 2000 rumah-rumah pangsa yang melibatkan lebih kurang 250 000 unit rumah pangsa yang dimiliki oleh rakyat di Selangor. Malangnya atas alasan yang saya sebutkan tadi mereka tidak dapat manfaat dan berfaedah daripada program telah dilancarkan lebih kurang dua (2) tahun yang lalu. Kalau mengikut pengiraan saya daripada Jun 2008 sehingga Januari Jun 2010 lebih kurang dua (2) tahun kalau setiap pengguna itu mendapat faedah RM11.40 sebulan selama dua (2) tahun faedah yang diterima adalah RM273.60 seorang. Dan ini hanya untuk *landed properties* untuk rumah pangsa kosnya mungkin lebih tinggi daripada RM11.40. Faedah yang akal diterima oleh penduduk-penduduk di rumah pangsa sudah pastinya di antara RM400.00-RM500.00 sepanjang tempoh dua(2) tahun ini. Namun semua belum mendapat lagi faedah ini kerana alasan meter pukal dan saya dengar pagi tadi Yang Berhormat EXCO ada memberikan jawapan dalam Dewan ini bahawa sekarang program integrasi ini sedang dihalusi tetapi saya kira ini mengambil masa yang agak

lama dan sekiranya program integrasi ini diluluskan oleh kedua-dua belah pihak khususnya pihak SYABAS. Penduduk – penduduk akan dikenakan deposit memasang meter dengan harga minimum lebih kurang RM150.00. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri meneliti semula perkara ini, kalau boleh mereka boleh meneruskan dengan meter-meter individu yang telah sedia ada walaupun mereka menggunakan sistem pukal ataupun sekiranya mereka diperlukan untuk menukar kepada meter baru RM150.00 ini perlulah diambil kira oleh kerajaan negeri untuk ditanggung sepenuhnya oleh kerana mereka telah gagal mendapat faedah sebanyak lebih kurang RM 400.00 hingga 500.00 sepanjang dua (2) tahun yang lalu. Kerana kalau mereka diminta dan dibebankan dengan kos untuk memasang meter baru dengan deposit yang ditetapkan sebanyak lebih kurang RM150.00 dan dalam keadaan mereka yang telah kehilangan faedah daripada RM400.00 hingga 500.00 kira ini bukanlah satu perkara yang adil bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah dan miskin khususnya di flat-flat yang saya nyatakan tadi, saya juga berharap program ini dapat disegerakan dalam masa yang terdekat di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat sebelum September pada tahun ini supaya jumlah yang kita luluskan pada petang ini sebanyak RM69, 000, 000.00 mungkin dapat dijamin proses perundingan kerajaan negeri dengan kerajaan pusat dengan pihak SYABAS dapat kita selesaikan dalam masa yang terdekat. Dengan beberapa perkara yang saya kongsi bersama pada petang ini, saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini adalah dalam rangka memberi satu tumpuan kepada usaha agar Dewan meluluskan peruntukan perbelanjaan pembekalan dalam satu fokus yang jelas kerana pemberian 20 meter padu air percuma kepada pengguna domestik adalah di atas pegangan 30% anak syarikat KDEB di dalam SYABAS. Pengiraan ini sudah dihitung dengan teliti dan dengan itu kita yakin bahawa di sana ada keuntungan yang lebih besar dan kita percaya sekiranya dengan pegangan 30% kita sudah memberikan 20 meter padu air percuma dengan pegangan yang lebih maka kita sudah pasti dapat mengekalkan pemberian itu dalam tempoh masa yang panjang dan dalam satu kadar yang lebih tinggi. Dengan itu saya menegaskan di sini bahawa Dewan Yang Mulia ini meluluskan peruntukan pembekalan tambahan ini pihak kerajaan memberikan satu tumpuan yang fokus terhadap tiga perkara. Pertamanya, dengan kelulusan pembekalan tambahan ini kita menyeru dan menggesa agar kerajaan agar meningkatkan usaha untuk mengambil alih syarikat-syarikat konsesi air dengan kadar segera kerana tawaran telah dibuat. Kerajaan negeri Selangor telah membuat tawaran untuk menjual aset air kepada Pengurusan Aset Air Bhd. dengan nilai cukup adil, cukup saksama, cukup profesional penilaianya sebanyak RM9.7 Bilion. Dan kerajaan negeri Selangor juga telah membuat tawaran untuk membeli hak konsesi dan aset. 4 Syarikat konsesi antara 5.5 Bilion. Sekiranya rundingan ini berjaya maka sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri berjaya memberi lebihan antara 3 hingga 4 Bilion, sekali gus dapat menangani isu rakyat dengan menghalang kenaikan tarif air yang mencecah 31% sekiranya tidak ada pengambil alih syarikat konsesi ini dan keduanya mengatasi kerugian NRW kehilangan air tidak berhasil yang telah berlanjutan sekian lama. Jadi itu pertama, fokus hendaklah diberikan agar usaha berunding dengan pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih syarikat-syarikat konsesi dipercepatkan dan disegerakan kerana kita tahu, merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang bagi Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan rundingan terus dengan syarikat-syarikat konsesi tanpa melibatkan kerajaan negeri. Ini adalah menurut perkara 191 (4) dan 191 (7) Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 yang digubal oleh Parlimen di peringkat pusat. Jadi kita ada satu *advantage* iaitu kita hendaklah mempercepatkan proses kerana kita ada Kerajaan Negeri mempunyai kedudukan yang kuat untuk program ini dilaksanakan. Kedua, fokus yang

kedua adalah memastikan kenaikan tarif air tidak dijadikan, tidak dijalankan sewenang-wenangnya. Walaupun rundingan itu tidak dapat diselesaikan dalam kadar tempoh masa yang berpatutan tetapi kenaikan tarif air tidak akan dilakukan kerana pertamanya, air adalah hak asasi rakyat, air adalah hak asasi manusia, air tidak boleh dijadikan komoditi untuk memperkayakan segelintir di kalangan manusia dan syarikat-syarikat kroni khususnya. Jadi ini kita tegaskan, Yang ketiganya bahawa apabila Dewan meluluskan peruntukan tambahan ini hendaklah kerajaan negeri perjuangkan, mempertahankan hak rakyat dengan sumber dengan Allah SWT yang tinggi dan menjadi contoh, kita menjadi contoh bahawa dengan sumber air yang ada di peringkat negeri diuruskan dengan penuh amanah akan menjadi contoh kepada rakyat bahawa sekiranya sumber yang lebih besar petroleum dan gas ditadbir dengan amanah dengan lebih baik semoga seluruh rakyat di negara ini akan mendapat manfaatnya. Jadi, saya ingin menegaskan di sini bahawa walaupun kita meluluskan enam puluh sembilan juta tetapi implikasinya besar, implikasinya adalah untuk mendidik, menjelaskan kepada rakyat bahawa dengan pengurusan yang amanah, yang pro-rakyat sekiranya kita diamanahkan untuk mentadbir seluruh Negara dengan sumber yang lebih besar, petroleum dan gas kita akan mentadbir dengan lebih baik. Terima kasih dengan ini saya menyokong anggaran usul perbelanjaan pembekalan tambahan diluluskan. Terima kasih.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Kg. Tuanku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya Kg. Tuanku juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan tentang isu, tentang enakmen pembekalan tambahan ini. Sebenar Puan Timbalan Speaker isu tentang enakmen pembekalan tambahan ini sebenarnya berkait rapat dengan isu air. Kerajaan Negeri bercadang untuk meluluskan beberapa pembekalan tambahan sebanyak enam puluh sembilan juta ringgit sebagai pinjaman kepada KDB untuk membaiayai kos program air percuma bagi dua puluh meter padu pertama kepada pengguna-pengguna domestik yang menggunakan meter individu di Negeri Selangor melalui bil yang dikeluarkan oleh Syabas bagi tempoh April hingga September 2010. Untuk makluman umum 2010 proses penstrukturran semula air ini sebenarnya sudah berlanjutan selama setahun lebih dan sehingga sekarang rakyat Selangor masih belum melihat apa-apa perkembangan positif proses penstrukturran industri air ini. Apa yang saya maksudkan ialah kita masih belum nampak apakah perkembangan ataupun langkah yang seterusnya dan oleh itu ia nya pada masa sekarang amat mengelirukan. Pada bulan Julai 2009 Kerajaan Selangor menawarkan sembilan perpuluhan dua bilion untuk mengambil alih semua aset air di Selangor. Di mana lima perpuluhan tiga bilion ringgit untuk Puncak Niaga, tiga bilion ringgit untuk SPLASH dan sembilan ratus empat puluh enam juta untuk konsortium Syabas. SPLASH pada asalnya menolak tawaran ini tetapi apabila Kerajaan Selangor meningkatkan harganya kepada sepuluh bilion ringgit maka SPLASH akhirnya bersetuju. Puncak Niaga dari permulaannya begitu juga dengan Syabas dalam rundingan ini menolak tawaran Kerajaan Negeri Selangor kerana dikatakan harganya terlalu rendah. Begitu juga kenyataannya dari Pihak Kerajaan Persekutuan apabila mereka mengetahui harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor justeru itu rundingan sekarang ini kelihatan didorong oleh dahulunya didorong oleh Kerajaan Selangor, sekarang ini kelihatan pula didorong oleh Kerajaan Persekutuan melalui pengurusan aset air berhad atau pun PUB di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Tetapi malangnya sehingga sekarang kita belum pun dengar apa-apa harga yang ditawarkan oleh PUB dalam proses ini. Jadi siapa yang mengetuai rundingan ini kita pun tidak tahu. Tiba-tiba pula pada akhir bulan yang lalu Syarikat Gamuda , muncul pula Gamuda yang membuat tawarannya mengejut yang disifatkan sebagai mengejut oleh pasaran iaitu sebanyak sepuluh perpuluhan lapan bilion melalui SPLASH.

Empat puluh peratus saham SPLASH sebenarnya dikuasai oleh Gamuda dan harga ini ditawarkan untuk tujuan yang sama mengikut tawaran Gamuda SPLASH akan mengekalkan tarif air di Selangor dengan harga ini tetapi lonjakan tarif air akan dilakukan pada tahun-tahun yang seterusnya iaitu antara dua ke tiga peratus kenaikan tarif setahun. Dan di bawah perjanjian konsesi asal Syabas berhak menaikkan tarif air sehingga ke tiga puluh tujuh peratus secara serta merta jika Syabas memenuhi syarat-syarat di dalam konsesi ini. Malahan oleh kerana Kerajaan Negeri Selangor tidak membenarkan kenaikan tarif ini Syabas telah membawa isu ini ke Mahkamah dan Kerajaan Selangor didakwa di Mahkamah. Syabas juga mengikut perjanjian ini begitu dahsyat kenaikan tarifnya iaitu jika mereka memenuhi mesyuarat pada tahun 2012 kenaikan tarif ialah dua puluh lima peratus, dua puluh peratus pada tahun 2015, sepuluh peratus pada tahun 2018 dan lima peratus setiap tiga tahun sehingga ke tahun 2030. Tawaran yang dibuat oleh SPLASH yang saya sebutkan tadi iaitu harganya sepuluh perpuluhan lapan bilion sebenarnya tidak jauh berbeza dengan harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pertama sekali ialah sembilan perpuluhan tujuh juta / bilion kemudian diikuti sepuluh bilion ringgit malahan SPLASH juga mengatakan bahawa dengan harga yang mereka tawarkan ini SPLASH tidak perlu bergantung kepada mana-mana Kerajaan. Mereka tidak memerlukan *Letter of support* untuk membiayai kos keseluruhan proses pengambilalihan aset-aset air in. Saya mengikuti satu wawancara yang dibuat oleh Datuk Lim Kim Liang kalau tidak silap Datuk Lim Kim Lim daripada Gamuda tentang apa yang dikatakan tentang harga yang ditawarkan oleh Gamuda ini, mereka kata tidak perlu, memerlukan bantuan daripada mana-mana Kerajaan. Biarpun industri air ini sebaik-baiknya diletakan di bawah pengurusan Kerajaan seperti apa yang disarankan oleh Hulu Kelang bahawanya ianya adalah satu sumber semula jadi yang perlu dipantau oleh Kerajaan. Tawaran SPLASH ini menunjukkan harga yang diidam-idamkan oleh Syabas selama ini adalah terlampau tinggi. Harga SPLASH dengan harga Kerajaan Selangor lebih kurang sama tetapi ianya ditolak oleh Syabas kerana Syabas kata harga ini adalah terlalu rendah. Begitu juga dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi dengan harga yang ditawarkan oleh Gamuda atau SPLASH ini kita tahu harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri adalah munasabah dan sekali gus menolak dakwaan oleh Syabas bahawa ianya terlalu tinggi, err.. rendah. Sebenarnya harga yang diminta oleh Syabas adalah terlalu tinggi dan membebankan rakyat Selangor. Saya ingin bertanya jika sebuah Syarikat Swasta seperti SPLASH mampu membuat tawaran harga yang sama dengan Kerajaan Negeri tanpa bergantung kepada mana-mana bantuan maka ianya adalah mendakwa, menyangkal dakwaan Kerajaan Persekutuan malahan agensi Kerajaan Persekutuan PUB, mereka juga berkata bahawa kenaikan laporan tarif air selepas seluruh proses penstrukturran semula ini habis, kenaikan tarif tidak perlu setinggi tiga puluh tujuh peratus dan kenaikan tarif itu mungkin hanya sekitar sepuluh peratus sahaja justeru itu PUB harus meminta dan menyarankan PUB agensi Kerajaan Pusat untuk menyokong Kerajaan Negeri dan jangan bermain politik dalam isu ini. Jika PUB dan Kerajaan Persekutuan ingin mengambil alih aset-aset air ini maka PUB perlulah membuat satu tawaran harga yang lebih kurang sama jangan terlalu rendah dan jangan terlalu tinggi. Kalau terlalu tinggi akhirnya wang itu juga merupakan wang daripada pembayar cukai dan ianya dibuat dengan harga terlalu tinggi akan dilihat sebagai memihak kepada Syarikat Koni dan Syarikat Konsesi. Kalau PUB betul-betul hendak mencari satu penyelesaian untuk kewelut ini maka mereka perlu memberi angka supaya kita boleh beranjak daripada keadaan sekarang. Keadaan sekarang ini kita tidak tahu siapa yang mengetuai rundingan ini. Apakah harga yang sedang dibincangkan. Apakah sebab-sebab dan sebagainya. Rakyat tidak tahu dan sementara Kerajaan Negeri Selangor perlu terus bayar pinjaman kepada KDB untuk menyelesaikan masalah-masalah ataupun bil-bil air yang kita perlu bayar untuk membiayai program air percuma. Saya rasa Puan Timbalan Speaker sebab-sebab mengapa kita perlu menyerahkan industri air ini kepada Kerajaan Negeri Selangor ataupun mana-mana Kerajaan ialah ini pun telah diakui oleh satu wawancara yang saya nyatakan tadi oleh Datuk Lim Kim Lim dari Gamuda. Beliau berkata bahawa Kerajaan Negeri ini pun daripada Gamuda, dan beliau

berkata bahawa dan bersetuju Kerajaan Negeri harus diberi peluang untuk memainkan peranannya dalam seluruh proses pengambilan aset air ini. Dan Kerajaan Negeri tidak harus diketepikan dalam rundingan ini. Masalah sekarang ini pertikaian ini daripada sebuah pertikaian tentang proses pengambilan aset air sekarang telah bertukar menjadi satu masalah politik. Apabila ianya menjadi satu masalah politik sekarangnya ianya menjadi lebih teruk dan keadaan yang kita hadapi sekarang ialah satu *back lock*. Apakah keputusan rundingan yang diadakan pada enam April seperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dalam sidang media seberapa minggu yang lalu. Apakah rundingan / apakah hasil ataupun keputusan rundingan pada hari itu. Bolehkah kita tahu serba sedikit tentang hasil rundingan ini dan sampai bilakah Kerajaan Negeri Selangor perlu memberi pinjaman kepada KDB untuk membiayai program ini. Jika Kerajaan Persekutuan menuduh, mendakwa harga tawaran Kerajaan Selangor terlalu rendah, bagaimana dengan harga Gamuda. Adakah harga Gamuda itu berpatutan ataupun terlalu rendah. Jika PUB ingin mengambil aset air ini maka apakah harganya. Semua ini rakyat mempunyai hak untuk mengetahuinya. Oleh itu Puan Timbalan Speaker adalah jelas bahawa keseluruhan isu penstrukturkan semula industri air ini pada permulaan ianya adalah satu inisiatif yang murni oleh Kerajaan Selangor tetapi pada masa sekarang ianya telah menjadi satu isu politik. Kita berusaha untuk mengembalikan hak air kepada rakyat, mengembalikan hak air kepada rakyat kerana kita percaya ini adalah hak rakyat, hak asasi rakyat. Oleh itu kita membekal air percuma, malahan dalam sepanjang satu tahun ini Kerajaan Selangor pernah berkata kalaupun ianya diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor kita mampu untuk memberi pengurangan tarif dan bukannya tarif seperti yang ditawarkan oleh PUB ataupun Gamuda. Kita mampu mengurangkan tarifnya dengan membekalkan pengalaman kita menguruskan Kerajaan Negeri Selangor selama dua tahun, keupayaan kita untuk menjalankan pelbagai program MES maka keupayaan kita untuk mengurangkan tarif air ini jikalau kita mampu mengambil alih aset air ini adalah terbukti kita mampu dan orang percaya. Oleh itu Kerajaan Persekutuan saya kata ini adalah satu isu politik kerana sudah tentu Barisan Nasional tidak mahu melihat ini berlaku. Kalau mereka membiarkan ini berlaku maka mimpi mereka untuk hasrat mereka untuk mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor akan kekal menjadi mimpi yang tidak dapat direalisasikan. Jadi itulah sebab utamanya apa yang dapat saya lihat atau baca ianya bukan lagi satu isu yang *simple* seperti perjanjian tentang harga bilion ianya sudah menjadi satu isu politik. Dan apakah langkah kita sekarang, apakah langkah yang kita lakukan seterusnya untuk mencari satu jalan penyelesaian, untuk keluar daripada jalan buntu ini, untuk mencari satu *iproch* yang boleh diterima oleh semua pihak supaya kita perlu menanggung beban ini dan Kerajaan Negeri Selangor, rakyat Negeri Selangor boleh terus menikmati air dengan tarif harga yang berpatutan. Jadi saya ingin bertanyalah semua persoalan ini dan saya berharap EXCO boleh memberi satu maklum balas yang jelas terhadap persoalan-persoalan ini. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tiada lagi yang ingin membahaskan. Baik, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan. Dipersilakan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Puan Timbalan Speaker, ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang dan Kg. Tunku kerana membahaskan rang undang-undang yang kita bentangkan. Pertama saya ingin menerangkan sedikit, berkenaan dengan empat syarikat yang memegang konsesi air ini, iaitu ABBAS, SPLASH, SYABAS dan Puncak Niaga. KDEB mempunyai kepentingan dalam 3 syarikat tersebut iaitu dalam ABBAS mempunyai kepentingan hampir melebihi sedikit 50 peratus. Dalam SPLASH dia mempunyai kepentingan 30 peratus dan dalam SYABAS dia mempunyai kepentingan 30 peratus. Mengapa kita menggunakan KDEB sebagai anak syarikat dalam MBI untuk memberikan air percuma?

Pertama jelas, bahawa penswastaan air ini adalah satu kesilapan yang besar sebab kita memberi keuntungan kepada pihak swasta atas penjualan utiliti ataupun penjualan industri air yang tak sepatutnya kita jual. Oleh sebab itu, EXCO dan kerajaan ini membuat keputusan keuntungan yang didapati oleh KDEB melalui SPLAS, melalui ABBAS dan melalui SYABAS dipulangkan balik kepada rakyat melalui pemberian air secara percuma. Itu sebab kita buat begitu, dan mengikut kiraan kita, apabila kita membeli konsesi-konsesi air yang harga kita tawarkan ini termasuk kiraan 20 meter padu sebagai air percuma dalam kiraan *feasibility study* kita. Buat masa sekarang rundingan mengenai pengambilan industri air agak tidak, apa yang dikatakan dijalankan dengan cara yang cekap dan beres. Tidak ada.

Jadi, masalahnya ramai konsesi Puncak Niaga dan SYABAS, pemilik Puncak Niaga, pemilik SYABAS mengharapkan pembayaran yang sangat tinggi. Mengikut kiraan kerajaan negeri ini harga yang sebaik-baiknya untuk siapa yang menjalankan *business* mendapat konsesi, memang sangat baik, sebab kita sudah tunjukkan keuntungan yang didapati oleh KDEB melalui tiga syarikat itu sudah yang dapat menampung pemberian air percuma. Ia menunjukkan *excess profit*. Oleh sebab itulah kita tidak berganjak daripada harga yang kita sudah tawarkan. Sebab kita rasa harga itu bukan sahaja munasabah tetapi memberi keuntungan yang sangat baik kepada mereka yang mendapat hadiah daripada kerajaan yang dahulu. Ya, dapat hadiah. Ini bukan mendapat *business*, ini mendapat hadiah. Goyang kaki dapat untung seribu juta. Jadi ini dapat hadiah. Oleh sebab itulah perbincangan agak terhenti sebab kerajaan negeri tidak berganjak.

Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sudah mula menyebelahi pihak Kerajaan Negeri kerana mengikut wasilah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mesti melaksanakan penyusunan semula industri lain. Hari ini sepatutnya sudah ada perbincangan di Kementerian untuk menyelesaikan masalah *offer*, tawaran yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada empat konsesi. Jawapannya ABBAS dan SYABAS tidak menerima tawaran Kerajaan Persekutuan. Dengan itu, Kerajaan Persekutuan hendak kembali kepada Kerajaan Negeri untuk membuat tawaran yang sama seperti dahulu. Jawapannya, jika itu berlaku Kerajaan Negeri menghendaki Kerajaan Persekutuan menggunakan kuasa dalam Akta Wasiah dan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih empat konsesi dengan harga yang kita tawarkan. Dengan cara itu, kita dapat selesaikan perkara ini.

Sebab itu saya rasa, Dato' Pengurus Kewangan Negeri sudah bersetuju untuk memanjangkan program ini sampai September ini supaya selesai perkara ini dan ini boleh terjadi. Oleh itu, ia memberikan lagi satu usaha baharu dalam pengurusan yang dicadangkan, diminta dan diidamkan oleh Hulu Kelang supaya hak rakyat itu dikumpulkan balik dalam negeri dan ini adalah satu lagi perkara yang kita minta tidak akan berlaku lagi iaitu menjualkan air kepada orang dan kita beli balik dan orang itu dapat untuk begitu banyak. Ini bukan *business*. Tetapi kalau saya sendiri pun saya nak masuk dalam *business* ini dengan tak perlu buat kerja. Tetapi saya fikir ini salah daripada segi etikanya. Perbuatan ini salah.

Oleh sebab itulah, kita membuat dan saya faham Bukit Antarabangsa meminta kita juga mengingatkan mereka-mereka yang sepatutnya kita tolong iaitu orang yang berpendapatan rendah, tapi jawapan saya kepada kenapa saya bagi semua sebab industri air ini yang kita serahkan kepada swasta itu untuk semua, tetapi saya akan mengambil kira masalah yang dihadapi oleh rumah pangsa dan meter pukal ini dan kita telah mengadakan beberapa perbincangan untuk mengatasi perkara ini. Salah satu daripada perkara yang kita dapat ada orang pengurusan yang mendapat kebaikan daripada meter pukal ini. Sebab orang yang tak duduk dalam rumah pangsa tu pun dapat kepentingan, dapat terpaksa dibayar, sebab dia

dibayar secara menyeluruh. Jadi oleh sebab itulah berapa perkara teknikal dan ini tidak sepautnya menghalang kita memberikan perkara tersebut dan ini telah dibincangkan dan dalam satu bulan lagi dia akan dilaksanakan sebab kita percaya ini sangat perlu dan itu janji kita kepada semua rakyat negeri Selangor. Oleh sebab itulah kita perlu lakukan bukan mencari alasan mengapa kita tak nak buat. Tetapi saya sedari awalnya saya pernah mencari jalan bagaimana menyelesaikan perkara ini dan saya percaya 69 juta ini sangat kecil dibandingkan dengan pelaburan yang kita hendak buat sebanyak lebih 9000 juta dan oleh sebab itulah antara sebab saya tumpukan Sg. Kelang itu adalah untuk mencari air yang kita boleh masukkan dalam program penyusunan semula industri air ini, yang juga boleh memberi manfaat kepada rakyat negeri Selangor. Jadi saya berterima kasih kepada Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang dan Kg. Tunku kerana mengingatkan kita tentang tanggungjawab kita dan saya berharap dengan kelulusan Enakmen ini memberi kita masa untuk menyelesaikan masalah yang sangat besar bagi negeri ini bukan disebabkan oleh Pakatan Rakyat. Bukan. Ini masalah sebelum Pakatan Rakyat lagi. Masalah ini saya anggap satu kesilapan besar. Silapnya bukan satu ringgit, tetapi sekurang-kurangnya 1.5 bilion, 1500 juta. Bayangkan 1500 juta kita terjemahkan 10 tahun air percuma untuk seluruh rakyat negeri Selangor. Itu jawapannya. Itu perkiraan kita. Oleh itu, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon kelulusan Dewan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan bawah rang undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan negeri bagi tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan rang undang-undang ini fasal demi fasal.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal satu dan fasal dua.

**TUAN SPEAKER:** Fasal satu dan fasal dua menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual.

**TUAN SPEAKER:** Jadual menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Dan pengurus, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini seperti yang diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada dewan sekarang.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker saya memohon memaklumkan dewan ini bahawa rang undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan dewan adalah rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang undang-undang ini, bolehlah dinamakan Enakmen perbekalan tambahan 2010. Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul No. 1 Tahun 2010, usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Hulu Klang.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Bahawa dewan ini menarik perhatian menurut warta kerajaan PU (A) 443 terdapat 24 buah subsidiari Kerajaan Negeri Selangor dan 49 buah subsidiari agensi di Kerajaan Negeri Selangor. Ini menjadikan terdapat sejumlah 73 buah syarikat subsidiari Kerajaan Negeri Selangor. Bahawa dengan ini, dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk :

1. Mewujudkan sistem pemantauan yang mantap dan memastikan semua syarikat mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan Negeri serta mematuhi amalan terbaik tadbir urus korporat Malaysia.
2. Memastikan setiap syarikat yang membuat keuntungan membayar dividen setiap tahun kepada Kerajaan Negeri.
3. Memastikan syarikat-syarikat yang tidak membayar dividen tahunan kepada Kerajaan Negeri untuk mengemukakan penyata perbelanjaan mereka kepada dewan yang mulia ini.
4. Memastikan setiap syarikat dipandu dan dibimbing di atas polisi yang pro rakyat dengan memastikan sekurang-kurangnya seorang anggota EXCO Kerajaan Negeri atau seorang Ahli Dewan Negeri dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah.
5. Memastikan setiap syarikat tahu dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan PP Bil.9/1993, Bil. 10/1993, Bil. 11/1993 dan Bil. 12/1993.
6. Memastikan tiada syarikat membayar bonus tanpa mematuhi dasar yang ditetapkan mengikut PP Bil. 10/1993 dan pembayaran mesti mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah Dan Pihak Berkuasa Negeri MMKN ataupun EXCO.

7. Memastikan syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang tidak berkaitan dengan operasi yang boleh menjelaskan keuntungan syarikat.
8. Memastikan semua Ketua Eksekutif tidak menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada terlalu banyak syarikat sedangkan peraturan hanya membenarkan 3 syarikat subsidiari sahaja iaitu Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1985.
9. Memastikan prosedur kerja dan SOP disediakan dan sentiasa dikemas kini.
10. Memastikan Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan ditubuhkan seperti kehendak PP Bil. 9/1993.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan. Dalam *Merdeka Review* yang bertarikh 3 Disember 2009 ada melaporkan bahawa selain dari menstrukturkan semula ekonomi Negeri Selangor Kerajaan Pakatan Rakyat juga telah memperbetulkan berbagai penyelewengan dan kelemahan dalam pentadbiran yang lalu. Antaranya Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah mengumumkan untuk menghentikan model kerjasama Hartanah Negeri Selangor yang diamalkan selama ini iaitu membekalkan tanah kepada kontraktor secara percuma kemudian keuntungan dibahagi mengikut nisbah 7:3. Penyelewengan kerap berlaku dalam projek sedemikian. Ini kerana dalam tempoh 30 tahun yang lalu penyelewengan dianggarkan telah mengakibatkan kerugian Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM 30 bilion ringgit. Selain itu Kerajaan Negeri telah mendedahkan bahawa terdapat 7 anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor telah meninggak hutang cukai tanah yang berjumlah lebih daripada RM 100 juta dari tahun 2007 hingga 2009. Kerajaan kini dalam merangka balik menuntut hutang ini dengan pelbagai langkah.

Tuan Speaker, pada masa yang sama Kerajaan Negeri telah menutup saluran *rent seeking* dengan izin yang menjadikan Syarikat GLC sebagai kroni dalam amalan pentadbiran yang lalu. Kerajaan Selangor telah mengarahkan agar semua wakil rakyat dan ADUN tidak boleh terlibat dalam dasar dalam Jabatan Tanah. Secara mudahnya budaya *rent seeking* berlaku apabila mana-mana individu atau syarikat atau organisasi menggunakan segala sumber yang dimilikinya untuk mendapat faedah ekonomi daripada Kerajaan tanpa mengembalikan semula faedah mereka terima kepada rakyat. Contoh *rent seeking* dengan izin adalah apabila syarikat melobi pihak kerajaan yang merupakan amalan yang biasa dilakukan dalam pentadbiran yang lalu bagi mendapatkan pinjaman, geran ataupun perlindungan tarif, aktiviti-aktiviti ini tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada rakyat bawahan kerana ianya hanya adalah satu pengagihan semula sumber-sumber pembayaran cukai kepada golongan-golongan yang mempunyai kepentingan tertentu.

Tuan Speaker, Menteri Besar In Corporated MBI telah memainkan peranan yang penting dalam pengurusan sumber ekonomi dalam GLC. Menurut laporan STARS 9 November 2009, MBI telah menjadi sayap pelaburan Kerajaan Negeri setelah disusun semula pada awal tahun 2009. Hampir semua Syarikat GLC Selangor telah diletakkan di bawah MBI termasuklah Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Permodalan Negeri Selangor Berhad, Majlis Sukan Negeri Selangor Holding, Pusat Pelaburan Selangor Berhad, Kumpulan Semesta Sendirian Berhad, Rantaian Mesra Sendirian Berhad, Pendidikan Industri Yayasan Selangor Berhad, Kelab Golf Bukit Beruntung dan Tourism Selangor Berhad antara lain. Menurut laporan Ketua Audit Negara pelaburan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 telah bertambah sebanyak 80.72 juta ringgit. Antaranya pelaburan telah bertambah sebanyak 59.5 juta terutamanya di Kelab Golf Bukit Beruntung iaitu 55 juta, Kumpulan Semesta iaitu 2.5 juta dan Rantaian Mesra Sendirian

Berhad iaitu 2 juta. Dalam pelaburan di Kelab Golf Bukit Beruntung Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor telah mengalihkan saham kepada MBI dengan 55 juta ringgit sebagai pampasan sebahagian daripada pinjaman. Tuan Speaker, usul ini menggesa agar Kerajaan mewujudkan sistem pemantauan yang mantap kerana etika perniagaan memainkan peranan yang penting dalam persekitaran perniagaan. Amalan tadbir urus korporat yang baik menanamkan keyakinan pelabur dan rakyat terhadap GLC. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk memperkuatkan, memperkuuhkan pengurusan GLC dan meningkatkan ketelusan dan *accountability*. Langkah berikut hendaklah dilaksanakan bagi mewujudkan sistem pemantauan GLC yang lebih mantap iaitu memperbaiki ketelusan dan persekitaran kawal selia, mewujudkan peraturan dan garis panduan yang jelas untuk membantu industri dan syarikat, meningkatkan konsistensi dasar Kerajaan Negeri, mengamalkan dasar berasaskan tuntutan pasaran, mewujudkan perhubungan awam yang baik dan mempertingkatkan penyebaran maklumat kepada rakyat. Rasuah dan politik wang mesti dibanteras sehabis-habis dalam setiap GLC. Pegangan terhadap prinsip agama, akhlak dan etika memainkan peranan yang penting dalam membendung masalah-masalah berkaitan. Antara prinsip pemantauan yang baik adalah agar prinsip dan etika yang timbul dari amalan perniagaan wajib diberikan perhatian sepenuhnya antaranya membendung rasuah, mengelakkan amalan gemar memberi dan menerima hadiah, terus berusaha untuk meningkatkan kualiti produk, perkhidmatan yang rendah agar dihapuskan, tiada amalan tidak menepati janji atau tidak bersungguh-sungguh berpegang kepada janji dan amalan yang cenderung untuk berbelanja besar dan cenderung kepada amalan pembaziran.

Tuan Speaker, Hulu Kelang ingin mengesyorkan bahawa setiap syarikat yang membuat keuntungan membayar dividen setiap tahun kepada Kerajaan Negeri. Terdapat 73 buah anak syarikat subsidiari Kerajaan Negeri Selangor. Ini bererti jika sekiranya 50 sahaja daripada 73 ini diurus dengan baik dengan untung membayar sekurang-kurangnya 1 juta ringgit dividen setahun kepada Kerajaan Negeri setiap tahun maka ini bermakna Kerajaan Negeri mampu mengutip tambahan pendapatan sebanyak 50 juta ringgit setahun yang akan membolehkan kerajaan mengembalikannya semula setiap tahun kepada rakyat melalui program-program yang bermanfaat. Namun jika Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 yang menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan Negeri GLC dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan Negeri maka pulangan terkumpul kepada Kerajaan Negeri pasti jauh lebih besar daripada 50 juta setahun.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sila duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang maka dewan ini perlu disambung bagi meneruskan urusan dewan seterusnya. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan isu..usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga semua urusan yang berkaitan dengannya selesai dijalankan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya menyokong usul itu.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui. Dipersilakan Hulu Kelang.

**YB TUAN HJ. SHAARI BIN SUNGIB:** Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan itu adalah disyorkan agar satu senarai sasaran pembayaran dividen sebagai satu KPI diwujudkan di kalangan GLC. Terdapat contohnya GLC 5 bintang, 4 bintang, 3 bintang dan seterusnya dan disenaraikan setiap tahun dengan anggaran pembayaran dividen yang nyata dan jelas. GLC yang memang diwujudkan untuk secara langsung Merakyatkan Ekonomi Selangor seperti Rantaian Emas juga hendaklah penarafan bintangnya itu akan menjadi KPI yang jelas bagi GLC tersebut. Pada masa yang sama kedudukan beberapa syarikat yang terdapat dalam Warta Kerajaan PU (A) 443 sebagai subsidiari Kerajaan Negeri Selangor hendaklah dijelaskan. Ini contohnya antara lain melibatkan syarikat-syarikat dan subsidiari-subsidiari yang berkaitan dengan Majlis Agama Islam Selangor. Satu penjelasan yang dibuat secara bersurat kepada Setiausaha Bahagian Dewan MMKN pada 24 Mac 2010 oleh Pemangku Pegawai Eksekutif KMC iaitu Kumpulan MAIS Corporation perlu diberi perhatian dan jawapan yang jelas oleh Kerajaan Negeri. Salinan suratnya ada pada saya di mana di dalam surat ini ada dinyatakan. Untuk makluman pihak tuan di bawah senarai negeri jadual ke – 9 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa perkara-perkara berkaitan Agama Islam adalah termasuk di bawah bidang kuasa negeri iaitu di bawah kuasa Sultan, Raja-Raja sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Selanjutnya merujuk kepada Seksyen 6 dan 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan dan adalah menjadi kewajipan MAIS untuk membantu kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak yang dibantu pelaksanaannya oleh Jabatan Islam Selangor JAIS dan anak-anak syarikat MAIS termasuk Kumpulan MAIS Corporation. Pihak kami juga telah merujuk kepada Warta Kerajaan tersebut yang dinyatakan dan mendapati bahawa warta tersebut hanya menyenaraikan syarikat-syarikat yang boleh diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan tidak menyatakan bahawa organisasi kami sebagai salah satu subsidiari agensi, badan berkanun atau anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Tambahan pula pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam anak syarikat milik MAIS.

Tuan Speaker,

Merujuk kepada Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2010 Sijil Laporan Audit Negara mengenai penyata kewangan Majlis Agama Islam bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 yang menjadi aturan urusan Mesyuarat Sidang Dewan Negeri kali ini saya ingin bertanya apakah status dan mengapakah laporan ini dimuatkan sebagai aturan mesyuarat. Jika Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam anak syarikat milik MAIS mengapa laporan audit di bawa sebagai satu aturan urusan mesyuarat Dewan Negeri kali ini. Saya dengan ini memohon kerajaan menjelaskan kedudukan setiap satu daripada tujuh puluh tiga buah syarikat subsidiari Kerajaan Negeri Selangor yang dinyatakan dalam warta kerajaan dalam warta kerajaan PU 443 dan hubungannya dengan pentadbiran kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker , saya juga mengesyorkan agar syarikat-syarikat yang tidak membayar dividen tahunan pada kerajaan negeri mengemukakan penyata perbelanjaan mereka ke dewan yang mulia ini. Laporan Ketua Audit Negeri bagi jabatan, aktiviti jabatan dan agensi pengurusan syarikat kerajaan negeri Selangor tahun 2008 berkenaan sebuah GLC iaitu PKNS, Infra Berhad atau PIB dari tahun 2006 hingga 2008 menyatakan dalam muka surat 250, semakan audit mendapati tiada jawatankuasa diwujudkan bagi menentukan manfaat yang layak diterima oleh Lembaga

Pengarah PIB. Manfaat yang dibayar juga tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKNS. Semakan audit juga mendapati elaun, dan elaun tandatangan bagi tahun 2006 dan 2008 berjumlah 111,800.00 ringgit telah diambil kira sebagai belanja perbelanjaan dan bukan sebagai manfaat kepada Lembaga Pengarah. Pengurus kewangan PIB memaklumkan bahawa yuran tahunan Lembaga Pengarah diluluskan dalam Mesyuarat Agung PIB dan telah menjadi amalan tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PKNS. Ini disebabkan PIB tidak menyedari peraturan yang ditetapkan . Perbelanjaan elaun mesyuarat dan elaun tandatangan Lembaga Pengarah diambil kira sebagai perbelanjaan perjalanan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIB yang tiada teguran daripada jawatankuasa EXCO yang bertanggungjawab terhadap akauntabiliti syarikat. Untuk pengetahuan dewan, elaun tandatangan cek adalah RM500 sebulan bagi Pengerusi , dan 400 ringgit sebulan bagi ahli lembaga dan bagi tahun 2006 hingga 2008 jumlahnya, adalah sebanyak 74,800.00 ringgit. Jadi dalam muka surat 251 Laporan Audit Negeri, bagi negeri Selangor 2008 menyatakan , pada pendapat audit, pengurusan dan perbelanjaan manfaat Lembaga Pengarah tidak memuaskan ,kerana tidak dilaksanakan selaras dengan peraturan yang ditetapkan dan amalan urus tadbir korporat Malaysia. Dengan itu, amalan memastikan syarikat-syarikat yang tidak membayar dividen tahunan pada kerajaan negeri Selangor, agar diminta mengemukakan penyata perbelanjaan mereka kepada dewan yang mulia ini, akan, insya-Allah membolehkan kelemahan seumpama ini diatasi. Tuan Speaker, saya juga mengesyorkan bahawa kerajaan perlu memastikan setiap syarikat dipandu dan dibimbing di atas dasar polisi dan pro rakyat kerana semua wakil rakyat sama ada EXCO mahupun ADUN , wajib dan mesti dipantau cara berterusan dari segi prestasi, serta sifat-sifat bersih dari segi rasuah dan penyelewengan , sentiasa bersifat amanah dan telus, serta menjunjung hisab dan akauntabiliti kepada Allah dan rakyat. Dengan itu adalah menjadi antara tugas khususnya wakil-wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat untuk membimbing, memimpin, memandu agar GLC juga mendukung prinsip-prinsip serta menghayati amalan-amalan tersebut. Misi kita sebagai wakil rakyat adalah berkhidmat kepada rakyat dan menjayakan program-program merakyatkan ekonomi Selangor. Melalui aktiviti dan program GLC, adalah diunjurkan misi merakyatkan ekonomi Selangor, akan dapat di luas dan dipertingkatkan. Dengan itu, saya syorkan agar kerajaan melantik sekurang-kurangnya seorang ahli EXCO ataupun Adun untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah bagi setiap GLC dan proses ini dipercepatkan agar usaha untuk membimbing dan memandu GLC agar sentiasa berada atas landasan polisi dan dasar pro rakyat akan dapat dilaksanakan. Bagi mengelakkan pertembungan dan kepentingan seperti terlalu cenderung ke arah mendapat habuan atau manfaat sebagai ahli Lembaga Pengarah satu peraturan hendaklah ditetapkan oleh kerajaan bagi mengehadkan penerimaan elaun atau manfaat bagi seseorang ahli Lembaga Pengarah di kalangan EXCO ataupun Adun dengan batasan bilangan syarikat yang perlu dilantik mereka sebagai Ahli Lembaga. Bagi mengelakkan dengan izin "*conflict of interest*", ahli-ahli jawatankuasa yang diamanahkan oleh dewan negeri untuk memantau perjalanan GLC, mestilah dikecualikan daripada dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa yang dimaksudkan adalah Jawatankuasa pilihan khas mengenai agensi, badan berkanun dan anak-anak syarikat negeri Selangor YPK ABAS. Tuan Speaker, saya ingin mengemukakan agar usul saya disokong dan di bahas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ada penyokong.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya. Tuan.

**TUAN SPEAKER:** Tak. Mesti nyatakan dulu saya penyokong.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya, saya. Tuan...Kampung Tunku ingin menyokong .

**TUAN SPEAKER:** Baik. Ahli-ahli yang dihormati sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul untuk dibahaskan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker. Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ya. Taman Templer, sila.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih Tuan Speaker membenarkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan usul satu tahun 2010 iaitu usul di bawah peraturan tetap 26 (1) Y.B. yang dibawa oleh Y.B. Hulu Kelang. Y.B. Hulu Kelang telah membuat 10 gesaan terhadap kerajaan negeri Selangor berhubung terdapat 73 buah syarikat subsidi kerajaan negeri Selangor . Pertamanya saya mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri kerana nampaknya berusaha untuk menambahbaikkan dan meningkatkan bagi memantapkan syarikat-syarikat subsidi kerajaan negeri. Ini merupakan amalan tadbir urus, ataupun dengan izin "good governance" yang pada hemat saya telah pun lama diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional sejak dulu lagi. Tuan Speaker cuma di sini saya ingin menarik perhatian kepada usul atau cadangan no. 4, yang dikemukakan iaitu memastikan setiap syarikat dipandu dan dibimbing di atas polisi yang pro rakyat dengan memastikan sekurang-kurangnya seorang ahli dewan negeri dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah. Tuan Speaker, saya rasa semua kita di dalam dewan sidang, dewan ini, sedia maklum bahawa kita hanya mempunyai 56 ahli dewan negeri Selangor termasuk 20 ahli dewan negeri Selangor dari kalangan Barisan Nasional dan seorang ahli dewan negeri Selangor bebas. Justeru saya memohon penjelasan bahawa jika seorang ahli dewan negeri Selangor seramai 56 orang termasuk ahli dewan negeri Selangor ini dipertanggungjawabkan sebuah satu syarikat subsidiari dengan jawatan Ahli Lembaga Pengarah pun, kita masih mempunyai baki 17 buah syarikat. Soalnya apakah kerajaan negeri benar-benar bersedia untuk memperuntukkan jawatan itu kepada ahli-ahli dewan negeri Selangor di kalangan Barisan Nasional dan seorang yang Bebas dan sekiranya ahli-ahli dewan negeri Selangor dari kalangan Barisan Nasional dan Bebas ini dikecualikan , bermakna kerajaan negeri hanya ada 35 orang sahaja. Itu pun sekiranya YAB Menteri Besar dan barisan EXCO pun turut dilibatkan sama sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat terbabit. Tuan Speaker, dengan hanya 35 ahli dewan negeri Selangor apakah seorang ahli dewan negeri Selangor akan memegang 2 atau 3 syarikat sekali gus bagi jawatan yang sama. Saya pohon supaya hal ini diperjelaskan. Tuan Speaker, dalam hal ini saya juga ingin menarik perhatian kepada cadangan no. 7 yang dicadangkan iaitu memastikan syarikat fokus (**Y.B. TUAN LAU WENG SAN... minta penjelasan**) kepada operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya Tuan Speaker... Minta penjelasan...

**TUAN SPEAKER:** Ya. Minta penjelasan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Y.B. Taman Templer, aa...berkenaan dengan cadangan yang ke 4 ini, Y.B. Taman Templer , berminat dengan jawatan di dalam ahli Lembaga Pengarah ini ke atau pun urus tadbir syarikat-syarikat GLC ini. Yang mana satu lebih penting, nak memperkasakan GLC supaya ia untung lebih, dividen yang lebih dibayar kepada kerajaan negeri ataupun jawatannya kepada, jawatannya di dalam Ahli Lembaga Pengarah.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih. Tuan Speaker, aaa....Kampung Tunku memang macam tu , dia tak faham.. Saya sekarang ni mengambil bahagian dalam

perbahasan, kalau nak tanya pun mungkin masa nak menggulung tu YAB Menteri Besar boleh menjawablah ya..

Tuan Speaker, saya ulang lagi sekali, dalam hal ini saya juga menarik perhatian kepada cadangan no. 7 yang dicadangkan iaitu memastikan syarikat fokus kepada operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang tidak berkaitan dengan operasi yang boleh menjelaskan keuntungan syarikat. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah sejauh manakah kerajaan dapat memastikan ketelusan bahawa syarikat ini tidak membelanjakan kepada hal-hal yang lain. Apakah mekanisme yang, kaedah yang akan diguna pakai. Apakah sistem pemantauan yang hendak digunakan. Akhir sekali, juga saya ingin menyentuh sedikit tentang PKNS. Tuan Speaker, izinkan saya memaklumkan kepada dewan ini, menurut kajian yang telah pun dilakukan oleh saya, baru-baru ini saya mendapat tahu bahawa ada usaha-usaha pihak pengurusan PKNS untuk mengubah sistem kuota jualan rumah di bawah kelolaan PKNS kepada 70% bukan bumiputera, 30% bumiputera. Sedangkan selama ini kuota kaum bagi tawaran rumah PKNS adalah 70% bumiputera dan 30% untuk bukan bumiputera. Perubahan kuota jualan ini tentu sekali akan memberi kesan besar terhadap usaha keseimbangan penduduk bandar kerana ia akan mengekalkan penguasaan kependudukan dan perniagaan kepada 1 kaum sahaja. Tuan Speaker, bagi saya PKNS sebagai sebuah GLC, memang pun ada banyak keuntungan yang telah diterima, tapi baru-baru ini di kawasan saya sendiri, di Selayang, di mana penduduk Bukit Botak, di mana saya nak mengambil bahagian dalam perbahasan yang lebih awal tapi tak sempat, tapi saya nak bagi tahu pada Tuan Speaker, sebenarnya PKNS baru-baru ini dikatakan...ee...em... berlaku kerugian , dan untuk menampung perbelanjaan penduduk di Bukit Botak pun susah. Dan baru-baru ini EXCO, apa ni...EXCO Setinggan, YB Iskandar memaklumkan bahawa ee...rumah-rumah Bukit Botak akan dijual dengan harga 99ribu sebuah, walhal harga pasaran adalah dalam 170 ke 180ribu. Tapi persoalan saya, memang isu Bukit Botak ini dapat diselesaikan , mungkin, maksud saya mungkin dapat diselesaikan oleh kerajaan negeri tetapi soal penyelesaian dan mampu milik adalah 2 perkara yang berbeza kerana suka tak suka , isu Bukit Botak ini telah berlarutan hampir 20 tahun. Dan apabila kerajaan Pakatan mengambil alih,maka telah dijanjikan isu ini akan diselesaikan...alhamdulillah..sekiranya saya sendiri pun, walaupun dari pihak Barisan Nasional, sebagai seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab, tidak pernah sekali pun saya mengganggu gugat ataupun mengganggu usaha kerajaan negeri untuk menyuruh penduduk-penduduk berjumpa dengan Pejabat Tanah dan buat urusan supaya masalah ini dapat diselesaikan kerana perkara yang baik perlu kita sokong. Tetapi persoalan saya kenapa tidak PKNS ee...dengan pentadbiran yang boleh dikatakan sekarang ini pentadbiran pengurusan yang baik, tidak boleh menanggung belanja yang bakal ditanggung oleh penduduk ini kerana ramai penduduk ini adalah mereka yang kurang berkemampuan . Harga rumah , dulu masa kita Barisan Nasional, aaa...cuba memberikan 45ribu pun mereka tak mampu tetapi hari ini dengan jumlah 99ribu, saya pasti kebanyakan mereka tidak akan dapat mampu, hanya kerisauan saya adalah masalah akan diselesaikan tetapi kebanyakan penduduk Bukit Botak yang asal di kawasan itu, akan tidak dapat mampu milik rumah tersebut dan akhirnya orang luar yang akan dapat memiliki rumah tersebut . Tuan Speaker, saya juga ingin perhatian, Tuan Speaker... Dewan ini , satu perkara yang pelik, yang saya dapat tahu, selepas iaitu mmm..Pengurus Besar PKNS pula , saya difahamkan hendak dibayar gaji bulanan sehingga 40ribu ringgit sebulan sedangkan gaji hakiki Pengurus Besar sekarang ialah pada skim gaji jawatan utama sektor awam atau JUSA A iaitu 16ribu ringgit campur elaun-elaun. Jika diambil kira semua elaun lain seperti elaun Lembaga Pengarah Syarikat, dan lain-lain bayaran gaji, sekarang ini pun sudah menghampiri ringgit Malaysia 40ribu sebulan. Bayangkan jika gaji pokok hendak dinaikkan kepada RM40ribu ringgit sebulan, kesannya tentu sekali besar kepada PKNS dari segi kewangan. Sudah lah kena bayar gaji Pengurus Besar hampir RM60ribu ringgit sebulan, bayar kos juru perunding pengurusan pula ratusan ribu sebulan, apa nak jadi dengan

PKNS ini. Mana hala tujunya, mana peranan pembangunan sosial ekonominya , mana peranan agensi amanah bumiputera nya. Tuan Speaker , dengan ini saya berharap sangat sebelum usul ini dapat dipersejui dan diluluskan, saya berharap bahawa pihak Kerajaan Negeri mengambil berat tentang perkara-perkara yang telah diajukan kerana ini sekali gus akan memberi kesan yang besar kepada pentadbiran Kerajaan Negeri terutamanya GLC-GLC. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Subang Jaya.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker. Subang Jaya ingin membahasakan usul yang dibawakan oleh Adun, Adun Hulu Kelang tadi. Tuan Speaker, Subang Jaya juga menggesa Dewan yang mulia ini, maaf, Subang Jaya juga menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan tiada Syarikat membayar bonus tanpa mematuhi dasar yang ditetapkan mengikut PP Bil.10 1993 dan pembayaran mesti mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan pihak berkuasa negeri MMKN ataupun EXCO. Saya mengambil contoh PKNS Infra Berhad sekali lagi dan saya membaca daripada laporan Ketua Audit Negara tahun 2008. Analisis audit mendapati bayaran bonus kepada eksekutif dan kakitangan PIB bagi tahun 2004 hingga 2007, adalah berjumlah antara RM207ribu hingga RM388ribu, manakala bagi tahun 2008, bonus interim sejumlah RM263ribu telah dibayar berdasarkan untung dijangka. Pembayaran bonus tersebut diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIB bagaimanapun bayaran bonus tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNS dan tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri Selangor. Pengurus Besar PIB memaklumkan cadangan bayaran bonus hanya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PIB dan menjadi amalan sejak tahun 1997. Bagaimana pun PIB tidak menyedari mengenai peraturan yang ditetapkan . Kesannya pembayaran bonus dibuat tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan terhadap syarikat kerajaan. Bagaimanapun selepas teguran audit PIB, selepas teguran audit, PIB telah mengambil tindakan mengemukakan cadangan bayaran bonus bagi tahun kewangan 2008 untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKNS. Dan ini cuma satu contoh subsidiari kerajaan negeri Selangor yang tidak mengemukakan pembayaran bonus kepada pihak berkuasa negeri Selangor untuk kelulusan. Keduanya saya nak bangkitkan , hal Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Usul ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang tidak berkaitan dengan operasi yang boleh menjelaskan keuntungan syarikat. Saya rasa kawan dari Taman Templer tidak menonton pendengaran awam SELCAT. Pendengaran Awam SELCAT telah mendedahkan PNSB telah membelanjakan sebanyak RM1.7juta untuk ke Disneyland di Amerika dan Perancis. Mereka juga telah membelanjakan wang untuk cenderahati seperti jaket dan jam tangan kepada bekas Menteri Besar, beg tangan kepada isteri Menteri Besar yang lalu, dan tiket kapal terbang untuk mengiringi isteri Menteri Besar untuk jumpa anak Menteri Besar di luar negara. Kita bandingkan dengan perbelanjaan mereka kepada ibu tunggal , ibu tunggal dan golongan miskin yang menerima bantuan PNSB, 4ribu sahaja. Adakah ini memenuhi tanggungjawab sosial bagi sebuah badan korporat . Kita tidak mahu melihat syarikat subsidiari kerajaan Negeri Selangor memberi duit kepada parti politik ataupun ahli-ahli politik kerana ini duit rakyat. Oleh itu saya menyokong usul ini bahawa dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor supaya segera melaksanakan 10 cadangan yang telah ditulis dalam usul ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk membahasakan usul yang dikemukakan oleh Y.B. Kawasan Hulu Kelang. Kajang berpendapat sama dengan Y.B. Hulu Kelang bahawa memang, usul ini dibawa untuk

memantapkan lagi pentadbiran kerajaan negeri yang mana kita mengamalkan urus tadbir yang telus, urus tadbir baik khasnya di GLC-GLC di mana sebenarnya urusan, urus tadbir korporat , yang baik harus diamalkan. Sebenarnya dalam urusan korporat segala amalan yang dicadangkan sebegini memang seharusnya wujud walaupun pada waktu, di kerajaan bawah Barisan Nasional lagi. Akan tetapi oleh kerana kepentingan-kepentingan diri dan juga kepentingan politik maka pentadbiran dan urus tadbir di GLC-GLC, memang di seleweng dan disalahgunakan seperti yang disebutkan oleh Hulu Kelang tadi dan juga oleh Subang Jaya tadi. Dan selaku pengerusi BAC, ataupun jawatankuasa kira-kira wang awam, kita juga mendapat banyak salah guna dan juga penyelewengan yang berlaku pada GLC-GLC termasuk PKNS, PIB, PNSB ,PKPS, KSSB yang terbaru ini..bawah kita. Masih juga terdapat kelemahan dan kecacatan . Maka, ya, dalam keadaan ini kita nampak, kita nampak bahawa walaupun dalam pentadbiran yang baru, ya, bawah bekas ahli korporat dan juga masih ahli korporat , kerana aaa...YAB juga menyandang MBI sebagai satu badan korporat yang besar. Akan tetapi kita dapat kalau kita hanya bergantung pada YAB untuk memantau kesemua GLC-GLC ini , maka tak ada masa dan tak cukup dan tidak mencukupi untuk memantau. Akan mungkin berlakunya...aaa...yang amalan-amalan yang tidak mematuhi urus tadbir yang baik, yang telah berlaku dan oleh sebab itu Kajang memang sokong sangat, dengan adanya melantik baik ahli EXCO ataupun anggota ahli dewan negeri untuk duduk dalam Lembaga Pengarah bagi setiap GLC. Dan dengan cara ini , ya, ahli dewan juga boleh bersama-sama mengambil bahagian dengan pemantauan, dengan memastikan dasar negeri ini memang dipatuhi dan diamalkan di setiap GLC supaya kesemua ini akan menguntungkan rakyat negeri Selangor ini. Dengan ini Kajang , menyuarakan sokongan penuh bagi usul ini. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya mempersilakan wakil kerajaan untuk menjawab, saya memberi peluang kepada Hulu Kelang, pembawa usul sama ada, ada penjelasan hendak diberikan kepada aa..ucapan yang telah pun diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker , saya ucapkan terima kasih kepada Subang Jaya dan Kajang, yang menegaskan sokongan kepada usul yang saya bawa dan saya ingin menjelaskan di sini bahawa 10, 10 perkara ini terkandung dalam urusan Jabatan Audit Negara negeri Selangor yang juga selaras dengan amalan pentadbiran baik kerajaan negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Wakil Kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker saya mengucapkan tahniah kepada Hulu Kelang dan rakan-rakan yang bersama-sama mencuba memberikan cadangan supaya pengurusan pentadbiran pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dapat diurus dan juga dipantau dengan cara yang terbaik. Sebelum saya teruskan saya perlu mengambil masa oleh sebab perkara yang dibangkitkan oleh Taman Templer mengenai Bukit Botak sebab beliau tidak dapat mengikuti perbincangan. Jika kita teruskan dengan cara yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dan pada masa tersebut oleh PKNS, dengan membina rumah-rumah yang berharga 45 ribu dan kosnya melebihi kiraan tersebut, maka PKNS berkemungkinan menghadapi kerugian melebih 100 juta.

Oleh sebab itu saya melihat perkara ini daripada perkara pelaksanaan, bukan saya melihat daripada segi untuk menolong orang yang tidak mempunyai rumah ataupun mereka setinggan yang pernah menduduki kawasan tersebut. Oleh itu apa yang saya lihat yang perlu kita dirikan aa..perumahan di kawasan tersebut kerana kawasan tersebut adalah antara kawasan yang terbaik untuk dirikan kawasan perumahan. Oleh sebab itu jika pun kita jual rumah-rumah itu, kita jual kepada mereka yang sepatutnya mendapat rumah-rumah pangsa ataupun rumah-

rumah yang didirikan di situ dengan harga 45 ribu ringgit. Sudah tentulah mereka juga terpaksa membuat pinjaman dan ramai daripada mereka juga tidak boleh membuat pinjaman atas harga 45 ribu. Jadi, di sini ada 2 isu: Satu, mereka tidak boleh membuat pinjaman. Dua, mereka perlukan perumahan. Jadi saya ambil satu yang disebut biasanya satu *bussines* model yang boleh memberikan kepuasan untuk tiga pihak: Pertama, PKNS tidak rugi tetapi tidak untung. Kedua, pembeli yang boleh membeli rumah itu dapat membeli rumah yang baik dengan harga yang berpatutan dan tidak merugikan pihak, aa...yang membuat perumahan. Ketiga, mereka yang dianggap mempunyai pendapatan rendah, tidak boleh membayar walaupun dengan harga 45 ribu kerana tidak boleh mendapat pinjaman bank, dapat juga menyelesaikan masalah tersebut.

Oleh sebab itu saya rancangkan, kawasan perumahan itu dibina dengan rumah yang dipanggil aa...aa...yang...aa...rumah....semi D yang dibuat dengan cantik dan dikira daripada segi kos. Oleh sebab rumah-rumah pertengahan boleh dibina dengan harga yang mendapat untung yang lebih banyak berbanding dengan rumah yang harga yang dibuat rumah kos rendah. Biasanya rumah kos rendah agak mendapat margin yang rendah dan juga ada kalanya margin yang negatif . Oleh sebab itu apa yang saya lakukan, dengan membuat rumah yang berharga 99 ribu ringgit dan oleh sebab tempatnya sangat sesuai mengikut penyata pasaran ia boleh dijual dengan harga 170 ribu ringgit sekurang-kurangnya sebab ia berada tidak berapa jauh dari bandar Selayang. Jadi, PKNS boleh melakukan pembinaan dengan tidak rugi dengan harga kos 99 ribu dan boleh juga menjual kepada setinggan yang boleh dapat membiayai harga rumah RM99,000. Sebab, dengan RM99,000 kosnya dia dapat rumah yang bernilai RM170,000. Tapi jika ada setinggan di tempat tersebut yang tidak hendak, tidak boleh membeli rumah tersebut, dia dijanjikan oleh PKNS dengan membeli rumah tersebut dengan harga RM170,000 ditolak RM99,000, maknanya dia boleh dapat bayaran RM70,000. Dengan bayaran RM70,000 dia dapat membeli rumah kos rendah dengan tidak perlu berhutang. Di kawasan Selayang yang saya tahu, terdapat banyak lagi yang belum dibeli. Jadi, saya sudah menyelesaikan tiga masalah yang sama. Saya sudah tunjukkan kalau mereka boleh beli, mereka boleh beli dengan harga tersebut tetapi kalau tidak boleh beli mereka boleh mendapat pendapatan sebanyak RM70,000 untuk peluang membeli rumah tersebut.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** YB minta penjelasan. Terima kasih. Saya amat tertarik dengan niat ikhlas Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi rata-rata kalau kita lihat dalam surat khabar pun tiap kali keluar penduduk di situ ada mengatakan yang mereka tak sanggup membayar sampai RM99,000 walaupun mengikut business cadangan ataupun *business return* pendapatan saya tengok Menteri Besar mengatakan bahawa harga rumah lebih tinggi maka penduduk kalau tak nak kalau jual boleh dapat RM70,000 tapi bagi saya eloklah kita cuba cari satu jalan di mana mungkin kerajaan negeri boleh tanggung kerugian sikit kerana ini adalah satu masalah penduduk yang begitu lama bersusah payah sehingga ada di antara mereka pun yang tak pernah dan dah meninggal pun tak dapat rasa rumah tersebut. Seperti mana masalah air tadi pun di mana kerajaan negeri akan cuba menanggung sedikit beban. Itu sahaja yang saya pohon dan juga sekiranya harga rumah RM99,000 dapat diturunkan kepada RM70,000 atau pun RM80,000 maka saya rasa ramai lagi yang akan mampu. Itu cadangan saya kepada kerajaan negeri. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Jawapan politik saya ialah kita timbang tapi dari segi jawapannya saya telah diberitahu daripada 1200 yang kita bagi *offer* untuk membuat pilihan 99% menerimanya. Jadi maknanya ada. Jadi pada saya kita buatkan dulu ini hanya bila sampai ke peringkat yang tidak boleh dilakukan baru kita beri. Kalau tidak projek ini tidak boleh dijalankan. Itu sebab saya jalankan dulu buatkan rumah dulu, harta dah ada barulah boleh kita

bincang sekarang atas tanah kosong kita bergaduh lagi memang tak boleh. Jadi baik kita siapkan perkara tersebut.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Terakhir lepas ni tak tanya lagi dah. Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya rasa penjelasan tu jelas. Hanya apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata ramai sampai 99% setuju atau mampu milik rumah tersebut saya terkejut juga kerana.....

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya tak kata mampu milik. Saya kena jelaskan, menerima skim tersebut. Menerima, bukan dia nak beli.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Hanya saya terkejut kerana saya sendiri walaupun dari kerajaan Barisan Nasional saya tidak pernah ganggu gugat Yang Berhormat EXCO pun tahu saya sokong kerana bagi saya yang penting tidak siapa yang selesaikan masalah itu tapi terlalu lama masalah Bukit Botak ni berlarutan. Tetapi yang hairannya wakil rakyat Ahli Parlimen PKR sendiri William Yong sendiri yang berarak dengan penduduk mengatakan dalam surat khabar dan TV bahawa keputusan kerajaan negeri ini ataupun Menteri Besar tidak adil dalam menyelesaikan isu Bukit Botak jadi saya keliru sikit la. BN sokong tapi PKR tak sokong.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, mungkin perbincangan yang diteruskan ini adalah keluar daripada usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya akan ambil masa sedikit sahaja Kajang; kalau tak nanti keluar dalam surat khabar pula cerita yang lain. Saya percaya selepas saya jelaskan serupa juga dengan rakan-rakan daripada persatuan penduduk, yang juga akhirnya memahami mengapa kita buat begitu dan tidak lagi mendapat protes. Perkara kedua saya nak jelaskan kita tidak mengasingkan kalau dahulu ada kumpulan dari MIC, MCA kita buat untuk semua. Tiada pengasingan. Semuanya kita lakukan.

Kedua, saya berterima kasih kerana perancangan kita setelah kita tubuhkan MBI kita hendak cuba memasukkan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli EXCO untuk menyertai bagaimana pengendalian syarikat-syarikat dan saya ada berbincang dengan beberapa rakan untuk menyediakan kursus bagaimana menjadi Lembaga Pengarah supaya dapat membaca akaun dan seterusnya. Bukan maknanya mengurangkan keupayaan tetapi menambahkan supaya dapat memberi soalan kepada pihak pengurusan supaya mereka sentiasa menjalankan kerja mereka dengan cara yang terbaik.

Kenapa ini lewat? Jawapannya adalah kerana kita baru selesaikan masalah penyusunan semula MBI. Walaupun rakan-rakan dari Barisan Nasional kata sudah ada tetapi sebenarnya tak ada. MBI itu disorokkan di bawah KDEB. Tak masuk pula. Jadi saya sudah susun semula sekarang MBI ini sama tarafnya seperti syarikat MBI di Kementerian Kewangan. Maknanya, saya sudah aturkan tetapi banyak perkara lagi yang belum kita mantapkan.

Kedua, saya setuju syarikat mesti untung. Kalau untung dapat dividen tapi kalau ikut Taman Templer kalau dia rugi tak dapat bonus pula mereka. Jadi kita kena adalah *balance* tentang perkara tersebut. Dan apa yang kita hendak lakukan saya sebelum persidangan dewan yang akan datang kita hendak mulakan beberapa usaha penerangan tentang status. Bagaimanapun, tidak semua daripada 74 buah syarikat itu perlu diduduki oleh Ahli Lembaga Pengarah kerana ada kalanya dipanggil subsidiari tidak perlu sebab ada kalanya kita tidak perlu duduk di sana sebab sudah senang dipantau daripada *parent* *tumb* sahaja kerana boleh jadi untuk *business* tertentu dan itu pun kita kena lakukan.

Dan lagi satu, adanya perbadanan yang tidak termasuk dalam akta syarikat yang kita juga sudah pantau tetapi pemantauan itu mengikut enakmen mesti ada wakil daripada Kerajaan Persekutuan dalam Lembaga Pengarah tersebut. Ini termasuk PKNS. Jadi, itu pun memerlukan wakil daripada Kementerian Kewangan dan wakil daripada satu atau dua kementerian dalam lembaga pengarah syarikat perbadanan yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri. Jadi kesimpulannya...

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan. Kedudukan Kumpulan MAIS Corporation.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya sendiri ada perbincangan dengan pengurus zakat Tan Sri Syed Anuar Jamalullail untuk bersama-sama beliau daripada kumpulan korporat dan pernah menjadi penasihat Tabung Haji dan seterusnya dan pernah bekerja dengan saya di Amanah Capital. Sekarang dia adalah pengurus zakat dan bersama-sama dengan Tan Sri Raja Arshad kita mengadakan perbincangan bagaimana kita boleh mengadakan pemantauan syarikat-syarikat MAIS dan pada kita semua syarikat perlu dibentangkan untuk perhatian masyarakat sebab semuanya perlu. Jadi sebab itu tanggungjawab sosial kita untuk memberitahu pemberi zakat mesti juga tahu. Itu sebab dia juga diberikan akaun dia untuk perhatian dewan. Tapi walau bagaimanapun perkara ini boleh jadi kurang difahami oleh mereka-mereka yang bukan daripada sektor swasta sebab dia takut ahli-ahli dewan mengkritik dia tentang kerja-kerja yang dilakukan. Jadi oleh sebab itulah kita mengambil masa untuk membetulkan budaya. Budaya transparensi ataupun ketelusan ialah budaya baru. Jadi oleh sebab itu kita mengambil masa supaya budaya itu dapat difahami. Jadi saya harap reformasi saudara jangan terlalu hebat sehingga pentadbiran runtuh. Kita kena melalui satu budaya yang *steady*. Oleh sebab itulah kita tidak terus saja tukar sangat kita buat melalui satu proses yang betul. Saya ingat saya menuju ke satu arah yang lebih telus dan lebih bertanggungjawab.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi Bahawa dewan ini menarik perhatian menurut warta kerajaan PUA 443 terdapat 24 buah subsidiari kerajaan di negeri Selangor dan 49 buah subsidiari bukan kerajaan di negeri Selangor. Ini menjadikan terdapat sebanyak 73 buah syarikat subsidiari kerajaan negeri Selangor. Bahawa dengan ini dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor untuk:

1. Mewujudkan sistem pemantauan yang mantap dan memastikan semua syarikat mematuhi semua peraturan-peraturan kerajaan negeri serta mematuhi amalan baik tadbir urus korporat Malaysia.
2. Memastikan setiap syarikat yang membuat keuntungan membayar dividen setiap tahun kepada kerajaan negeri
3. Memastikan syarikat-syarikat yang tidak membayar dividen tahunan kepada kerajaan negeri mengemukakan penyata perbelanjaan mereka kepada dewan yang mulia ini.
4. Memastikan setiap syarikat dipandu dan dibimbing atas polisi yang pro rakyat dengan memastikan sekurang-kurangnya seorang EXCO kerajaan negeri atau seorang ahli dewan negeri dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah.
5. Memastikan setiap syarikat tahu dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan PP bilangan 9/1993, 10/1993, 11/1993 dan 12/1993.

6. Memastikan tiada syarikat membayar bonus tanpa mematuhi dasar yang menetapkan mengikut PP bilangan 10/1993 dan pembayaran mesti mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan pihak berkuasa negeri, MMKN/EXCO.
7. Memastikan syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang tak berkaitan dengan operasi yang boleh menjelaskan keuntungan syarikat.
8. Memastikan seseorang ketua Eksekutif tidak menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada terlalu banyak syarikat sedangkan peraturan hanya membenarkan tiga syarikat subsidiari sahaja Pekeliling Perkhidmatan bil.3/1985
9. Memastikan prosedur kerja dan SOP disediakan dan sentiasa dikemas kini.
10. Memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ditubuhkan seperti kehendak PP Bilangan 9/1993.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya! Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju , sila kata tidak.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul No. 2, tahun 2010. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Y.B. Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Bahawa Dewan ini menarik perhatian bahawa UKRC atau *Ulu Kelang Recreation Club* telah pun diberikan kelulusan tanah lot 3026 Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak mengikut Seksyen 24 (1) Kanun Tanah Bab 138 Tahun 1928 bagi tujuan kelab dan dewan komuniti serta padang permainan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12 Julai 1958 rujukan No. 14 in DOKL/7882. Tapak UKRC merupakan tapak rekreasi bagi maksud kelab/dewan komuniti dan padang dan bukan tanah kawasan lapang. Namun pada tahun 2004 secara luar biasa pentadbiran kerajaan yang lalu telah mewartakan tapak rekreasi UKRC sebagai kawasan lapang. Bahawa dengan ini di atas prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengembalikan hak asal UKRC seperti yang telah diperolehi daripada Pejabat Tanah Kuala Lumpur pada 12 Julai 1958 dengan:-

1. Meminda Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 2214/2004 bertarikh 2 Disember 2004 pada baris ketujuh dengan " Bagi maksud Kelab/dewan komuniti dan padang yang akan dikawal oleh UKRC. Selaras dengan kelulusan awal yang telah diberi kepada UKRC oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1958" atau
2. Meluluskan permohonan UKRC untuk mendapatkan milikan kekal tanah kerajaan lot 3026 Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak bagi tujuan kelab/Dewan komuniti dan padang selaras dengan kelulusan yang diperolehi oleh UKRC daripada kelab, daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12 Julai 1958, dan
3. Membatalkan warta Kerajaan Negeri Selangor No. 2214/2004 bertarikh 2 Disember 2004 dibuat sebaik sahaja kelulusan diberi kepada UKRC untuk mendapatkan milikan

kekal tanah kerajaan bagi mengelakkan sebarang kontroversi pada masa hadapan di antara kerajaan Negeri dan UKRC.

**TUAN SPEAKER:** Adakah usul ini disokong.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Ya! Tuan Speaker, Subang Jaya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan.

**YB DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Kota Damansara ingin menyokong usul No. 2. Selepas membaca usul No. 2 asasnya adalah janji tidak dikotai. Apabila Kota Damasnara mengimbas kembali pengalaman yang lepas-lepas ceritanya lebih kurang sama. Khususnya masalah peneroka bandar, masalah ladang. Satu masa dahulu dijanjikan sesuatu dengan orang-orang politiknya dengan berbagai-bagai kemudahan dan pada masa seterusnya keadaan sudah berubah mungkin nilai tanah sudah meningkat ada yang *counter offer* dengan izin yang luar biasa nampaknya tanah itu telah ditarik balik. Begitu juga yang berlaku yang berlaku di kawasan peneroka bandar rumah akan di roboh secara ganas, secara angkuh dan rakyat dimangsakan. Di sini juga kita dapat lihat pada masa-masa yang lepas peranan Kerajaan Negeri bagaimana golongan yang kaya juga boleh mempengaruhi orang politik menggunakan agensi-agensi kerajaan untuk mengasak mereka yang miskin atau pun mereka yang menjadi mangsa. Kerana mereka mungkin kelompok yang lemah. Di sini juga kita dapat lihat dari segi UKRC dijanjikan pada 1958 dan sampai 2004, 2003, keadaan sudah berubah. Adakah ini juga bermakna tanah itu sudah ada orang memohon untuk membuat sesuatu hingga hak seorang ini dan dia sudah pergi angkat sumpah, ya! Dengan apa yang telah dilakukan, dia mengikut peraturan dan dijanjikan tempat itu untuk kemudahan awam tetapi sudah berubah hingga menyebabkan hak ditarik balik dan juga digazetkan. Maka itu juga ada juga keratan akbar di sini, ah! Ini 2003 dalam bahasa Inggerisnya *bit to say the UKRC feels*. Ini gambarnya dengan Khir Toyo dalam bahasa Inggerisnya *we'll take it back*. *Selangor MB Dato' Seri Dato' Mohammad Khir is ademend the State Government will grab the UKRC field even if decide not to develop it, he says. So much a caring MB and government.* Nampak sangat keangkuhan ini wujud dan gangguan ini memang biasa kami mengalami. Kami lihat. Ah! Tetapi sekarang kerajaan sekarang Pakatan Rakyat nampaknya lebih sensitif, lebih peka kepada masalah masyarakat. Dan maka itu juga saya sebagai Pengurus Parti Sosialis Malaysia mirip kepada Pakatan Rakyat kerana mereka ada memikirkan dari segi kebijakan rakyat. Kota Damansara juga ingin menyeru kepada kerajaan untuk mencari penyelesaian yang terbaik agar ini tidak menjadi satu tinta hitam dalam sejarah kemajuan kerajaan negeri. Maka itu juga Kota Damansara menyokong usul No. 2 Tahun 2010. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker. Saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Hulu Kelang. Mengikut *statuary declaration* dengan izinnya telah dibuat oleh Presiden pertama *Hulu Kelang Recreational Club UKRC*. Beliau telah menyatakan bahawa tapak ini telah menjadi tapak permainan penduduk. Malah kawasan tersebut dahulunya dikenali sebagai kawasan Hulu Kelang New Village sejak 1957 lagi. Iaitu semasa merdeka. Walau pun kerajaan Negeri Selangor yang dahulu bahawa tanah ini telah diberi kelulusan tanah bagi tujuan kelab atau pun dewan komuniti dan padang permainan oleh Pejabat Tanah Kuala Lumpur pada 1958 namun kita terkilan kerana pada tahun 2004 tanah itu telah diwartakan sebagai kawasan lapang. Baru-baru ini kita nampak di Subang Jaya juga berlaku kes yang sama yang mana

Subang Jaya telah mendapat makluman berikut di klasifikasi sejarah taman Subang Ria oleh Menteri Besar bahawa Kerajaan Negeri Selangor Barisan Nasional pernah memberi milikan tanah rekreasi kepada pihak pemaju. Tetapi di dalam kes UKRC ini kerajaan Barisan Nasional pula tidak mahu memberikan tanah rekreasi ini untuk kegunaan penduduk tempatan. UKRC ini bukan pemaju tetapi satu kelab rekreasi yang benar-benar patut diberi milikan tanah berdasarkan sejarah dan aktiviti mereka di tanah tersebut. Oleh sebab itu saya menyokong usul yang dibawa oleh Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER:** Ada penjelasan daripada pembawa usul, kalau ada.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan dari Kota Damansara dan Rawang dan saya ingin menegaskan bahawa isu yang ditimbulkan, isu ini adalah isu keadilan. Isu kebenaran. Kerana isu ini juga telah dibawa oleh Bukit Antarabangsa semasa beliau menjadi ADUN Hulu Kelang sebagai pembangkang. Dan hari ini saya membawa amanah rakyat Hulu Kelang membawa usul agar hak rakyat yang telah dipertahankan sejak tahun 1958 dipenuhi. Dan segala dokumen sebenarnya ada, surat-surat termasuklah surat pengecualian cukai tanah pada masa itu telah diluluskan pada tahun 1962 oleh *Municipal Valuation Department Federal Capital of Kuala Lumpur*. Dan segala dokumen itu ada di sini dan isu ini bukanlah merupakan isu *local*, isu Hulu Kelang tetapi isu negeri. Dan sebagaimana yang telah dipaparkan dalam media isu ini menimbulkan isu yang telah di muka depan akhbar tentang kenyataan Menteri Besar pada masa itu dan kemudiannya pada bulan September diikuti dengan komen daripada Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Badawi pada masa itu agar menuntut *Pak Lah Orders the Selangor Government to resolve the problem emicably and fast*. Jadi isu ini adalah isu nasional dan sekiranya kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dapat menangani isu ini, menyelesaikan pertikaian ini kita akan mengembalikan hak rakyat kepada rakyat. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekarang, dipersilakan wakil kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker. Saya sudah meneliti beberapa perkara berikut:

1. Daripada segi warta. Tanah ini sudah diwartakan oleh Kerajaan Negeri dan kalau pemindaan hendak dilakukan kita mesti mengadakan *hearing*. Maknanya itu mesti ada satu usaha pewartaan, jadi kena adakan *hearing* sebab tanah ini adalah *reserve* yang diresapkan sebagai padang dan serupa juga seperti ah! Mana-mana pewartaan yang lain. Itu sebab, sekarang kita sudah menjalankan usaha supaya semua tapak sekolah kita wartakan, dan tempat-tempat untuk ibadat kita wartakan kerana tidak lagi boleh digunakan dengan perkara-perkara yang lain daripada perkara yang diwartakan. Oleh sebab itu pewartaan ini adalah salah satu daripada tugas kerajaan untuk menentukan tanah-tanah yang diwartakan untuk kegunaan awam tidak boleh diubah dengan sesenang-senangnya. Jadi kes itu, bukan boleh Kerajaan Negeri buat sebab proses pewartaan itu mesti melalui proses yang penting. Walaupun saya dapat terdapat perbincangan mengenai tanah dan seterusnya yang jelas tanah yang diwartakan ini boleh dijadikan tanah lapang sehingga kita boleh ubah pewartaan.
2. Kebenaran yang diberikan pada 12 Julai 1958 adalah kebenaran yang tidak mempunyai kuasa yang sepenuhnya. Ini dipertikaikan. Jadi kebenaran itu bukan satu kebenaran yang boleh, kalau macam itu Kerajaan Negeri terpaksa memberikan kebenaran-kebenaran umpamanya kita sekarang ada mendapat beberapa surat kebenaran daripada pihak berkenaan termasuk tulisan daripada ADUN untuk membenarkan

mereka menggunakan TOL dan untuk duduk di sana. Oleh sebab itu kalau kita setuju tentang ini, implikasinya sangat besar. Jadi kebenaran surat ini tidak termasuk, sebab surat-surat macam ini mestilah termasuk penggunaan geran. Oleh sebab itulah pemilikan geran adalah sangat penting. Bukan hanya berdasarkan surat. Walaupun ada *statuary declaration* yang baiknya daripada segi undang-undang, dan ini sangat penting untuk kita. Saya menganggap, kebenaran ini mesti kita selesaikan.

Ada dua cara untuk menyelesaikan perkara ini. Sebab ini *is a question of evidence*: betulkah kerajaan Negeri memberikan tanah untuk kegunaan khas Hulu Klang *Recreation Klang*? Betulkah? Jawapannya betul atau tidak. Kalau jawapannya betul, maka Kerajaan Negeri kena beri geran dan perusahaan tanah tersebut kepada UKRC. Kalau tidak, maknanya Kerajaan Negeri waktakan sahaja sebagai kawasan lapang untuk kegunaan masyarakat termasuk UKRC. Jadi, itu tujuannya. Tentang penyelesaian tadi, asaya ada dua cara penyelesaian: Pertama, melalui *arbitration*- kita panggil seorang hakim yang boleh melihat dua kes itu dan membuat satu keputusan iaitu menunjukkan negeri adil daripada segi itu dan pentadbiran adil daripada segi tersebut. Maknanya kita buat. Kedua, sudah tentulah UKRC boleh pergi ke mahkamah mengatakan Kerajaan Negeri ada *in bad fade and from them* (?) itu pun saya ingat boleh dilakukan kerana kenapa saya memandang perkara ini sangat serius daripada segi kesahihan dan percakapan. Sebab ini sangat penting untuk kita tentukan semua tanah, untuk kita waktakan tanah-tanah kuil, tanah-tanah masjid. Tanah-tanah itu kita waktakan supaya tidak ada lagi pertelingkahan. Banyak tanah yang diberikan untuk kawasan lapang ataupun kawasan sekolah jadi bangunan perniagaan atas persetujuan untuk tujuan mencari dana menolong sekolah tersebut. Yang sebenarnya tak ada tujuan untuk itu tetapi itulah yang berlaku. Oleh sebab itulah kita kata kita buat dengan secara adil. Itu sebab saya pandang perkara ini sangat penting dan mestilah itu daripada segi pemilikan tanah. Tetapi daripada segi pengurusan tanah, pengurusan tanah maknanya pengurusan tanah itu buat masa ini adalah pengurusan tanah diurus oleh pihak Ampang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Tetapi Majlis Perbandaran Ampang Jaya pernah dari semasa ke semasa memberikan kuasa kepada mana-mana pihak untuk mengurusnya untuk kegunaan awam. Jadi untuk kegunaan awam.

Jawapan yang sebab saya minta pada Dewan yang mulia ini untuk memikirkan perkara ini. Adakah tanah lapang kita bagikan kepada UKRC ini akan tidak menjadi tanah lapang untuk kegunaan awam. Itu pun penting juga. Kalau tidak esok kalau hanya ahli-ahli eh ahli-ahli ah ah UKRC ataupun ahli-ahli kelab tersebut hanya boleh menggunakanannya. Tapi kalau jawapan kita kesemua boleh menggunakanannya, termasuk ahli-ahli UKRC, maknanya ini boleh diselesaikan sebagai dalam tujuan pengurusan. Tetapi kalau dia hanya digunakan oleh ahli-ahli UKRC, jawapannya adalah kesahihan pemilikan itu mesti dilakukan. Walaupun Kerajaan Pakatan Rakyat perlu adil tetapi kita mesti juga memantapkan pentadbiran supaya pentadbiran ini kita mengikut lunas-lunas pentadbiran. Kalau kita tak buat begini esok kita mendapat *exception*. Ini yang berlaku sebahagian daripada tanah untuk sekolah, setengah lagi boleh jadi untuk pembangunan dan berbagai bentuk. Ini berlaku, ini bukan satu perkara yang tidak berlaku. Saya fikir Hulu Kelang memang merasakan ketidakadilan jika ini benar ketidakadilan marilah kita sama-sama mencari jawapan yang betul supaya kita tidak hanya kerana *exception* kita buat kerana apabila *exception* kita buat ia boleh memberi kesan yang sangat berbeza untuk masa hadapan.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Sekiranya pilihan penyelesaian melalui *arbitration* siapa yang akan memulakan langkah ke arah *arbitration*.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Kedua-dua pihak dari Kerajaan Negeri pun saya dalam nota ni pun saya suruh menjalankan *arbitration*, maknanya boleh tapi *arbitration* lebih senang, lebih cepat daripada mahkamah, dia ada daripada ah ah Tuan Speaker pun tahu *arbitration* lebih cepat dan lebih makna daripada dan daripada Kerajaan Negeri kalau UKRC tak setuju dengan keputusan *arbitration* dia boleh juga pergi ke mahkamah. *It give them the right, the state tak ada you have the right.*

**TUAN SPEAKER:** Jadi Yang Berhormat Hulu Kelang dengan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar adakah Yang Berhormat ingin menarik balik usul ini di bawah 34(i) atau ingin mendapatkan keputusan.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Saya ingin usul diteruskan dengan memuatkan peruntukan *arbitration* sekiranya berlaku.

**TUAN SPEAKER:** Saya rasa tidak sempat walaupun boleh dibuat pindaan jadi mana yang hendak dipindah. Kalau nak pindaan juga di bawah Peraturan 341

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Bukan kepada spiritnya usul ini diterima ? Cuma proses menukar warta itu.

**TUAN SPEAKER:** Tetapi cadangan pindaan mesti datang daripada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat mencadangkan usul ini.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Kalau bawa ke sidang yang akan datang ?

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Bawak ke sidang yang akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Kalau nak bawak ke sidang yang akan datang maka usul pada masa ini akan ditarik balik tapi usul ini masih boleh di bentang lagi dengan syarat ada notis ada akan datang. Bererti kalau untuk menarik usul ini buat sementara waktu itu tidak menghalang Yang Berhormat untuk membawa usul ini semula ke dalam siding yang akan datang.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Saya nak minta petua yang Tuan Speaker . Maknanya status usul ini dengan penjelasan daripada kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Tidak maksud saya disebabkan ada penjelasan Yang Amat Berhormat maka sekarang Yang Berhormat mempunyai pilihan untuk ah menarik balik dan kemudian mencadangkan semula pada yang akan datang dengan pindaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri tadi. Disebabkan Yang Berhormat tidak dapat mencadangkan pindaan selepas penjelasan maka satu pilihan Yang Amat Berhormat menarik balik usul ini di bawah peraturan Tetap 341 dan kemudiannya mencadangkan semula dengan pindaan tersebut dalam sidang dewan akan datang.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Buat masa ini saya tarik balik usul saya dan akan dibawa dalam sidang dewan yang akan datang. Baik terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana Yang Berhormat Hulu Kelang menarik balik eh usul ini di bawah peraturan tetap 341 maka ia tidak dikemukakan untuk keputusan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul no.3 tahun 2010 usul di bawah peraturan Tetap 27 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahwasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar segera mengambil perhatian dan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyiasat tentang berlakunya satu penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengagihan kuota subsidi benih padi yang tidak adil dan terus dan seterusnya menyebabkan kerugian kepada petani dan memperkayakan suku sakat kroni mereka sahaja. Tuan Speaker kita sedia maklum matlamat Negara khusus dalam pertanian adalah untuk meningkatkan lebih banyak hasil pengeluaran berasa sehingga mencukupi untuk permintaan domestik menjelang dua ribu 2020. Sekiranya purata perkiraan 10 tan dapat dicapai oleh majoriti petani pada masa ini petani kita di hanya berjaya membekalkan sebanyak lebih kurang 70% hasil keluaran beras Negara untuk keperluan domestik. Oleh itu kita masih perlu men import bekalan beras hanya 30% dari Negara jiran kita seperti Thailand dan Vietnam. Berbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pertanian termasuk menyalurkan peruntukan yang besar untuk membantu pada petani meningkatkan hasil pengeluaran padi. Namun begitu masih terdapat berbagai masalah dan kelemahan penyelewengan yang timbul akibat daripada dasar subsidi, bantuan subsidi yang diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang ternyata tidak telus dan tidak adil. Bukan sahaja benih padi, tapi subsidi lain yang berbentuk baja dan racun juga ujud banyak kebocoran dan ketulusan sama ada kadang-kadang racun yang dibekalkan, kualitinya tidak setimpal dengan kriteria yang ditentukan, dan baja yang dibekalkan kepada petani pun kadang-kadang bajanya kualiti yang berlainan. Ah inilah tujuan berbagai kebocoran semasa pengagihan subsidi ini. Kita sudah maklum daerah Sabak Bernam dan DUN Sekinchan merupakan kawasan jelapang padi Negeri Selangor yang paling terkenal dengan kualiti padi yang terbaik hasil pengeluaran yang tertinggi di Malaysia. Akan tetapi rata-rata petani masih hidup dalam keadaan serba daif dan memerlukan bantuan dan sokongan daripada pihak Kerajaan. Sebelum ini petani lebih rendah sebelum ini pendapatan petani lebih rendah angkara sekatan bebas dan kuota jualan kepada syarikat BERNAS. Di samping itu juga padi yang ditawarkan oleh BERNAS sebelum 8 Mac 2008 hanya sekitar 700 ringgit setan. Walaupun pada ketika itu terdapat pengilang dari luar seperti Alor Setar yang datang ke Sekinchan dan sanggup menawarkan harga padi yang lebih tinggi itu lebih daripada 800 setan dan bagi kepada petani hanya dapat berputih mata sahaja kerana sekatan kuota penjualan bebas maka tidak boleh dijual kepada orang lain walaupun mereka menawarkan harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh BERNAS.

Tuan Speaker, selepas berlakunya tsunami politik 8 Mac yang lalu, nasib petani juga berubah ke arah yang lebih terjamin apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil sikap tidak memihak kepada Syarikat BERNAS dan membiarkan pasaran padi ini dijual secara bebas di samping faktor krisis kekurangan makanan global yang melanda ketika itu maka harga padi yang dijual pada musim yang pertama tahun 2008 telah melonjak ke paras 1,401 tan metrik. Bagaimanapun saya berasa kesal kenapa selepas berlaku pertukaran Menteri Pertanian yang baru iaitu Datuk Yang Berhormat Datuk Seri Noh Omar maka segalanya telah berubah di mana subsidi benih padi yang sebelum ini disalurkan sebanyak 500 ringgit setan kepada pengilang oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah dinaikkan kepada 1335 ringgit setan iaitu kenaikan seratus peratus. Akan tetapi harga padi yang ditawarkan kepada petani lebih rendah daripada sebelum subsidi dinaikkan iaitu 1,300. Sebelum subsidi dinaikkan iaitu 500

setan subsidi kepada pengilang harga padi yang dibeli oleh pengilang boleh mencecah 1,400. Selepas subsidi dinaikkan daripada 500 ke 1,035 ringgit kepada pengilang tetapi harga yang ditawarkan kepada petani hanya 1,300 lebih rendah selepas subsidi ditambah. Sedangkan hakikat kalau mengikut harga pasaran kalau subsidi yang ditambah sehingga 1335 sepatutnya harga pembelian yang ditawarkan kepada petani sepatutnya 1800 se tan. Inilah yang merugikan petani persoalannya berapa kah keuntungan atas angin yang diperolehi oleh syarikat kroni tersebut jawapannya sudah tentu berpuluhan ribu juta untuk satu musim menuai tambahan pula sebuah loji pemprosesan benih padi milik Jabatan Pertanian di Sungai Buloh yang didirikan dengan menelan belanja lebih kurang 17juta pada tahun 1996 dan loji ini telah dirasmikan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor pada 20 Mei 2004 apa yang memerlukan kita semua kini loji tersebut telah diswastakan. Diswastakan kepada syarikat swasta dengan berbagai alasan yang tidak munasabah sebelum Menteri baru Menteri Pertanian yang Dato' Sri Noh Omar loji ini masih milik Jabatan Pertanian selepas Menteri Baru loji ini telah diswastakan tujuan utama loji pemprosesan tersebut adalah untuk memproses benih pada atau padi benih berkualiti dan sekali gus membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kepada petani kini loji ini telah diswastakan kepada satu Syarikat iaitu Syarikat HMN yang dimiliki oleh Ahmad bin Haj Mat Noor, Ahmad bin Haji Mat Noor. Persoalannya siapa kah dia Ahmad bin Haji Mat Noor, beliau merupakan AJK ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Sg. Besar dan juga kroni kepada Menteri Pertanian YB Dato Sri Noh Omar, Tuan Speaker saya terpanggil untuk mendedahkan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengagihan kuota subsidi benih padi yang diperuntukkan oleh Kementerian Pertanian harus kita ingat peruntukan subsidi yang disalurkan kepada pengilang adalah juga merupakan wang rakyat, wang dari pembayar cukai oleh itu diagih menggunakan satu mekanisme yang adil dan telus serta tidak pilih bulu ataupun utamakan suku sakat yang akrab dengan YB Menteri Pertanian. Tanpa mengira aspek kemampuan dan keupayaan pengilang tersebut yang dahulunya pengilang-pengilang yang disalurkan subsidi mempunyai kemampuan punya kemampuan mereka mempunyai mesin-mesin yang mempunyai peralatan yang lengkap tetapi selepas Menteri Pertanian yang baru mengambil alih pengilang swasta yang lain yang tidak rapat dengan Menteri Pertanian yang baru ini kuota subsidi mereka ini dipotong, dipotong walaupun mereka mempunyai kemampuan tetapi yang dua yang saya nak sebutkan ialah syarikat kroni yang dipentingkan. Di sini saya akan tunjukkan data-data demi untuk menunjukkan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengagihan subsidi benih padi yang bernilai jutaan ringgit. Berikut akan saya huraikan satu carta saya akan sebut satu Bernas dahulunya Bernas 5000 tan sekarang pun dapat 5000 tan selepas Noh Omar tetapi ada satu syarikat nama dia Kejora Desa Sdn Bhd, Kejora Desa Sdn. Bhd. Untuk YB Exco Pertanian mesti tahu sapa dia Kejora Desa Sdn. Bhd. Dia mendapat 17000 tan satu musim, yang lain-lain PPK Lahad Datu, Edaran Shah 5000 tan, Madah 5000 tan sahaja, Pertama Padi 5000 tan, .....4000 saja, Sime Darby 3000 tan saja, Sime Darby pun dalam industri padi, Kilang Beras Merbuk 3000 tan subsidi dia, Kilang Padi Maju 3000 tan yang lain 3000, 5000, 3000, 5000 yang lagi satu HMN Haji Ahmad bin Mat Noor yang terletak di parit 8, Parit 8 Sekinchan dapat berapa 17000 tan kalau dulu hanya sekitar 5000 tan dia dapat sekarang dapat 17000, Syarikat Kejora Desa 17000 dua syarikat. Siapa dia sekarang pertanyaan yang nak saya lontarkan apa yang saya pertikaikan syarikat Kejora Desa dan HMN siapa di belakang Syarikat Kejora Desa yang berpangkalan di Alor Star setelah saya teliti makluman yang saya Kejora Desa ini ada hubungan rapat dan milik YB Ahli Parliment Rembau Ketua Pemuda UMNO Malaysia YB Khairy Jamaluddin. Khairy Jamaluddin disini pun segala hujah dan fakta yang saya kemukakan mempunyai asas yang kukuh untuk membuktikan kepada dewan yang mulia ini bahawa memang wujud penyelewengan salah guna kuasa dalam pengagihan subsidi benih padi di mana suku sakat yang mempunyai kuasa politik, pertalian politik akan mempunyai imbuhan tersebut yang dapat memberi keuntungan atas angin yang berlipat ganda beribu juta, oleh kerana dua syarikat ini dia ahli korporat begitu tinggi maka pada musim akan datang dan musim ini juga sudah nampak impak dan implikasinya di mana petani

mengeruh kerana harga yang ditawarkan kepada petani sudah turun sudah jatuh merudum kalau dulu 1400,1300 sekarang ditawarkan 1200 dan 1280 saja kerana apa, sesiapa mananya syarikat yang mempunyai subsidi yang banyak kuota subsidi yang paling tinggi mereka akan dapat menguasai memonopoli pasaran menetapkan harga mana yang harus mereka beri sebab mereka punya subsidi mereka boleh beri harga, mereka boleh menguasai harga tetapi syarikat yang kecil-kecil yang tidak mempunyai pertalian dengan YB Menteri Pertanian mendapat kuota subsidi yang sedikit mereka tidak dapat berlawan harga dan akhirnya orang yang tidak dapat melawan tidak dapat membeli yang membeli dua orang ni saja dan akhirnya wang kedua –dua ini oleh kerana memikirkan keuntungan mereka sengaja menawarkan harga yang rendah untuk memberi benih padi kepada petani akhirnya yang rugi yang mengalami kerugian adalah petani dan yang memperkayakan syarikat suku sakat ini siapa? YB Menteri yang menolong mereka ini yang saya pertikaikan mungkin ramai di kalangan ahli-ahli dewan dan Tuan Speaker tidak faham apa ini subsidi benih padi subsidi padi benih ini setiap tan saya nak perjelaskan setiap tan benih padi yang pengilang beli dari petani dengan 1300 Kementerian Pertanian akan bayar subsidi 1035 ringgit kepada pengilang dan dia hanya beli dengan harga 1300 ada dapat subsidi 1035 selepas proses dia boleh jual dua tiga ribu satu tan daripada padi tersebut mana keuntungan berlipat ganda saya tidak pertikaikan siapa-siapa yang nak mengambil keuntungan dalam konteks ini tetapi biarlah agihan itu adil dan tidak tumpukan kepada kroni dan tidak berlaku sebaran ketirisan penyelewengan ini yang saya pertikaikan, oleh yang demikian Tuan Speaker saya mendesak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar dapat segera menuahkan satu jawatankuasa khas, jawatankuasa khas yang dianggotai oleh mereka yang bebas dan berwibawa untuk menyiasat berlakunya, berlakunya penyelewengan-penyelewengan tersebut dan menyiasat kisah benar agar dikenal pasti siapa kah mereka ini yang sebenar dan didakwa mereka ini supaya penyelewengan seperti ini pembaziran wang rakyat dana rakyat ini tidak terus dilakukan. Saya memang selama ini di dalam Dun Sidang Dewan Negeri ini saya memperjuangkan hak petani dari dulu kini dan selamanya.

**TUAN SPEAKER:** ....kita semua tahu sudah

**YB TUAN NG SUEE LIM:** ....ha itu yang selamanya. Dan soal petani ini kita tidak boleh kompromi tidak boleh tolak ansur saya tidak sanggup nampak oleh kerana hubungan politik oleh kerana kroni maka individu tertentu syarikat tertentu mendapat kekayaan atas angin sekilip mata saja tetapi petani yang mengusahakan hasil mereka membanting tulang 6 bulan menunggu hasil menuai baru mendapat sedikit imbuhan saja apa salahnya kalau subsidi itu diagih dengan seterusnya dengan adil ramai yang dapat. Kalau tidak duit kita habis hangus yang tolong, yang kita tolong dua tiga orang saja, tetapi rakyat kita tetap miskin, petani kita tetap daif, ini satu dasar yang patut diperbetulkan oleh yang demikian Tuan Speaker saya berharap perkara ini dapat dipantau oleh YB EXCO Kerajaan Negeri walaupun saya tahu perkara bukan dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi sebagai Exco yang bertanggungjawab kita boleh memantau perkara ini dan kita boleh suarakan dan panjangkan kepada YB Menteri Pertanian Dato'Sri Noh Omar. Maka dengan itu, dari Sekinchan ke Tanjung Karang Jelapang Padi Seluas Mata Memandang , slogan rakyat dilaungkan Hanya Temberang Kroni Yang Menjadi Keutamaan. Sekian Terima Kasih saya mohon mencadangkan.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:**  
No.3 Tahun 2010 oleh YB Sekinchan.

YB Tuan Speaker saya menyokong usul

**TUAN SPEAKER:** Ya Meru

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OTHMAN:** Terima kasih Tuan Speaker, *Bismillahi rahmani rahim* kepada Tuan Speaker dan YB sekalian saya ingin membahas tentang usul yang dibawa oleh Sekinchan Tuan Speaker golongan petani bergantung sebahagian besar kepada hasil tanaman mereka bagi menampung kehidupan sehari-hari keluarga mereka. Selain itu mereka juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan Negara kalaulah golongan petani ini diberi bantuan dan kemudahan dan dibantu lagi dengan teknologi penanaman padi yang terkini maka semestinya lah insya-Allah akan meningkat lagi hasil tuaian mereka dan sekali gus dapat menjimatkan dana Negeri dan Negara daripada mengimport padi dari luar Negara yang semestinya melibatkan kos yang tinggi. Pengorbanan dan titik peluh golongan petani ini tidak harus dipandang kecil dan remeh oleh sesiapa pun termasuk Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri. Di sini saya mengucapkan tahniah kepada Exco Kerajaan Negeri Selangor YB Kota Anggerik yang telah berjaya meningkatkan hasil padi 51 metrik tan setiap hektar menjadikan Selangor mencatat hasil padi tertinggi di Negara Malaysia ini, pernah satu hari saya bacakan satu hadis yang diriwayatkan oleh Tobradi di mana Nabi Muhammad swt berjalan dengan para sahabat dan mereka melintasi seorang buruh yang berbadan besar dan tegap di tengah-tengah terik panas matahari mengangkat barang-barang berat lalu ada seorang sahabat yang bersuara alangkah baik sekiranya buruh yang berbadan besar ini kita manfaatkan di bidang tentera untuk berjihad pasti dia memperolehi pahala yang banyak oleh Allah swt mendengar itu rasulullah terus menyampuk demi Allah kalau si buruh ini bekerja keras untuk memberi makan isi keluarganya dan tidak berniat untuk meminta-minta kepada orang lain demi menjaga maruahnya maka sesungguhnya dia sedang berjihad pada jalan Allah dan semestinya akan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT. Ini membuktikan bahawa betapa tingginya pengiktirafan yang diberikan oleh Islam kepada golongan mereka yang berusaha keras demi mencari rezeki untuk menampung mereka sebagai seorang pemegang amanah untuk membantu golongan petani ini sama ada sebagai seorang Menteri, Timbalan Menteri seorang Exco atau Pengarah, sekalipun Adalah menjadi amanah besar si Islam demi mengabaikan amanah ini apa lagi mencemarinya adalah dosa yang besar. Allah Subhanahuwataala telah menyebut di dalam *Al-Quranuqarimi (bahasa arab)* Yang bermaksud *sesungguhnya Allah Subhanawataala yang memerintahkan kamu agar berlaku adil apabila menunaikan amanah kepada mereka yang hak menerimanya*. Jadi maksud yang mereka berhak menerima itu tidak kira mereka berbeza dari warna kulit, agama atau ideologi sendiri. Kita selalu menyebut bahawa rakyat sentiasa memerhatikan kita. Meru ingin menekankan pada setiap saat *Allah Subhanawataala* maha mendengar, lagi maha melihat. Kita perlu sedar bahawa apabila golongan yang tertindas dan tidak dapat hak mereka yang sepatutnya diperolehi ini mereka termasuk dalam golongan *al-mazlum* ataupun orang yang dizalimi. Dengan izin Rasulullah SAW menyebut (**bahasa arab**) hendaklah kamu takut dengan doa-doa yang dizalimi kerana tidak ada hijab antara doanya itu dengan *Allah Subhanawataala*. Ulama memberitahu kita bahawa dengan maksud *al-mazlum* iaitu orang zalimi itu tidak terhad kepada orang Islam sahaja tetapi termasuk juga orang-orang yang dizalimi itu di kalangan orang-orang bukan Islam. Hari ini malah semalam lagi saya ada bawa 5 muka fakta UMNO pengkhianat orang melayu dan pengkhianat kepada Raja-Raja. Tepukan meja....Hari ini satu sahaja kerana mengambil masa yang terhad. Tuan-tuan kena ingat ketika Negara Malaysia menyambut kemerdekaan UMNO sanggup menjual saham BERNAS sebanyak 31.36% Syarikat beras Negara ini kepada Syarikat Wan Tak Limited yang berpangkalan di Hong Kong. Apakah jaminan petani-petani tempatan majoriti yang orang Melayu ini tidak akan dizalimi. Oleh yang demikian, Meru menyokong penuh Usul yang dibawa oleh Sekinchan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Oh ya, Kajang sila.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul yang dibawa oleh Sekinchan. Well, kita nampak mereka yang diibaratkan sebagai pengkhianat itu yang berlakukan penganiayaan ke atas petani-petani yang membanting tulang di sawah padi. Kita kalau tazkirah dakwaan nampak saya tak payah susah. Mereka ini budaya, budaya mereka dan mereka akan bawa sampai hari kiamat ajalnya dan pada kita selebih selepas mendengar tazkirah daripada Meru dan saya memang tersedar ya sedar bahawa kita terus bergantung kepada UMNO Kerajaan Pusat untuk memberi subsidi dan membantu kisah si buruh itu. Kalau si buruh itu dibiarkan sebagai buruh walaupun kerjanya di berikan bantuan kerja yang lebih tetap beliau akan jadi buruh juga dan tidak akan menjadi seorang yang berperang sebagai seorang pahlawan yang terlibat dalam perang jihad. Dan kalau dengan rujukan seperti ini kita sebagai Kerajaan Negeri mungkin EXCO Pertanian dan juga kreativiti pengalaman korporat daripada YAB seperti kes Bukit Botak boleh selesai dengan begitu baik. Kita dalam Kerajaan Negeri mencari penyelesaian dapatkan satu mekanisme yang dapat membantu petani-petani sebegini untuk menyelesaikan masalah mereka supaya mereka tidak terus dibelenggu oleh apa yang dilakukan selama ini. Jadi Kajang memang menyokong Usul yang dibawa ini dan berharap Kerajaan Negeri dapat mewujudkan satu mekanisme yang dapat membantu petani-petani kita di Sekinchan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh mengambil perbahasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, Yang Berhormat Speaker. *Bismillahi Rahmani Rahim* dan salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberikan maklum balas dan Usul No. 3 Tahun 2010 berhubung desakan terhadap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyiasat penyelewengan yang didakwa berlaku dalam pembahagian kuota subsidi padi yang dikatakan menyebabkan petani kerugian dan memperkayakan ekonomi. Tuan Speaker Usul ini amat tidak tepat dan tidak relevan pun untuk dibincangkan dan dibahaskan dalam Dewan Undangan Negeri Selangor yang dibawa oleh Sekinchan. Saya rasa Sekinchan hanya nak mengambil publisiti untuk membawa Usul ini kerana pihak yang didesak ini ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terletak di bawah struktur Kerajaan Persekutuan dan bukannya Kerajaan Negeri. Itu fakta maka Dewan Yang Mulia Ini tidak mempunyai apa-apa kuasa dan justifikasi untuk mendesak pihak terbabit untuk melakukan siasatan. Sewajarnya Usul ini dibawa ke dalam Dewan Rakyat. Bukit Antarabangsa mungkin lebih sesuai bawa dalam Dewan Rakyat kerana di sana ada Menteri yang terbabit bukan dalam Dewan Undangan Negeri. Dan kita tahu ramai Ahli Parlimen Pakatan Rakyat boleh berbuat demikian dan masih dalam sidang Parlimen yang baru ini sepatutnya dibawa tapi mungkin dah tak sempat sudah dalam penggulungan. Usul ini hanya gerakkan politik semata-mata di bawa oleh pihak Yang Berhormat Sekinchan. Sebagai politik murahan untuk mendapat publisiti tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah kerana tersalah tempat dan masa. Isu ini yang dibawa hanya isu yang boleh dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan agensi-agensi yang ada dibawanya. Maka tiada siapa di sini mempunyai autoriti untuk mewakili Kerajaan Persekutuan Kementerian atau mana-mana agensi bagi menerangkan keadaan sebenar. Maka dengan itu jelas itu sekali Usul ini tidak relevan dan amatlah tersalah tempat. Dan maka saya di sini hanya menerangkan maklumat yang terhad

tetapi saya juga tidak mempunyai autoriti untuk bercakap perkara yang sebenar yang benar ini. Dan saya ingin menyentuh mengenai apa yang dikatakan oleh Sekinchan masalah kroni ini betul. Untuk makluman pengagihan benih ini dahului dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan sebagaimana yang disebutkan oleh Sekinchan maksud BERNAS, MADA, KADA termasuk yang ada di seberang Perak. Pengagihan yang dilakukan di seluruh Negara bukan hanya di Negeri Selangor dan untuk maklumat Ahli-ahli Dewan Syarikat yang diberikan untuk mendapat bekalan benih padi hanya satu yang disebutkan hanya satu yang selebihnya tidak melalui pun Negeri Selangor. Dan kenapa peluang ini dibuka ialah apabila ujudnya Akta yang melarang agensi Kerajaan terlibat dalam perniagaan. Maka peluang perniagaan benih diberi kepada pihak swasta termasuk HM MN sebagaimana yang disebut. Ini adalah antara langkah untuk usahawan yang sama-sama bantu Kerajaan dalam menghasilkan sumber makanan utama Negara yang ini padi dan beras. Ini juga selaras dengan Dasar Jaminan Makanan yang Kerajaan mahu kita sama-sama menjayakan. Penghasilan kualiti padi ini juga tidak dibuat secara suka hati oleh pembekal. Ia berdasarkan kajian terhadap permintaan dan pasaran. Dahulu benih padi dihasilkan kira-kira 60 ribu tan dan kini jumlahnya telah menjangkau 84 ribu tan maka usaha penghasilan padi ini adalah telus dan betul. Saya pun nak maklumkan kepada Dewan bahawa keputusan yang dibuat adalah keputusan Kementerian yang memberikan kepada 8 buah Syarikat di seluruh Negara termasuk HMN, HMN dan saya nak beritahu bahawa berhubung dengan soal yang dibangkit oleh Sekinchan mengenai memperkayakan oleh kroni saya difahamkan usahawan yang disebut tadi HMN adalah orang paling kuat dan banyak membantu Pakatan Rakyat dan mendapat habuan dan beliau ialah Ahli Jawatankuasa PAS sebelum ini dan banyak membantu Yang Berhormat Gombak Setia sewaktu berkempen tahun 1989 di Sg. Burong. Ah jangan soal-soal lompat. Yang Berhormat Sekinchan saya nak beritahu kepada Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat pun tidak jelas mengenai dasar ini bahawa sebenarnya dalam soal belian padi Kerajaan atau pun membeli padi pada sekitar harga RM1,400 diberikan janji. Maknanya Syarikat yang dapat membekalkan benih dia kena beli pada harga RM1,400 per tan pada petani yang membekalkan benih padi sah. Yang kedua Syarikat berkenaan juga kena menjual balik benih padi dengan harga RM1,400 kepada petani-petani dan pesawah dengan kadar RM28 per kilo. Di mana untungnya kepada Syarikat yang membekal kalau beli dengan yang ditutupkan dengan harga RM1,400 jual balik RM1,400 di mana untungnya. Maka datanglah sini isunya bagaimana Kerajaan terpaksa memberi subsidi kepada Syarikat-syarikat Pembekal termasuk HMN supaya mereka ada galakkan kerana mereka kena menyediakan loji yang bernilai juta-juta ringgit bukannya benih padi boleh dikeluarkan sekadar tanam besok dan dihasilkan. Dia kena menyediakan benih atau loji benih, loji padi menghasilkan benih padi yang berkualiti supaya boleh dibekalkan balik kepada masyarakat kepada petani-petani. Jadi isunya subsidi ini timbul kerana Kerajaan nak memberi galakkan kepada Syarikat-syarikat pembekal dapat membekalkan benih padi. Benih padi juga diberi pada harga RM1,400 tan yang mana Syarikat berhak untuk memilih mana-mana pesawah padi yang ada sebagai contoh HMN di Parlimen Tanjung Karang dia boleh membeli 600 petani. Syarikat petani yang boleh menghasilkan benih padi sah yang disahkan atau pun kualitinya diterima oleh Jabatan Pertanian baru boleh dibeli. Sudah tentu petani yang dipilih 600 orang dapat jaminan RM1,400. Inilah usaha untuk membantu petani. Tak timbul soal kroni dan Kerajaan hanya membayar RM1,035 subsidi kepada pembekal kerana pembekal keluarkan belanja. Nak bayar gaji nak bayar menyediakan loji bernilai berjuta ringgit menyediakan kemudahan menghantar dan sebagainya. Di mana datangnya soal memperkayakan kroni. Saya kata tadi ini hanya isu politik yang hanya dimainkan walau bagaimana pun saya mengambil perbahasan yang dibangkitkan oleh Sekinchan dan sepatutnya ini dibawa Parlimen. Jadi, apa Tuan Speaker itu sebenarnya peranan subsidi diberi kepada pengilang dan dalam soal ini tidak timbul. Lihatkan mana-mana juga usahawan mana-mana juga Syarikat kalau dia nak jadi pembekal tidak ada halangan. Mereka boleh bekalkan tetapi mereka tak dapat subsidi RM1,035 kalau Yang Berhormat Sekinchan pun nak tuduh

Syarikat hasilkan benih padi dapat mencapai kualiti benih padi sebagaimana yang dihasilkan yang dipersetujui oleh Jabatan Pertanian tidak ada kuota tidak ada halangan itu Syarikat.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Pengerusi minta laluan. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Permatang. Patut tak ustaz dari Meru ni bagi ceramah khas kepada YB Sekinchan agar jangan tuduh menuduh dan syak wasangka kepada Kerajaan Barisan Nasional atau pun Menteri Pertanian.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih Taman Templer. Saya ingat tak nak beberapa nak komen sebelah petang ini tapi pada sayalah kalau nak bercakap soal padi ini biarlah yang ada kawasan padi. Ah Sekinchan saya pun dari sebahagian saya sawah sempadan masuk kawasan sawah padi dan kalau nak beri pun hadis tazkirah biarlah kita siasat perkara yang benar, kalau yang betul dan kalau kita nak guna kena pada tempatnya. Saya boleh terima pandangan ini tetapi biar pada tempatnya dan pada ruang yang ada. Jadi Tuan Speaker saya ingin sedikit lagi menyambung kesimpulan saya sekiranya Kerajaan Negeri tetapi Yang Berhormat Sekinchan khususnya tidak berpuas hati dengan cara pengagihan benih padi tersebut, maka Kerajaan Negeri bolehlah saya cadangkan membuat sendiri sistem pengagihan yang mereka anggap adil dan telus. Tidak ada masalah. Saya cadangkan Kerajaan Negeri boleh buat sistem yang ada dan tak sama dengan sistem yang kononnya dikatakan ada kroni. Bukannya menjadi agenda untuk meningkatkan hasil padi dalaman, bukankah agenda dalam pakej rangsangan ekonomi negeri Selangor bernilai 50 bilion. Ada disebut. Takkanlah nak pakai satu atau pun dua bilion untuk buat skim benih padi sendiri kita tak mampu. Sepatutnya kita cuba kita juga. Saya cadangkan kita buat sistem dan Kerajaan Persekutuan kalau dikatakan tidak adil saya nak jelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan dalam memberikan apa juga bentuk subsidi tak pernah kira fahaman politik. Orang Pas, orang UMNO, orang PKR asal rakyat dia petani, dia layak dia tetap akan dapat semua subsidi yang dibagi. Hampir RM 1,700 setiap hektar Kerajaan Persekutuan belanjakan pada tiap-tiap pesawah daripada mula kapur, daripada anak benih sampai subsidi dia beri sampai harga jualan subsidi kerajaan beri RM 1700 per tan. Kalau subsidi ini kerajaan tak beri YB Speaker harga benih padi waktu jualan Cuma RM1,300. Subsidi RM17,00 petani tidak akan mampu dan sudah tentu petani tidak akan hendak meneruskan usaha menanam padi ini kerana tidak ada apa-apa pulangan yang mereka dapat. Jadi pada saya memberikan kuota padi ini bukan menjadi isu kepada kita sebenarnya dan tidak ada halangan dan ada juga syarikat-syarikat swasta di Sekinchan di Tanjung Karang buat benih padi dan menjual tetapi harga mereka tidak sampai kepada RM28.00 sekilo. Mereka tak mampu menjual pada harga yang berkenaan. Dan dalam soal pemberian Kerajaan Persekutuan benih padi, subsidi, racun, baja termasuk subsidi beli balik dan sebagainya tanpa kira parti, tanpa kira kroni tak ada pernah timbul soal kroni dalam pemberian subsidi Kerajaan Persekutuan kepada semua petani dalam Negara kita. Jadi saya berpandangan Y.B. Tuan Speaker usul ini bukanlah sesuatu yang boleh dipertimbangkan dan saya mohon kepada Y.B. Sekinchan minta digugurkan usul ini kerana tidak mendatangkan apa-apa pun faedah dan penyelesaian kepada isu ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadi sebelum saya meminta pihak kerajaan untuk memberi penjelasan ...aa..pembawa usul, ada penjelasan?

**YB TUAN NG. SUEE LIM:** Saya nak respons sedikit menjelaskan sedikit tentang perbahasan yang dibawa oleh Permatang tadi di mana beliau mengatakan bahawa Dewan Negeri ini bukan tempat yang sesuai untuk membahaskan isu seperti beras, padi dan sebagainya. Bagi saya dalam titah ucapan Tuanku DYMM Tuanku pun mengatakan Dewan Negeri ini adalah medan yang tertinggi untuk membicarakan menyelesaikan segala permasalahan rakyat termasuk petani dan sebagainya. Soal isu petani ni kita boleh bincang

dan saya bawa dengan cara usul saya bawa dengan usul khas untuk membincangkan perkara ini selepas semua urusan habis saya bawa dengan usul dan yang saya nak tegaskan di sini memang saya tidak menafikan memang selama ini Kerajaan Persekutuan memang menolong petani-petani tanpa mengira parti dan fahaman itu memang saya terima akur dengan hakikat tersebut. Tetapi yang saya pertikaikan dengan usul ini adalah cara pengagihan kota subsidi kepada syarikat-syarikat. Kenapa, saya pertikaikan kenapa daripada senarai yang saya ada 13 ini hanya dua syarikat sahaja yang dapat 17,000 yang lain 3,000 5,000. Ini saya nak tahu kenapa ini berlaku. Y.B Menteri Pertanian kena beri penjelasan kenapa hanya 2 dan dua-dua ini perwatakan mereka agak unik dan luar biasa. Satu, AJK Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Sg. Besar. Yang ke-2 Y.B. Ahli Parlimen Rembau, Y.B Khairy Jamaludin, Ketua Pemuda UMNO. Kenapa lain yang tak ada Ketua Pemuda tak dapat. 5,000 dengan 10,000 tak ada. Aaa... ini yang kita pertikaikan. Saya mahu yang kita hendak supaya agihan itu adil dan telus. Sistem "*migarisme*" tu ada, bukan soal...kalau petani itu dapat itu memang saya tak nafikan selama ini kerajaan membantu semua petani. Cuma pengagihan itu yang jadi masalah. Oleh yang demikian Tuan Speaker saya meneruskan.....

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, boleh saya memohon penjelasan. Y.B. Sekinchan, sebab itu saya kata tadi ini bukan tempat yang sesuai untuk kita membuat usul. Kalau Y.B. kata benda itu adil atau tidak adil Dasar Kementerian Tetap ada diberi berdasarkan keupayaan dan kemampuan syarikat-syarikat berkenaan. Saya pun sendiri tidak adil Tuan Speaker untuk menjawab bagi pihak Kementerian kerana di sini bukan Kementerian Pertanian bukan Parlimen. Dan kalau Y.B. Sekinchan nak teruskan juga dengan andaian bahawa tidak dan sebagainya ini sudah tentu pada saya pun tidak adil saya tidak boleh beri jawapan pada pihak Kementerian. Sebab itu saya kata usul ini perlu dibawa di Parlimen, di sini tidak ada YAB Ijok, ada Gombak, boleh bawa dalam Parlimen. Ada Puchong, boleh bawa dalam Parlimen. Jadi saya rasa sebab itu saya kata usul ini hanya sekadar untuk isu politik. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Aaa....YB untuk menjelaskan perkara ini kerana Y.B telah membangkitkan soal sama kesesuaian usul ini dibawa ke sini, di Dewan Negeri ini, aaa....sebenarnya itu adalah tanggungjawab saya untuk menjaga ya....dan di bawah Peraturan Tetap 26, 27 saya telah mengkaji saya bukan tengok saja Kementerian Pertanian maka saya boleh tolak terus saya kena tengok, kena kaji isi kandungan. Di sini usul ini mendesak ya...kalau usul ini mengatakan arahkan Kementerian maka saya akan tolak kerana Dewan tidak ada kuasa, bukan bidang kuasa kita untuk arahkan Kementerian Pertanian ya..Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi hanya mendesak. Sekadar desak tidak menjadi masalah kerana ini adalah suara rakyat yang dibentangkan melalui Wakil Rakyat di dalam Dewan ini yang akan ditentukan yang akan diputuskan oleh Dewan ini oleh semua Wakil Rakyat. Jadi tidak ada masalah kesesuaian ini dibangkitkan di sini. Jadi tidak, hanya mendesak. Baik...ya...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** .....dan saya tentang subsidi benih padi yang diberikan daripada 500, 500 sebelum ini saya diberitahu oleh pengilang lah banyak pengilang yang saya kenal 500 ini memang sudah mencukupi, mereka dah boleh untung tetapi sekarang sudah ditambah 1035, tambah 100%. Tetapi harga yang ditawarkan tadi mengatakan kita beli benih padi dengan petani mesti 1,400 dalam musim yang lepas, banyak petani yang padi mereka di kategori dalam benih padi tetapi hanya mendapat 1,300. Ini memang satu kenyataan yang tidak boleh disanggah. Oleh yang demikian saya mohon usul ini untuk diteruskan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Wakil Kerajaan....

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, antara dasar yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah Program Peningkatan Hasil Padi, bagi memastikan supaya pendapatan petani yang sebelum ini sekitar lima enam ratus bergerak ke lebih 1,500. Untuk tiga plot yang dilaksanakan 65% petani telah melepas pendapatan 1,500. Ada dua keputusan yang dibuat oleh menteri yang saya juga merasakan merugikan petani-petani. Satu ialah menamatkan subsidi jaminan makanan di mana ada peruntukan 12 juta di bawah program ini yang sepatutnya disalurkan pada tahun ini telah tidak diberi telah menyebabkan program untuk perataan tanah dan pengapuran tak dapat dijalankan sebahagian kawasan di Kawasan Sg. Leman. Keputusan ke dua yang saya kira juga merugikan petani ialah dengan memberi monopoli ke sebuah syarikat untuk membekalkan benih padi. Sebelum ini, benih padi ini dikawal oleh Jabatan Pertanian. Atas alasan bahawa tidak mungkin Jabatan yang mengawal kualiti juga jabatan yang mengeluarkan benih. Lalu Kementerian, menteri sebelum ini juga telah memutuskan supaya benih padi ini diberi kepada syarikat swasta. Ada isu yang timbul di mana pemberian satu lesen yang besar kepada satu syarikat untuk membekalkan benih padi ini telah menyebabkan petani berisiko tinggi. Ada *complaint-complaint* daripada petani yang mengatakan bahawa kemungkinan Padi Angin meningkat pada tahun ini kerana benih itu dikeluarkan dan tidak dapat disahkan secara kualitinya oleh Jabatan dan setakat yang lepas Jabatan tidak boleh masuk dalam kilang penghasilan benih padi. Dan saya minta kepada Jabatan supaya beritahu Menteri boleh masuk untuk mengesahkan *complaint* ini. Keduanya ialah apa ni....kawalan benih padi itu di mana Jabatan tidak punya kuasa yang besar untuk mengawal benih padi. Ini telah menyebabkan risiko tinggi yang ditanggung oleh petani. Bayangkan sekiranya 10% sahaja Padi Angin oleh kerana benih padi yang kurang berkualiti ia telah menjelaskan sekitar 1 tan hasil petani padi. Saya faham bahawa Dewan ini tidak punya kuasa penuh untuk memaksa Kementerian tapi sekurang-kurangnya Dewan ini punya cadangan untuk mendesak pihak Kementerian supaya skim pemberian lesen secara monopolii kepada penghasilan padi ini dapat disemak semula. Saya setuju dengan cadangan daripada Sekinchan supaya program benih padi ini yang diswastakan kepada UMNO ini disemak dan sebuah jawatankuasa di bawah jabatan supaya boleh memantau perjalanan lesen ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Y.B. sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahwasanya Dewan Yang Mulia ini mengambil ketetapan mendesak pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar segera mengambil perhatian dan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyiasat tentang berlakunya penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengagihan Kota Subsidi Benih Padi yang tidak adil dan telus dan seterunya menyebabkan kerugian kepada petani dan memperkayakan suku sakat kroni mereka sahaja. Ahli-ahli Y.B. yang bersetuju sila kata ya...

**AHLI-AHLI YB:** Ya.....

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Y.B. yang tidak bersetuju sila kata Tidak.....Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan Dewan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita ini sudah tamat dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Y.B – Y.B. daripada Barisan Nasional yang kali ini dibandingkan dengan perbincangan-perbincangan yang lepas lebih aktif dan kita perlu teruskan usaha ini walaupun Y.B. Sg. Pelek rasa tercabar tetapi ini adalah suatu keadaan yang sangat

selesa jika dibandingkan dengan Parlimen Malaysia. Dan perkara-perkara yang dibangkitkan amat berasas. Saya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Dewan kerana membuat beberapa kajian dan memberikan pandangan-pandangan yang dapat menolong kita daripada segi pentadbiran. Oleh itu, bagi pihak saya dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kita mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke satu masa yang ditetapkan kelak.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Y.B. sekalian, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan Negeri yang telah pun memberikan persembahan yang bermutu dalam menyertai perbahasan sama ada membahaskan usul ataupun rang undang-undang. Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, saya ingin mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah memberikan kerjasama bagi melicinkan perjalanan Persidangan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Ketiga ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan, kakitangan Pejabat Dewan selaku Urus Setia dan pelapor-pelapor yang telah berusaha sesungguhnya menyediakan dan menyiapkan pernyata rasmi bagi mesyuarat kali ini.

Oleh itu, besar harapan saya kepada Yang Berhormat agar dapat menyemak kembali draf pernyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan sila kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan dengan kadar segera agar pernyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian.

Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung di atas kerjasama tuan puan menjayakan mesyuarat pada kali ini.

Dengan ini, saya menangguhkan Persidangan hari ini hingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

( Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam )